

Jilid I
Bil. 70



Hari Isnin
19hb Oktober, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Y.B. Drs Suleiman bin Mohamed—Kebenaran [Ruangan 11717]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 11717]

PENERANGAN Y.B. TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI:

Peristiwa Tembakan di Jalan Raja Laut [Ruangan 11776]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara [Ruangan 11783]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA** (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO DR LING LIONG SIK**, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' DR LIM KENG YAIK**, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE**, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, **TUAN ANWAR BIN IBRAHIM** (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, **DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR**, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, **TUAN DAIM ZAINUDDIN** (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, **DATO' CHAN SIANG SUN**, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, PUAN NAPSI AH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
 „ DR CHEN MAÑ HIN (Seremban).
 „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
 „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
 „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
 „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
 „ DR V. DAVID (Puchong).
 „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
 „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
 „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
 „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
 „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
 „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
 „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
 „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
 „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
 „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
 „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
 „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
 „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
 „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
 „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
 „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
 „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
 „ TUAN KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
 „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
 „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
 „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
 „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
 „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
 „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

- Yang Berhormat TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

Yang Berhormat PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 19hb Oktober, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUACUTI Y.B. DRS SULEIMAN
BIN MOHAMED—KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada:

Y.B. Drs Suleiman bin Mohamed bagi kawasan Titiwangsa dari 16hb-30hb Oktober, 1987.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANBAYARAN PINJAMAN KEPADA
PENGUSAHA KECIL
BUMIPUTERA

1. **Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Pertanian menerangkan sama ada Kementerian beliau menyedari bahawa pada masa ini ramai pengusaha-pengusaha kecil Bumiputera yang mengusahakan

perkebunan Kelapa Sawit sedang mengalami masalah dan kesusahan di dalam membayar balik pinjaman mereka kepada bank-bank perdagangan dan mengakibatkan kebun mereka terpaksa dilelong.

- (a) apakah atau adakah langkah-langkah dari pihak Kementerian Y.B. untuk menyelamatkan pengusaha-pengusaha kecil Bumiputera tersebut seperti melonggarkan atau menurunkan kadar faedah di dalam pembayaran pinjaman mereka; dan
- (b) atau usaha sama (joint venture) dengan badan-badan atau agensi-agensi Kerajaan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu dan langkah-langkah sewajarnya untuk membantu mereka telah pun diambil. Di antaranya ialah Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah mengarahkan bank-bank agar meneliti punca masalah yang dihadapi oleh pelanggan-pelanggan dan mencadangkan penyelesaian sama ada melalui pembiayaan semula atau penyusunan semula pinjaman-pinjaman. Bank-bank ini diminta untuk mengelak dari merampas atau melelong harta-harta kerana kegagalan pembayaran pinjaman dan tindakan-tindakan sebegitu hanya perlu diambil sebagai usaha terakhir.

Berkenaan dengan kadar faedah, pengusaha-pengusaha kecil bumiputera adalah layak mendapat priority ceiling rate, dengan izin, sebanyak 8.75% setahun. Bagi kadar-kadar faedah yang disandar kepada kadar pinjaman asas (BLR) bank-bank, kadar pinjaman asas telah pun diturunkan beberapa kali. Berkuatkuasa mulai 1hb September, 1987, kadar pinjaman asas dua bank utama di Malaysia adalah 7.0% setahun, manakala kadar pinjaman asas bank-bank lain sepatutnya tidak melebihi 7.5% setahun. Margin maksimum di atas kadar pinjaman asas yang boleh dikenakan juga telah ditetapkan tidak melebihi 5.0% setahun termasuk 1% penalti.

Berhubung dengan cadangan usahasama dengan badan-badan atau agensi Kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun kecil mengatasi masalah kewangan yang dihadapi, pihak Kementerian buat masa ini belum mempunyai rancangan tersebut.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa banyak pekebun-pekebun kecil terutama bagi pekebun kelapa sawit menghadapi beberapa masalah kewangan. Adakah pihak Kementerian bercadang melancarkan konsep mini estet supaya menggabungkan pekebun-pekebun kecil kelapa sawit dan menarui konsep ini memberi subsidi-subsidi baja dan terus memberi, mengajar teknik-teknik pengurusan supaya meningkatkan produktiviti dan meningkatkan hasil-hasil yang dikeluarkan? Jika tidak, mengapa tidak?

Tuan Mohd Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, soal kelapa sawit ini kita serah kepada FELDA mengendalikannya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan tentang prospek kepada pekebun kelapa sawit memandangkan saingan yang hebat daripada negara Indonesia dan saya dapat tahu bahawa negara Thailand juga akan memulakan pengeluaran hasil kelapa sawit mulai awal tahun hadapan.

Tuan Mohd Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, soal kelapa sawit sebenar sekali adalah soal yang hari ini dipikul oleh Kementerian Perusahaan Utama. Walau bagaimana sekalipun, suka saya nyatakan bahawa sungguhpun persaingan wujud di antara kita dengan Indonesia atau Thailand, tetapi dengan keupayaan yang ada pada kita, maka kita tidak harus berasa begitu bimbang.

PROGRAM BEKALAN AIR/ ELEKTRIK LUAR BANDAR

2. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) peruntukan yang telah diberi untuk membekal api dan air kepada kawasan-kawasan luar bandar pada tahun 1985 dan 1986 dan berapakah sebenarnya kewangan yang telah dibelanjakan untuk pembekalan tersebut pada dua tahun itu; dan
- (b) adakah beliau sedar pelaksanaan projek-projek luar bandar sedang menghadapi beberapa masalah berkaitan dengan masalah koordinasi antara Jabatan-Jabatan Kerajaan dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Menteri untuk menyelesaikan masalah koordinasi tersebut dan untuk menyelaraskan semua masalah berkaitan dengan memperolehi peruntukan dari Kementerian Luar Bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, peruntukan dan perbelanjaan sebenar Program Bekalan Air Luar Bandar bagi tahun 1985 dan 1986 adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan	Perbelanjaan
1985	\$45,550,066	\$36,208,018.06
1986	\$49,513,121	\$37,338,157.83

Peruntukan dan perbelanjaan Program Bekalan Elektrik Luar Bandar bagi tahun 1985 dan 1986 adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan	Perbelanjaan
1985	\$ 56,600,000	\$ 55,716,697
1986	\$125,000,000	\$125,000,000

Bagi soalan (b), ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengendalikan berbagai peruntukan pembangunan. Sebagai contoh, peruntukan Bekalan Elektrik Luar Bandar, Bekalan Air Luar Bandar dan Jalan Luar Bandar. Peruntukan-peruntukan ini adalah untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri mengadakan kemudahan-kemudahan asas di kawasan luar bandar.

Setahu saya terdapat kerjasama yang erat di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan Projek-projek Luar Bandar di bawah kendalian Kementerian. Begitu juga tidak timbul masalah koordinasi dalam melaksanakan projek-projek tersebut antara Jabatan-jabatan yang melaksanakan projek-projek tersebut seperti JKR Negeri yang melaksanakan projek-projek Bekalan Air Luar Bandar dan Jalan Luar Bandar ataupun Ibupejabat LLN, LLN peringkat Negeri yang melaksanakan projek-projek Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Semua Projek-projek Luar Bandar seperti Bekalan Air Luar Bandar, Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Jalan Luar Bandar dirancang oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan-jabatan yang berkaitan di peringkat Negeri seperti JKR dan LLN.

Tiap-tiap tahun kewangan Kerajaan Negeri akan mengemukakan senarai projek yang telah dirancang itu untuk dilaksanakan. Setelah meneliti cadangan-cadangan tersebut, Kementerian saya akan meluluskan peruntukan kepada Negeri-negeri untuk melaksanakan projek-projek yang dikemukakan itu. Tetapi bukan semua peruntukan yang dipohon itu akan diluluskan kerana ianya bergantung pula kepada kemampuan kewangan Kerajaan Persekutuan.

Tidak timbul sebarang masalah koordinasi sama ada di peringkat perancangan ataupun di peringkat pelaksanaan antara pihak-pihak yang terlibat seperti Kementerian saya, JKR Negeri ataupun LLN. Bagaimanapun, saya tidak menafikan akan adanya masalah-masalah kecil dari masa ke semasa dalam kita mengendalikan apa jua program pembangunan dan selalunya masalah-masalah yang kecil ini dapat diatasi tanpa menjejaskan matlamat sesuatu program itu.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan peruntukan yang telah diberi untuk pembekalan air ini, saya ingin dapat tahu sebab apakah peruntukan yang telah diberi begitu lebih ataupun perbelanjaan yang disebutkan begitu kurang jika dibandingkan dengan peruntukan yang telah diberikan?

Tuan Mohamed bin Jamrah: Memang pencapaian pelaksanaan air luar bandar pada tahun 1985 ialah 79.5% dan tahun 1986 75.4%. Untuk

makluman Yang Berhormat, perbelanjaan yang dapat dibuat di bawah peruntukan Bekalan Air Luar Bandar pada tahun 1985 dan 1986 adalah berkurangan kerana perbelanjaan yang kurang memuaskan ini adalah disebabkan keadaan yang tidak dapat ditentukan pada tahun-tahun tersebut kerana Kerajaan belum membuat keputusan sama ada program ini hendak diteruskan apabila Kerajaan memutuskan supaya projek Bekalan Air Luar Bandar dilaksanakan secara 'turnkey' oleh Antah Biwater. Akhirnya, Kerajaan telah bersetuju untuk meneruskan juga projek-projek Bekalan Air Luar Bandar di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Keputusan ini diketahui hanya di pertengahan tahun 1985 yang menjejaskan pelaksanaan beberapa projek iaitu projek-projek berkenaan telah terlewat dilaksanakan. Kelewatan pelaksanaan ini menyebabkan beberapa projek Bekalan Air Luar Bandar dalam tahun 1985 terpaksa diteruskan pelaksanaannya dalam tahun 1986 dan projek-projek tahun 1986 juga mengalami kelewatan yang sama.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan masih banyak lagi kawasan-kawasan di luar bandar yang belum dapat menikmati bekalan api, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagaimanakah cara dan kaedah yang digunakan oleh pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di dalam memberikan pengagihan peruntukan kepada negeri-negeri? Apakah kriteria-kriteria yang digunakan di dalam membuat pengagihan ini?

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, antara kriteria yang kita gunakan ialah dari segi kos per kapita untuk perbelanjaan sesuatu projek itu.

PEMBAKARAN MASJID DI PEKAN/TEMERLOH

3. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Dalam Negeri menjelaskan apakah Kerajaan sudah mengenal pasti mereka yang terlibat dalam kejadian peristiwa pembakaran masjid di Pekan dan Temerloh Negeri Pahang baru-baru ini. Apakah motif pembakaran tersebut dan apakah tindakan tegas Kerajaan untuk menghukum mereka yang terlibat dan apakah Kerajaan sudah membina masjid baru bagi menggantikan masjid yang sudah terbakar dan berapakah jumlahnya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan Kerajaan setakat ini telah menghasilkan beberapa maklumat mengenai mereka yang bertanggungjawab terhadap pembakaran masjid-masjid di daerah Pekan dan Temerloh dalam bulan Ogos yang lalu. Namun demikian, pihak Kerajaan ataupun Polis tidak mahu memaklumkan maklumat ini pada waktu ini supaya tidak menjejaskan siasatan lanjut yang sedang dijalankan oleh pihak Polis.

Tindakan yang sewajarnya yang akan diambil ke atas mereka yang terlibat dalam kejadian itu bergantung kepada hasil siasatan tersebut.

Mengenai masjid yang telah dibakar itu, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah \$530,000 bagi pembinaan 4 buah masjid baru bagi menggantikan masjid yang terbakar iaitu Masjid Kampung Serambi, Pekan; Masjid Kuala Triang, Pekan; Masjid Kampung Bohor Baru, Temerloh; Masjid Kampung Nyiak, Temerloh dan juga membaiki sebuah Masjid Kampung Temoi Tengah, Pekan yang juga mengalami kerosakan. Tindakan untuk membina dan membaiki masjid-masjid yang terlibat telah pun diambil.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebenarnya muslihat Kerajaan ataupun pihak Polis tidak mahu mendedahkan hasil penyiasatan yang setakat ini dicapai dan apakah ia hanya sekadar mahu menenangkan perasaan orang-orang Islam di negara ini dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kepada Dewan ini apakah tindakan pembakaran masjid di Pekan dan di Temerloh itu adalah merupakan tindakan lanjut daripada perbuatan pada satu masa dahulu yang menentang ataupun yang membangkang penggunaan tulisan Jawi di negeri itu?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bukanlah hasrat Kerajaan atau pihak Polis semata-mata untuk menenangkan perasaan orang-orang Islam dan orang ramai, tetapi lebih daripada itu ialah kerana kita merasakan bahawa kalau sekiranya kita heboh-hebohkan, kemungkinan pihak yang terlibat atau, dengan izin, 'suspect' yang terlibat, akan mengurangkan aktivitinya. Tetapi dengan cara kita senyapkan dahulu maka pergerakan mereka akan berkembang kembali dan dengan itu senanglah kita mengambil tindakan dan ini mendapat kejayaan yang lebih bagi pihak kita.

Tuan Mohamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar orang yang disyaki telah ditangkap tetapi ianya dikatakan berpura-pura gila?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

ASEAN—SIDANG KEMUNCAK DI FILIPINA

4. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah persediaan Malaysia bagi

Sidang Kemuncak ASEAN Ketiga di Filipina terutama dalam usaha mencari arah baru dalam kerjasama ekonomi di kalangan anggota ASEAN khususnya dalam konteks mewujudkan ASEAN bukan sahaja sebagai pusat pengeluar teknologi tinggi di masa hadapan tetapi juga sebagai sumber pembekal komponen kepada Amerika Syarikat dan Jepun.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, Sidang Kemuncak ASEAN Ketiga yang dijadualkan pada pertengahan Disember 1987 di Manila bertujuan untuk mengkaji dan menilai semula berbagai aspek kerjasama yang dicapai oleh ASEAN sejak 20 tahun yang lalu dan untuk menggubal arah serta strategi baru bagi kerjasama ASEAN di masa hadapan. Fokus utama Sidang Kemuncak itu adalah untuk mengkaji inisiatif baru bagi meningkatkan kerjasama ekonomi serantau ASEAN.

Soal keberkesanan jentera ASEAN dalam memenuhi kehendak dan keperluan ASEAN bagi meningkatkan kerjasama dalam bidang ekonomi dan bukan ekonomi dengan lebih pesat lagi serta persoalan mengenai perhubungan ASEAN dengan Negara-negara Dialog akan juga diberi perhatian.

Untuk menjamin agar segala objektif-objektif itu dicapai, kerja-kerja persiapan untuk Sidang Kemuncak Ketiga ini dibuat dipelbagai peringkat oleh negara-negara anggota ASEAN. Kerajaan-kerajaan ASEAN telah menubuhkan badan-badan tertentu untuk meneliti serta mengkaji dengan mendalam segala aspek hubungan kerjasama ASEAN bagi membuat perakuan-perakuan serta syor-syor untuk memesat dan mempertingkatkan kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN.

Malaysia serta negara-negara anggota yang lain telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk memastikan agar Sidang Kemuncak itu dapat melahirkan satu daya tenaga yang utuh serta arah baru dalam usaha memajukan kerjasama ekonomi dan bukan ekonomi ASEAN, memperkukuhkan jentera ASEAN dan meningkatkan kerjasama ekonomi antarabangsa ASEAN, khususnya dengan negara-negara dialog.

Sehubungan dengan itu sukalah saya menjelaskan bahawa ASEAN sedang membuat kajian yang mendalam mengenai isu-isu yang boleh meningkatkan kerjasama ekonomi seperti pelaburan, perdagangan, pengangkutan, pelancongan, urusan bank dan kewangan dan sebagainya. Adalah dijangka dengan usaha-usaha yang berkenaan dan inisiatif baru yang direncanakan akan dapat menghasilkan manfaat yang lebih kepada negara-negara anggota untuk meningkatkan kerjasama ekonomi antara ASEAN. Dalam hubungan ASEAN dengan negara-negara dialog pula, ASEAN akan terus mempererat lagi hubungan bagi mencukupi bidang kerjasama yang lebih meluas seperti menembusi pasaran negara-negara berkenaan bagi barangan keluaran ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, ASEAN juga sentiasa menumpukan perhatian untuk menjadi pengeluar teknologi tinggi di masa hadapan dan juga sebagai sumber pembekal komponen kepada Amerika Syarikat dan Jepun. Dalam hal ini perlu ditegaskan bahawa peringkat pembangunan, strategi dan rancangan perindustrian negara-negara anggota ASEAN adalah berbeza bergantung kepada keutamaan masing-masing. Namun begitu, ASEAN sebagai satu gugusan serantau akan berusaha untuk

meningkatkan tahap keupayaan sebagai pengeluar dan pembekal teknologi tinggi serta komponen-komponen kepada negara-negara maju.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan keadaan politik yang tidak begitu stabil di Manila, Filipina, adakah pihak negara-negara anggota ASEAN akan menimbangkan satu tempat alternatif untuk mengadakan mesyuarat yang akan datang?

Keduanya, walaupun ASEAN telah mengambil banyak langkah-langkah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, tetapi 20 tahun telah berlalu sejak penubuhan ASEAN sebagai satu Badan Kerjasama Ekonomi Serantau, walaupun demikian, tetapi hari ini kerjasama ekonomi di ASEAN gagal kerana intra-ASEAN trade, perdagangan di antara anggota-anggota ASEAN ini kurang daripada 5% dari jumlah perdagangannya. Soalan saya ialah, apakah breakthrough yang akan dicapai dalam mesyuarat yang akan datang untuk mungkin memperluaskan item-item di atas senarai Trade Preferential Item Agreement sebagai satu langkah untuk memperluaskan intra-ASEAN trade.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak Kerajaan Filipina menyatakan bahawasanya keadaan terkawal dan mereka berhajat untuk meneruskan usaha untuk mengadakan Sidang Kemuncak di Manila. Pihak Kerajaan Malaysia sedang melihat dengan dekat, dengan serius tentang perkembangan semasa yang berlaku di Manila. Sekiranya tiada apa-apa perkara yang mungkin lebih buruk berlaku, insya Allah, Sidang itu akan terus diadakan di Manila.

Keduanya, ialah berkenaan dengan kurangnya kerjasama ekonomi antara negara-negara ASEAN. Ini memang diakui oleh anggota-anggota ASEAN, sebab mengapa Sidang Kemuncak Ketiga ini dicadangkan diadakan serta merta di Manila. Tentang break-through yang dicadangkan bakal dan mungkin didapati dalam persidangan tersebut sama-samalah kita tunggu bila adanya Sidang Kemuncak ini. Saya yakin dan percaya beberapa break-through akan dapat dicapai dalam persidangan yang maha penting itu.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa perundingan bilateral telah diadakan di antara pemimpin-pemimpin Filipina dan Malaysia, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada isu Sabah akan diselesaikan sebelum Sidang Kemuncak ASEAN ini diadakan di ibu kota negara Filipina?

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini terkeluar daripada soalan asal.

ANGGOTA TENTERA YANG BERSARA

5. **Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Pertahanan menjelaskan berapakah jumlah tentera yang bersara setakat tahun 1980 hingga 1986. Berapa jumlah yang telah mendapat latihan kemahiran dan berapa pula yang sudah bekerja semula dengan Kerajaan atau badan-badan berkanun. Berapa pula menjadi peneroka di rancangan tanah dan berapa pula yang terlibat dengan perniagaan. Daripada jumlah itu berapa jumlah yang masih menganggur.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, bilangan anggota Angkatan Tentera Malaysia yang bersara dan yang telah tamat perkhidmatan semenjak tahun 1980 hingga 1986 ialah seramai 32,842 anggota.

Pada umumnya, ada empat bidang latihan yang diberikan kepada bakal-bakal bekas perajurit sebelum mereka tamat perkhidmatan dalam Angkatan Tentera Malaysia. Bidang-bidang tersebut ialah:

- (i) Bidang Latihan Vokasional dan Teknikal;
- (ii) bidang Usahawan dan Perniagaan;
- (iii) bidang Pertanian dan Ternakan; dan
- (iv) bidang Latihan Sambil Kerja

Dari empat bidang tersebut seramai 25,468 anggota telah menjalani latihan peralihan dalam tempoh tahun 1980 hingga 1986.

Mengenai perangkaan sebenar bagi mereka yang telah bekerja semula dengan Kerajaan atau badan-badan berkanun setelah berhenti dari Angkatan Tentera adalah sukar untuk diberikan. Ini adalah kerana pengambilan ke atas bekas perajurit dijalankan oleh agensi-agensi atau badan-badan berkanun yang berkenaan. Walau bagaimanapun, bagi tujuan peralihan atau pengambilan kerja ke agensi-agensi dan Jabatan-jabatan Kerajaan sepertimana terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan 4 Tahun 1979, sebanyak 45 jawatan dalam Kumpulan D telah diberi keutamaan untuk diisi oleh bekas-bekas anggota tentera dan bekas-bekas polis.

Bilangan bekas anggota tentera yang menyertai rancangan tanah FELDA hingga tahun 1986 iaitu

seramai 8,120 orang manakala bagi tahun 1987 seramai 161 orang telah berjaya menyertai rancangan-rancangan tanah FELDA.

Mengenai bilangan bekas anggota tentera menceburi bidang perniagaan ini juga sukar untuk ditentukan kerana sebahagian besar mereka yang tamat perkhidmatan tentera dan menceburi di bidang ini tidak melaporkan ke Kementerian ini terhadap aktiviti perniagaan mereka. Maklum balas dan maklumat-maklumat mengenai penyertaan di bidang perniagaan ini hanya dari mereka yang memohon di Kementerian untuk mendapatkan nasihat usahawan, permohonan lesen atau permit, permohonan untuk mendapatkan surat sokongan dan juga melalui bilangan penyertaan dalam kursus-kursus usahawan yang dikendalikan oleh Kementerian Pertahanan. Dari jumlah 2,056 bekas perajurit yang mengikuti kursus usahawan dari tahun 1980 hingga 1986 seramai 224 orang telah menceburkan diri ke dalam bidang perniagaan yang mana angka-angka ini didapati dari jawapan-jawapan soal selidik yang dikemukakan kepada mereka. Dalam hubungan ini juga, bilangan mereka yang mengikuti latihan peralihan dalam bidang pengurusan usahawan dari tahun 1980 hingga 1986 ialah seramai 8,470. Walau bagaimanapun angka-angka ini tidaklah dapat dianggap sebagai angka sebenar bagi mereka yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

Mengenai jumlah bekas perajurit yang menganggur, Kementerian ini juga tidak dapat memberi jawapan yang tepat, hanya Kementerian ini boleh berpandukan daripada angka pendaftaran dari Kementerian untuk mendapatkan pekerjaan. Dari tahun 1980 hingga 1986, seramai 15,263 bekas perajurit yang telah mendaftar untuk mendapatkan pekerjaan dan dari jumlah tersebut seramai 4,550 telah berjaya ditawarkan pekerjaan.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Andai kata negara kita menghadapi kesusahan atau ancaman sama ada dari dalam atau luar, apakah anggota-anggota tentera yang sudah berhenti atau bersara ini dapat dikerah kembali untuk menjaga keselamatan negara?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, selalunya anggota lain-lain pangkat selepas dua tahun mereka bersara, nama mereka dibawa ke dalam Reserve List dan mereka boleh dipanggil balik berkhidmat di dalam Angkatan Tentera.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada ramai bekas anggota tentera yang menghadapi kesulitan untuk mendapat permit-permit untuk mengusahakan pengangkutan awam, misalnya untuk mendapat permit teksi dalam bandar dan oleh yang demikian mereka terpaksa menyewa permit teksi untuk mencari rezeki. Sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tentang perkara ini, maka saya ingin mendapat tahu apakah bantuan yang dapat diberikan oleh Kementerian yang berkenaan untuk memastikan bahawa mereka yang ingin memandu teksi ataupun mengusahakan pengangkutan awam ini boleh mendapat permit untuk tujuan yang tersebut?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan memang sedar tentang kesukaran bekas-bekas perajurit untuk memohon permit teksi. Walau bagaimanapun, Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit di Kementerian Pertahanan sedang mengambil tindakan untuk menghadapi masalah ini bagi pihak bekas-bekas anggota tentera.

FAMA—KEMPEN ATAS KOMODITI TEMPATAN

6. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin minta Menteri Pertanian menyatakan bilangan kempen-kempen pertanian seperti susu segar, makan buahan tempatan, minum air kelapa, makan ulam, buku hijau dan berbagai-bagai lagi yang telah dilancarkan serta bagaimana sambutan kaum tani dan orang ramai dalam kempen-kempen ini; adakah kempen ini mendapat kejayaan seperti yang diharapkan atau sebaliknya; jika berjaya sila berikan butir-butir kejayaannya dan jika gagal sila beri sebab-sebabnya dan apakah tindakan selanjutnya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian melalui FAMA telah melancarkan kempen-kempen seperti berikut:

- (1) Kempen Makanlah Buah-buahan Tempatan—mulai tahun 1971;
- (2) Kempen Makanlah Ikan Air Tawar—mulai September tahun 1982;
- (3) Kempen Galakan Minumlah Air Kelapa Muda—mulai 27hb September, 1986;
- (4) Kempen Minumlah Susu Segar—mulai Disember, 1986;
- (5) Kempen Makan Cendawan—mulai Julai 1987;
- (6) Kempen Makanlah Ulam dan Sayur Tempatan—mulai Ogos 1987.

Kempen-kempen ke atas komoditi-komoditi adalah bertujuan untuk menambahkan permintaan ke atas barangan tempatan yang seterusnya akan memberi faedah kepada petani-petani dan juga dari segi penjimatan wang negara berikutan pengalihan pengguna-pengguna kepada hasil-hasil keluaran tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kempen yang telah dilaksana telah mendapat kejayaan seperti yang diharapkan. Ini telah dapat dibuktikan melalui sambutan dari berbagai pihak seperti pengguna, restoran, hotel dan lain-lain.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya Kerajaan telah melancarkan beberapa kempen seperti minum air kelapa muda dan lain-lain dan makan buah-buahan tempatan. Tetapi adakah Timbalan Menteri sedar bahawa buah-buahan tempatan yang lebih mahal daripada buah-buahan import. Maka adakah ini satu halangan terhadap kempen-kempen iaitu untuk makan buah-buahan tempatan digagalkan?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, kalau harga buah-buahan tempatan itu mahal, ini bermakna bahawa ianya mendapat demand yang lebih daripada yang kita kehendaki. Jadi, ini sesuatu yang baik. Saya berharap jikalau suasana sebagaimana dinyatakan oleh Yang Berhormat itu berjalan pada hari ini dan saya yakin berjalan, maka ini adalah suatu kejayaan bagi kita.

Tuan Mohd Zihin bin Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Benarkah bahawa kempen minum air kelapa muda ini tidak lagi berkesan di pasaran kerana ini katanya melemahkan tenaga zahir dan batin? (*Ketawa*)

Yang kedua, bila Kempen Tanah Terbiar akan dilancarkan secara besar-besaran?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, soal air kelapa muda, pada hari ini kita mendapat laporan bahawa sambutannya begitu hangat dan disetengah-setengah hotel pada hari ini dijadikan "minum air kelapa muda" sebagai minuman Selamat Datang. Jadi, bila kita sampai di hotel itu maka kita akan diberi secara percuma air kelapa muda.

Soal tenaga batin atau tenaga zahir, pada hemat kami setakat ini tidak ada laporan yang menyatakan bahawa tenaga batin makin lemah atau kurang, barangkali tenaga ini agaknya makin handal berpunca dari minum air kelapa. (*Ketawa*)

Berhubung dengan tanah terbiar, kempen, mengenainya, sudah berjalan sejak beberapa tahun yang lalu dan kita berharap setiap Ahli Parlimen yang ada pada hari ini cuba seboleholehnya menggalakkan rakyat kita supaya menggunakan tanah terbiar itu dengan sepenuhnya supaya kita dapat menghasilkan buah-buahan yang banyak dan juga tanaman-tanaman lain dengan lebih banyak lagi.

CORPORATE TAX— CADANGAN PENGURANGAN

7. Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar minta Menteri Kewangan menyatakan baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membayangkan bahawa kadar corporate tax akan diturunkan ke paras yang belum ditentukan. Banyak manakah kekurangan (shortfall) pendapatan Kerajaan andainya tahap ini diturunkan ke paras yang sama dengan Thailand; banyak mana pula anggaran peningkatan kemasukan pelaburan dari luar negeri sebagai hasil dari pengurangan corporate tax ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa pada masa ini syarikat-syarikat di Malaysia adalah tertakluk kepada 40% cukai pendapatan, 5% cukai pembangunan dan 3% cukai keuntungan berlebihan bagi pendapatan yang melebihi \$2 juta. Sekiranya kadar cukai koporat ataupun corporate tax, dengan izin, diturunkan ke paras yang sama dengan Thailand ataupun negara jiran iaitu

35%, kehilangan hasil kepada Kerajaan dianggarkan lebih kurang sebanyak \$421 juta setahun.

Mengenai bahagian yang kedua pula adalah agak sukar bagi pihak Kerajaan untuk menganggar peningkatan kemasukan pelabur-pelabur dan juga pelaburan-pelaburan dari luar negeri sebagai kesan daripada pengurangan cukai koporat tersebut. Ini adalah disebabkan kemasukan pelaburan bukan sahaja bergantung kepada kadar cukai ataupun cukai koporat sahaja, tetapi bergantung juga kepada faktor-faktor lain seperti kos buruh, kadar utiliti, kemudahan infrastruktur dan kestabilan ekonomi dan politik.

MENDALAMKAN MUARA SUNGAI-SUNGAI DI TERENGGANU

8. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mendalam muara sungai-sungai di Terengganu dan adakah beliau sedar bahawa keupayaan sebuah kapal korek yang diperuntukkan sekarang adalah jauh dari memuaskan. Apakah tidak ada cadangan untuk mengkontrakkan kepada swasta bagi kerja-kerja tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Laut telah mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mendalamkan muara sungai-sungai di Terengganu. Dalam bulan Julai 1986, satu pengukuran hidrografi telah dijalankan di Sungai Terengganu dan didapati sebanyak 591,200 meter padu pasir perlu dikorek di kawasan tersebut. Dari kajian-kajian yang telah dibuat, Jabatan Laut telah mengenalpasti tempat-tempat yang perlu dikorek mengikut keutamaan iaitu Kuala Terengganu, Marang, Kerteh, Setiu dan Paka.

Jabatan Laut telah menempatkan 2 buah kapal korek di Sungai Terengganu yang telah mengorek sebanyak 209,533 meter padu pasir. Operasi pengorekan hanya dimulakan pada bulan Februari dan April 1987 oleh kedua-dua kapal tersebut.

Kelewatan telah timbul oleh kerana aliran terusan yang perlu dikorek telah menyimpang dari cadangan asal bagi mewujudkan satu terusan yang selamat bagi bot-bot penambang antara Seberang Takir dan bandar Kuala Terengganu. Kedua-dua kapal korek tersebut telah juga mengalami kerosakan yang memberhentikan operasi sekarang.

Pembaikan segera sedang dijalankan walaupun Jabatan Laut menghadapi masalah kekurangan peruntukan kewangan untuk membeli dan menyimpan alat-alat ganti yang mustahak. Walau bagaimanapun tindakan telah pun diambil bagi membuat alat-alat ganti di kilang tempatan dan dijangka siap pada bulan November 1987. Kerja-kerja pengorekan akan dimulakan setelah kerja-kerja pembaikan ini diselesaikan.

Mengenai penswastan kerja-kerja pengorekan, Kementerian Pengangkutan sedang mengkaji dan menimbang untuk memberikan kontrak kerja-kerja korek-mengorek kepada swasta bukan sahaja di Terengganu tetapi di seluruh Semenanjung Malaysia. Kementerian Pengangkutan sedang mengkaji cara-cara bagaimana kerja-kerja tersebut dapat dijalankan dengan lancar dan menjimatkan perbelanjaan. Kerja-kerja korek-mengorek adalah juga memerlukan pengawasan yang teliti dan rapi untuk memastikan pengorekan dilaksanakan dengan memuaskan dan untuk maksud ini pihak Kerajaan perlu menimbang mengadakan pengawasan yang teliti oleh sebuah agensi yang khusus.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ingin saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kedudukan Kuala Besar di Tumpat, Kelantan di dalam prioriti yang ke berapa, kerana kita bimbang keadaan hujan yang semakin lebat dan Kelantan adalah salah satu negeri yang mungkin mengalami banjir teruk dan bolehkah Timbalan Menteri memberi keutamaan untuk membuat korek-mengorek di Kuala Besar, Tumpat?

Tuan Yang di-Pertua: Pada fikiran saya, soalan itu tidak bersangkutan. Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian sedar bahawa pemendapan pasir-pasir di muara sungai ini telah menghalang banyak bot-bot terutama bot-bot para nelayan untuk berlabuh dalam sungai ataupun ke kawasan muara dan kita menyedari bahawa sekejap lagi akan tiba musim tengkujuh, jadi apakah langkah sementara daripada pihak Kementerian untuk memastikan bahawa bot-bot terutama bot-bot nelayan itu dapat berlabuh.

Soalan kedua, adakah pihak Kementerian sedar bahawa longgokan serta timbunan pasir yang begitu nyata di muara Sungai Besut telah menghalang bot-bot nelayan untuk rapat ke dalam bagi mendaratkan ikan-ikan mereka dan apakah langkah-langkah yang patut diatasi?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian dan Jabatan Laut menyedari mengenai pemendapan-pemendapan pasir sebagai halangan kepada bot-bot dan kerja-kerja untuk mengorek ini seperti saya kata tadi telah tergendala. Oleh kerana itu kita terpaksa mencari cara lain untuk membolehkan kerja-kerja ini dapat dilaksanakan sekiranya dan terdapat

keadaan yang mendesak sebelum kapal-kapal yang rosak itu dapat diperbaiki dan memang kita tahu bahawa dalam keadaan musim tengkujuh kapal-kapal pun tidak boleh membuat kerja korek-mengorek. Dan dalam catatan saya yang ada di sini keadaan Sungai Besut tidak ada, oleh sebab itu saya minta notis untuk memberikan keadaan yang sebenarnya.

SEKOLAH MENENGAH POI LAM— BANTUAN

9. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada perjanjian-perjanjian beliau dan Timbalan Perdana Menteri bahawa Kerajaan akan memperuntukkan 100 ribu ringgit kepada Sekolah Menengah Shen Jai, Ipoh dan 100 ribu ringgit kepada Sekolah Menengah Poi Lam (Suwa) Ipoh sebagai projek pembangunan kecil di bawah Kementerian beliau telah ditunaikan. Jika ya, sila nyatakan bila dan jika belum, mengapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, bantuan wang kepada Sekolah Menengah Poi Lam telah pun diberikan sebanyak \$100,000 pada bulan November, 1986.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri apakah garis panduan yang digunakan untuk memberikan bantuan kepada sekolah-sekolah swasta dan adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah swasta yang lain?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, garis panduan ini akan dikaji dari semasa ke semasa berdasarkan kepada

permintaan yang rasmi. Walaupun demikian, Kerajaan telah pun membuat beberapa garis panduan berdasarkan kepada apa yang difikir penting oleh pihak yang hendak memberi bantuan berdasarkan projek kecil itu.

RUSUHAN DI MEKAH/MADINAH

10. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sikap dan pendirian Malaysia terhadap rusuhan yang berlaku di Mekah baru-baru ini oleh Jemaah Haji dari Iran dan adakah Malaysia bersedia menjadi orang tengah yang akan memainkan peranan penting bagi membincang dengan negara-negara Islam yang lain supaya Kota Suci Mekah/Madinah tidak akan dicemar lagi di masa akan datang. Apakah pendirian Malaysia mengenai cadangan hendak menjadikan Mekah dan Madinah sebagai keupayaan seluruh dunia Islam.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia berpendapat bahawa rusuhan di Mekah pada 31hb Julai, 1987 itu adalah suatu kejadian yang amat malang dan telah menjejaskan nama baik Islam sebagai agama perpaduan dan keamanan. Malaysia amatlah menyesali tindakan yang telah mencetuskan rusuhan itu.

Malaysia walau bagaimanapun menyokong penuh tindakan pihak berkuasa Arab Saudi di dalam mengawal kejadian itu dan berpuas hati dengan usaha-usahanya di dalam menjaga keselamatan dan menyediakan pelbagai kemudahan di kota Mekah dan tempat-tempat ibadat lainnya. Hasil daripada usaha-usaha ini, jemaah haji yang berjumlah hampir 2 juta itu masih dapat mengerjakan ibadat mereka dengan selesa dan tenteram.

Oleh hal yang demikian, soal sama ada Malaysia bersedia menjadi orang tengah supaya Kota Suci Mekah dan Madinah tidak tercemar lagi, tidaklah timbul kerana kita mempunyai penuh keyakinan terhadap langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Arab Saudi di dalam mentadbirkan Kota-kota Suci Islam itu. Seterusnya, Malaysia berpendapat bahawa adalah lebih sesuai bagi Kerajaan Arab Saudi diberi tanggungjawab untuk terus mentadbir Kota-kota Suci itu bagi pihak dan juga untuk ketenteraman seluruh dunia Islam.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pihak Kementerian Luar mempunyai maklumat apakah sebab-sebab yang menyebabkan jemaah haji Iran setiap tahun mengadakan tunjuk perasaan di Kota Mekah dan Madinah dan sehubungan dengan itu dalam kejadian tunjuk perasaan baru-baru ini apakah Kerajaan Malaysia memanggil secara rasmi duta Iran ke Malaysia dan duta Saudi Arabia untuk mendapatkan maklum balas yang sebenar dan tepat?

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, maklumat-maklumat yang menyebabkan pihak Iran mengadakan demonstrasi di Kota Mekah seperti berikut yang telah pun diberitahu kepada pihak Kementerian Luar Malaysia. Pada umumnya Kerajaan Saudi tidak membenarkan mana-mana negara mengadakan apa-apa demonstrasi ataupun tunjuk perasaan di kota Mekah di musim haji. Walau bagaimanapun tiap-tiap tahun pihak Iran telah mengadakan berbagai rupa bentuk tunjuk perasaan untuk kepentingan mereka sendiri tetapi pada kali ini mereka telah membuat satu demonstrasi ataupun tunjuk perasaan yang agak lebih besar daripada tahun-tahun yang sudah dan ini telah meletuskan keadaan kelam-kabut yang menyebabkan rusuhan itu berlaku.

Untuk soalan kedua, kedua-dua Kedutaan, Iran dan Saudi Arabia sudah pun bertemu dan berjumpa dengan pihak Perdana Menteri, Menteri, saya, serta pegawai-pegawai Wisma Putra untuk memberi maklumat-maklumat dan laporan terakhir sejak mulanya rusuhan itu berlaku.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada maklumat tadi jelas bahawa peristiwa itu sudah pun diketahui akan berlaku. Jadi, peristiwa rusuhan seperti ini, yang dilakukan oleh rakyat Iran di Mekah, yang berlaku beberapa kali menyusahkan jemaah haji. Soalannya apakah tindakan yang tegas dari Kerajaan Malaysia untuk meyakinkan Iran bahawa kegiatan yang dilakukan itu tidak akan berulang lagi untuk masa-masa yang akan datang?

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, walaupun pihak berkuasa Arab Saudi tahu yang demonstrasi itu akan diadakan, tetapi perkara yang berlaku itu tidak dijangka berlaku oleh kerana pada tahun-tahun yang lampau tidak menjadi apa-apa masalah cuma ada tunjuk perasaan secara aman damai sahaja. Maka pada kali ini perkara yang terjadi itu sememangnya tidak dijangka oleh pihak berkuasa Saudi Arabia. Berkenaan dengan tindakan Kerajaan Malaysia, kita pun telah menyampaikan perasaan kekesalan kita terhadap negara Iran walaupun begitu kita tidaklah berkuasa untuk memastikan sama ada pihak Iran dan Kerajaannya akan terus ataupun tidak membuat lagi angkara itu di Mekah di lain-lain masa.

PERSATUAN BUKAN BERBENTUK PERNIAGAAN—MENGEQUALI- KAN CUKAI

11. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada bangunan-bangunan yang dimiliki

oleh badan-badan dan persatuan-persatuan yang tidak beruntung (non-trade organisation) dapat dikecualikan daripada cukai pendapatan; jika tidak, mengapa.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa badan-badan dan persatuan-persatuan bukan berbentuk perniagaan adalah dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 ke atas punca-punca pendapatan seperti sewa, dividen dan faedah.

Berhubung dengan bangunan-bangunan yang dimiliki, cukai adalah dikenakan jika bangunan-bangunan tersebut disewakan. Sekiranya tidak disewakan, cukai adalah dikenakan ke atas 'net rateable value' menurut peruntukan seksyen 11 Akta berkenaan. Prinsip yang sama dipakai bagi pembayar-pembayar cukai yang lain di mana jika mereka memiliki rumah kediaman lebih daripada sebuah, cukai adalah dikenakan ke atas rumah-rumah tersebut (iaitu selain daripada yang diduduki sendiri) ke atas 'net rateable value' jika rumah-rumah tersebut tidak disewakan. Pada masa ini pengecualian cukai hanya diberi bagi sebuah rumah kediaman yang dimiliki dan diduduki sendiri. Badan-badan atau persatuan-persatuan bukan perniagaan tidaklah dikecualikan daripada cukai pendapatan ke atas bangunan-bangunan yang dimiliki kerana bangunan-bangunan tersebut tidaklah boleh disifatkan sebagai rumah kediaman.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah perbezaan antara badan-badan atau bangunan-bangunan yang tidak beruntung (non-trade organisation) dengan orang perseorangan yang dikenakan cukai itu, apa perbezaannya?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham makna soalan itu. Boleh ulangkan maknanya, bukan apa yang Yang Berhormat hendak tanya.

Tuan Lau Dak Kee: Tidak apa, saya boleh ulang sekali lagi.

Apa yang saya tanya ialah apa yang berlainan antara cukai perseorangan dengan cukai badan-badan yang tidak beruntung. Ada tercatat dalam soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, pada fikiran saya, soalan ini tidak ada perbezaan, kedua-duanya kena cukai.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, dari segi cukai itu tidak ada perbezaan. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan James Jimbun Pungga.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan James Jimbun Pungga tidak hadir).

TEMBOK KONKRIT SEMPADAN MALAYSIA-THAILAND

13. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) kos membina tembok konkrit pemisahan merintang sempadan Malaysia dan Negara Thai, jarak panjang yang hendak dibina dengan memberi butir-butir syarikat yang telah diberi kontrak untuk membina tembok ini;
- (b) kemajuan (progress) pembinaan tembok ini sehingga sekarang; dan
- (c) sama ada benar bahawa sebahagian dari tembok ini telah dibina dalam kawasan Wilayah Negara Thai dan terpaksa diruntuhkan setelah dibantah oleh pihak berkuasa Negara

Thai. Jika benar, siapakah yang telah membuat kesilapan ini dan berapakah kos bagi kerja meruntuh dan membina semula tembok ini dan siapakah yang menanggung kos akibat dari kesilapan ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos keseluruhan projek pembinaan tembok konkrit di sempadan Malaysia-Thailand ialah \$43.3 juta dan panjang tembok tersebut ialah 24km iaitu dari Lembang Nering hingga di Bukit Berapit di Pengkalan Hulu Negeri Perak. Pembinaan projek ini dijalankan oleh 2 syarikat pemborong iaitu Pernas Construction Sdn. Bhd. dan Emal Construction Sdn Bhd.

Mengenai kemajuan pembinaannya, 10 km tembok tersebut telah pun siap dibina.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang benar sebahagian daripada tembok yang dibina itu telah masuk ke kawasan Thai secara tidak sengaja dan pihak Kerajaan sedang mengkaji punca kesilapan ini. Walau bagaimanapun, tembok berkenaan telah pun diruntuhkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kos tambahan bagi membina semula tembok yang telah diruntuhkan itu ialah \$233,000. Pada waktu ini, kerja-kerja mengukur sempadan yang tepat di kawasan yang berlaku kesilapan itu sedang dijalankan dan apabila penetapan sempadan yang sebenarnya selesai dibuat, tembok yang baru akan dibina semula. Pihak yang menanggung kos pembinaan semula tembok ini akan ditentukan apabila kajian mengenai punca berlakunya kesilapan itu selesai dibuat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat sedar

bahawa terdapat perkara yang sama berlaku di Padang Besar di mana terdapat dua tembok yang memisahkan antara Malaysia dan juga Thailand. Satu tembok batu dan satu lagi tembok pagar.

Yang kedua, apakah Yang Berhormat sedar bahawa hasil daripada pembinaan tembok ini terdapat di kawasan-kawasan Malaysia yang telah masuk ke Thailand, dan kalau sedar, apakah tindakan yang diambil.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kalau kedua-dua perkara ini dapat dipastikan oleh pihak yang berkenaan, kita juga akan mengambil tindakan seperti mana yang telah diambil tindakan atau seperti yang telah kita lakukan.

Tuan Teoh Teik Huat: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada benar bahawa nepotism menjadi asas dalam pemberian kontrak ini, dan salah seorang saudara Perdana Menteri terlibat dalam kontrak ini? *(Disampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta tenteram, saya rasa pertanyaan itu pun tidak sesuai kerana membuat tuduhan, jikalau sekiranya sesiapa pun ada bukti-bukti, bolehlah dikeluarkan.

PESAWAT ASING KE SARAWAK— KEBENARAN

14. Datuk Ting Ling Kiew minta Menteri Pengangkutan menyatakan bolehkah kajian dibuat untuk membenarkan pesawat-pesawat asing masuk ke Sarawak memandangkan tujuannya selaras dengan dasar untuk memperkembangkan Industri Pelancongan di negara kita.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sukaiah saya memaklumkan bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak sememangnya diiktiraf sebagai salah sebuah pintu masuk (entry point) ke negara ini bagi penerbangan-penerbangan antarabangsa dari luar negeri iaitu selain daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu. Memandangkan itu, pelawat-pelawat asing termasuk pelancong bolehlah memasuki terus ke Sarawak melalui Kuching.

Dalam hal ini, di dalam rundingan-rundingan perjanjian udara yang diadakan oleh Malaysia dengan negara asing bagi tujuan menetapkan pertukaran hak-hak trafik bagi penerbangan-penerbangan berjadual antarabangsa, Kuching adalah di antara bandar-bandar yang ditawarkan dan dibukakan untuk perkhidmatan-perkhidmatan oleh syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa.

Oleh itu, adalah terpolung kepada negara-negara asing dan syarikat penerbangannya untuk membuat keputusan sama ada mereka hendak mengadakan penerbangan ke tempat-tempat yang ditawarkan oleh Malaysia itu. Biasanya, syarikat-syarikat penerbangan asing akan membuat keputusan ataupun pemilihan destinasi berdasarkan kepada faktor-faktor "commercial" seperti kedudukan aliran trafik dan sebagainya.

Pada masa ini negara kita telah mengadakan perjanjian perkhidmatan udara dengan 44 buah negara. Dari jumlah itu, 2 buah negara telah meminta dan diberikan hak mendarat di Kuching. Sekiranya didapati lebih ramai bilangan penumpang-penumpang yang turun naik di pintu masuk ini, maka banyakkah lagi syarikat penerbangan asing yang akan mendarat dan dengan demikian

jumlah penerbangan ke Kuching yang ada sekarang ini akan bertambah banyak lagi.

Selain daripada penerbangan-penerbangan berjadual, Kerajaan juga menggalakkan kedatangan penerbangan-penerbangan sewa khas (inclusive tour charters) daripada negara-negara asing supaya mengadakan perkhidmatan ke Malaysia melalui pintu-pintu masuk yang disebutkan tadi, termasuklah Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Langkah ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk meningkatkan industri pelancongan negara.

Saya ingin menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Pengangkutan sedang dan akan terus berusaha sedaya upaya untuk menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan asing menggunakan lapangan-lapangan terbang kita asalkan dasar penerbangan yang 'liberal' ini tidak merugikan negara kita.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya berapa banyakkah syarikat-syarikat penerbangan asing yang sekarang ini mendarat di Kuching.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, dua syarikat yang telah memulakan perkhidmatannya ke Kuching iaitu Royal Brunei Airlines dan Garuda Airways.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Singapore Airlines dari Singapura menunjukkan mereka berminat untuk mendarat di lapangan terbang antarabangsa Kuching, oleh kerana sektor di antara Kuching dan Singapura amat sibuk, menjadi satu bahagian penting di antara perjalanan dari barat dan timur dan sebaliknya. Adakah SIA sudah menunjukkan

bahawa mereka berminat? Kalau ada, adakah perundingan telah dijalankan? Jika ia, apakah kemajuannya?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi 44 negara telah membuat perjanjian perkhidmatan dengan Malaysia, tetapi Singapura ternyata belum lagi menunjukkan hasratnya.

BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH—TARAF

15. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan tahap bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di negara. Adakah Kerajaan bercadang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua yang dimestikan. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita teliti Akta Pelajaran 1961 bahasa Inggeris memang termaktub sebagai bahasa kedua. Di dalam sistem pendidikan, kepentingan penguasaan bahasa Inggeris memang ditekankan dan memang kita akui bahawa tahap pencapaiannya kurang membanggakan. Oleh yang demikian, langkah-langkah telah pun diambil untuk meningkatkan taraf bahasa Inggeris di sekolah-sekolah. Di antaranya yang boleh saya senaraikan ialah:

Bahawa sukatan pelajaran bahasa Inggeris bagi sekolah rendah dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah sepertimana yang sedang dijalankan memang lebih kemas dan lebih teratur dibandingkan dengan kurikulum lama sekolah rendah. Ini telah dijalankan sepanjang 6 tahun yang lalu. Kini jawatankuasa sedang mengkaji untuk meningkatkan, mengemaskan kurikulum bahasa Inggeris agar dapat ditingkatkan terus. Untuk KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah

Menengah) yang akan dilaksanakan mulai tahun 1988, sukatan pelajaran bahasa Inggeris yang baru diberi penekanan yang lebih dibandingkan dengan keadaan sebelumnya.

Guru-guru bahasa Inggeris sedang dilatih lebih ramai dari jumlah yang pernah dilatih sebelumnya sama ada di dalam negeri dan juga di luar negeri. Beberapa universiti tempatan termasuk Universiti Malaya dan Universiti Pertanian Malaysia telah memperkenalkan Teaching of English as a Second Language (TESL). Jawatankuasa Perancangan dan Penyelarasan Program bahasa Inggeris peringkat pusat juga telah ditubuhkan untuk mengawal dan memperbaiki pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.

Rancangan bacaan bahasa Inggeris untuk sekolah rendah dan menengah juga diwujudkan dan buku-buku dibekalkan ke sekolah-sekolah menerusi skim pinjaman bank dunia.

Selain daripada itu, bahan dan alat bantu mengajar bahasa Inggeris diperkenalkan dan Kementerian telah mencetak bahan serta alat bantu mengajar bahasa Inggeris untuk sekolah menengah rendah bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran bahasa Inggeris.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sama ada jatuhnya mutu dan tahap pencapaian bahasa Inggeris dalam sekolah-sekolah, baik rendah, menengah mahupun universiti adalah kerana perubahan yang dibuat oleh Kementerian sendiri dalam pengajaran bahasa Inggeris iaitu apabila ia ditukar daripada kaedah-kaedah yang dahulu kepada yang baharu iaitu dengan izin, Tuan Speaker, the communicational English, sama ada communicational English ini pengajarannya

menyebabkan jatuhnya standard bahasa Inggeris dalam sekolah-sekolah.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat mutu pengajaran bahasa Inggeris ini merosot hanya sekiranya dibandingkan dengan aliran Inggeris pada satu ketika dahulu tetapi sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, aliran pengantar bahasa Inggeris telah diganti dengan Bahasa Kebangsaan.

Oleh yang demikian, tahap penguasaan pencapaian bahasa Inggeris tidaklah boleh dibandingkan dengan keadaan di mana bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar.

Walau bagaimanapun, kita berpendapat kemerosotan ini haruslah diperbaiki dengan menjamin supaya di samping penguasaan Bahasa Malaysia itu dipertahankan serta dipertingkatkan ada usaha-usaha tambahan supaya anak-anak kita menguasai bahasa Inggeris dengan lebih baik lagi. Langkah-langkah telah diambil dan oleh yang demikian tidaklah tepat kalau dibandingkan sama ada ini ada hubungan dengan kaedah pengajaran bahasa yang diakui sekarang ialah kekurangan guru dan latihan serta penekanan tentang kepentingan bahasa itu dan ini seperti mana telah pun dilakukan sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah pun diperkenalkan di sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua: Masa telah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 dan 16 hingga 34 adalah diberi di bawah ini).

PUSAT PELANCONGAN DI SARAWAK—PERUNTUKAN

12. Tuan James Jimbun anak Pungga minta Menteri Kebudayaan dan

Pelancongan menyatakan jumlah kewangan yang diperuntukkan ke Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ke 5 dan apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk meninggikan taraf pusat pelancongan seperti di Gua Niah, Gunong Mulu di Bahagian Miri, Bako Park di Bahagian Kuching dan Pelagus Rapids di Bahagian Kapit.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan tidak mempunyai peruntukan untuk diagih-agihkan kepada negeri-negeri di dalam Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Peruntukan yang diberi kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan ialah untuk tujuan penggalakkan dan pemasaran. Peruntukan ini digunakan untuk memperkenalkan segala tarikan yang ada di Malaysia pada keseluruhannya supaya lebih ramai pelancong datang melawat ke negara ini. Tarikan-tarikan pelancongan di Sarawak seperti Gua Niah, Gunong Mulu, Bako Park dan Pelagus Rapids merupakan tarikan-tarikan yang sentiasa diketengahkan di dalam usaha-usaha penggalakkan dan pemasaran Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia.

HAKMILIK KEPADA PENEROKA

16. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan serta menghuraikan tentang hasrat Kementerian memberi hakmilik kepada peneroka secara koperasi; apakah kelebihan dan keistimewaan hakmilik secara ini. Kenapakah rancangan Kementerian ini menimbulkan kekecohan dan bagaimana pihak Kementerian akan mengatasinya.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah (Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Sistem Hakmilik Kumpulan dikeluarkan bagi semua rancangan sawit dan bagi rancangan getah yang buat pertama kalinya ditempatkan peneroka pada 1-1-1978 dan selepasnya. Di bawah sistem ini hakmilik tapak rumah didaftarkan atas nama peneroka secara individu dan hakmilik bagi tiap-tiap blok kawasan ladang seluas lebih kurang 200 ekar (untuk \pm 20 peneroka) didaftarkan atas nama Koperasi Milik Tanah dianggotai oleh peneroka berkenaan. Pengeluaran surat hakmilik kumpulan bertujuan untuk mengatasi beberapa kelemahan dalam sistem peruntukan tanah dan pemberian hakmilik tanah secara individu yang diamalkan sebelumnya. Di antara kelemahan-kelemahan ini ialah:

- (i) Peneroka di bawah Sistem Hakmilik Individu akan menanggung sendiri kesan daripada kerosakan tanaman, akibat bencana alam dan perosak tanaman. Di bawah Sistem Hakmilik Kumpulan kesan daripada kerosakan tanaman ini akan ditanggung bersama oleh satu kumpulan 20-24 orang peneroka dan tidak membebankan peneroka.
- (ii) Kawasan ladang sesuatu rancangan itu tidak sama rupa buminya, ada yang berbukit, ada yang terletak di kawasan rendah, dan ada pula di kawasan datar. Di bawah Sistem Hakmilik Individu, pembahagian lot-lot peneroka meliputi rupa bumi yang berbeza. Keadaan ini boleh menimbulkan tidak keseimbangan dari segi pengeluaran hasil dan pendapatan di antara seorang peneroka dengan yang lain.

- (iii) Peneroka di bawah Sistem Hakmilik Individu lebih cenderung mengendalikan pengurusan ladang dan pengeluaran hasil secara persendirian, tidak secara kumpulan sebagaimana yang diamalkan di bawah Sistem Hakmilik Kumpulan. Pengendalian secara persendirian lebih rumitkan pengurusan dan akan melibatkan kos yang lebih tinggi.

Kekecohan dalam pelaksanaan Sistem Hakmilik Kumpulan ini adalah ditimbulkan oleh sebilangan kecil peneroka-peneroka yang mendesak untuk mendapatkan Hakmilik Individu bagi kawasan ladang. Peneroka-peneroka ini didapati telah dipengaruhi oleh pihak-pihak lain yang mengharapkan sesuatu bagi kepentingan mereka sekiranya ketegangan di antara peneroka dan FELDA mendapat perhatian umum.

Langkah-langkah telah diambil oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk menyelesaikan kekecohan yang ditimbulkan oleh sebilangan kecil peneroka-peneroka berkenaan seperti mengadakan pertemuan dengan peneroka-peneroka untuk mengetahui dengan lebih dekat masalah mereka dan mencari jalan penyelesaian.

Kementerian berpendapat penyeragaman pelaksanaan dasar bagi rancangan-rancangan FELDA perlu dipertahankan untuk memastikan kestabilan sosial dan politik di kalangan masyarakat rancangan.

ELAUN PENEMPATAN GURU-GURU

17. Datuk Bernard Giluk Dompok minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah cadangan

menyamakan Elaun Penempatan bagi Guru-guru dari Semenanjung dan Sabah sepertimana yang telah diumumkan akan dilaksanakan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun memutuskan untuk menyamakan elaun bagi pegawai-pegawai Sabah dan Sarawak yang bertugas di Sabah/Sarawak dan di Semenanjung dan pegawai-pegawai Semenanjung yang bertugas di Sabah/Sarawak. Satu surat pekeliling sedang disediakan bagi melaksanakan keputusan tersebut yang dijangka akan dilaksanakan pada awal tahun 1988.

KERETAPI—PERLINDUNGAN INSURAN KEPADA PENUMPANG

18. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan akan mencadangkan tiap-tiap penumpang dapat dilindungi dengan insuran apabila mereka menaiki kenderaan awam termasuk perkhidmatan KTM, jika ya, bilakah dapat dilaksanakan. Jika tidak, mengapa.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Mengikut peraturan sekarang, Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu tidaklah dikehendaki memberi perlindungan insuran kepada penumpang keretapi. Walau bagaimanapun KTM telah pun membuat perbincangan awal dengan beberapa firma insuran akan keperluan kemungkinan mengwujudkan perkhidmatan insuran bagi perlindungan penumpang.

MINI PARLIMEN

19. Tuan Hu Sepang minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Peguam Negara terhadap RTM dan penganjur-penganjur "Mini Parlimen" kerana

menghina Dewan yang mulia ini dengan menggambarkan Dewan ini sebagai tempat kucar-kacir dan gelanggang tinju. Adakah Perdana Menteri sedar "Mini Parlimen" yang ditayangkan di RTM sebagai sebahagian daripada Perayaan Hari Kebangsaan juga menunjuk "Ahli-ahli Parlimen" tidur dan tumbuk-menumbuk, apakah ini pandangan RTM terhadap Dewan ini.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Mini Parlimen ditubuhkan dengan konsep supaya kanak-kanak negara kita dapat tahu dan sedar tentang adanya undang-undang Parlimen dan cara-cara serta peraturan semasa persidangan Parlimen dijalankan dalam negara kita. Dalam Mini Parlimen kanak-kanak diminta membincangkan dan membahas hal-hal berkaitan dengan dunia kanak-kanak.

Berdasarkan kepada maklumbalas yang diterima, Mini Parlimen merupakan satu program yang baik untuk menyatupadukan kanak-kanak berbilang kaum di peringkat pra sekolah sehingga sekolah rendah. Masyarakat sendiri telah menerima baik rancangan-rancangan di TV yang menyiarkan persidangan "Mini Parlimen" itu.

Oleh itu sebarang kenyataan yang menuduh Mini Parlimen itu telah menghina serta mencacat-celakan Parlimen yang mulia ini adalah tidak berasas. Secara terbuka kita tahu bahawa yang mengambil bahagian dalam perbincangan Mini Parlimen adalah kanak-kanak pra sekolah dan sekolah rendah. Sudah tentu banyak ragam dan kelakuan yang melucukan berlaku. Ini sebenarnya tidaklah bermaksud untuk menggambarkan kelakuan Ahli-ahli Parlimen yang sebenar. Maka tidak perlulah kita terlalu sensitif tentang perkara ini hingga hendak mengambil tindakan ke atas pihak penganjur.

**AL-KITAB DALAM
BAHASA MALAYSIA—
MENGHARAMKAN**

20. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa akibat dari pernyataan yang dibuat oleh Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam bahawa terjemahan Kitab Injil ke Bahasa Malaysia iaitu "Alkitab" akan diharamkan jika ia didapati merbahaya kepada orang-orang Islam telah menjadikan masyarakat Kristian menjadi bimbang di negara ini dan juga bimbang bahawa pengharaman tersebut jika dikenakan akan menjejaskan pengajaran nilai-nilai Kristian yang diterima oleh setiap makhluk, kepada generasi-generasi masyarakat Kristian di dalam negara oleh kerana mereka ini akan lebih fasih dalam Bahasa Malaysia dari lain-lain bahasa di masa akan datang dan jika ia, adakah Perdana Menteri akan memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa Kerajaan tidak akan tunduk kepada tekanan-tekanan untuk mengharamkan "Alkitab".

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Surat atau dengan izin Scripture Al-Kitab dalam Bahasa Indonesia telah mula dibawa masuk ke Malaysia dalam tahun 1980/1981. Berikutan daripada desakan orang ramai, Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan satu perintah di bawah Seksyen 22, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang menegah kemasukan secara bebas surat itu. Perintah yang diwartakan dalam warta Kerajaan telah berkuatkuasa mulai 22 Mac 1982. Mengikut perintah itu, Al-Kitab dalam Bahasa Indonesia adalah ditegah daripada dicetak, diterbitkan, dijual, dikeluarkan diedar atau dimiliki melainkan ianya untuk pemilikan atau penggunaan di dalam gereja oleh orang-orang yang beragama Kristian.

Tindakan ini telah diterima baik oleh penganut-penganut agama Kristian dan keadaan ini telah dijelaskan sendiri oleh Presiden Pertubuhan Injil Malaysia Encik David Bowler.

Pengharaman Al-Kitab dalam Bahasa Malaysia tidak timbul kerana perkara itu belum berbangkit sekarang.

**BERAS TEMPATAN—
MENAMBAH PENGELUARAN**

21. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Pertanian menjelaskan memandangkan keperluan makanan melebihi pengeluaran negara apakah Kerajaan mempunyai strategi tertentu bagi menambahkan pengeluaran hasil beras tempatan, buah-buahan dan sayur-sayuran; adakah Kerajaan bercadang akan mengurangkan pemberian subsidi kepada petani dan nelayan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Strategi bagi pengeluaran beras adalah untuk menumpukan pengeluarannya di 8 buah kawasan jelapang padi iaitu MADA, KADA, Barat Laut Selangor, Krian/Sungai Manik, Kemasin-Semerak, Besut, Seberang Prai dan Seberang Perak. Pengeluaran beras bertujuan memenuhi 55-60% keperluan beras negara dan bakinya akan diperolehi melalui import. Namun demikian, tahap saradiri yang ditentukan itu bukan sesuatu yang tetap dan tahap yang sebenarnya akan ditentukan oleh kemajuan produktiviti dan keupayaan pengeluaran di kawasan jelapang padi tersebut. Bagi meningkatkan pengeluaran, Kerajaan akan memberi perhatian dalam aspek membekalkan kemudahan prasarana yang mencukupi, mempergiatkan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan serta meneruskan subsidi baja dan sokongan harga. Kawasan-kawasan padi marginal yang terdapat

di luar kawasan jelapang padi sedang digalakkan untuk diganti dengan tanaman lain yang lebih ekonomik.

Bagi menambahkan pengeluaran buah-buahan Kementerian Pertanian telah menetapkan dua strategi iaitu:

- (i) menggalakkan penanaman buah-buahan sebagai satu perusahaan pertanian yang berdayamaju melalui tanaman semula dan pembaikpulihan di kawasan-kawasan yang sedia ada; dan
- (ii) menggalakkan penanaman buah-buahan secara komersial dan perladangan bagi 15 jenis buah-buahan yang telah dikenalpasti di 36 zon-zon yang telah ditentukan.

Untuk pengeluaran sayur-sayuran pula, strategi yang digunakan adalah dengan meningkatkan penghasilan di kawasan yang sedia ada melalui penggunaan biji benih dan bahan tanaman yang baik, kaedah penjagaan yang saintifik, penggunaan tanah kebun yang lebih intensif dan menjalankan aktiviti secara sepenuh masa. Dalam jangkamasa panjang, usaha-usaha akan ditumpukan kepada peningkatan hasil pengeluaran dan perluasan kawasan yang diusahakan dengan sayuran dan penggalakan pengusahaan secara mini estet.

Kerajaan juga telah menubuhkan Majlis Industri Buah-buahan Malaysia (MIBM) yang merangkumi industri sayur-sayuran bertujuan untuk memesatkan lagi pembangunan industri buah-buahan dan sayur-sayuran selaras dengan hasrat Dasar Pertanian Negara.

Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan subsidi dan bantuan galakan bagi tanaman-tanaman dan aktiviti-aktiviti pertanian tertentu yang sedang dilaksanakan pada masa ini.

PENAGIH DADAH

22. Tuan Hsing Yin Shen minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah bilangan penagih dadah yang dianggarkan oleh Kerajaan masakini dan dari jumlah tersebut berapakah bilangan penagih yang berumur di bawah lapan belas tahun (18); apakah rancangan dan program yang diperkenalkan oleh Kementerian beliau untuk mengawal dan mengurangkan bilangan penagih dadah tersebut terutama mereka yang berumur di bawah lapan belas tahun.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Setakat bulan Ogos 1987, sejumlah 125,967 orang penagih dadah telah dikenalpasti di negara ini. Bagi lapan bulan pertama dalam tahun 1987 ini, seramai 4,822 penagih dadah telah dikesan dan daripada angka tersebut didapati seramai 5.1% terdiri dari belia berumur di bawah 19 tahun.

Program-program yang diperkenalkan oleh Kementerian saya untuk mengawal dan mengurangkan bilangan penagih-penagih dalam kumpulan umur ini termasuk meningkatkan usaha-usaha mengesan penagih-penagih dadah di peringkat seawal yang dapat serta mengaturkan supaya mereka mengikuti rancangan rawatan dan pemulihan. Ini termasuklah mengaturkan mereka yang baru terlibat dengan dadah supaya menjalani program detoksifikasi di hospital-hospital dan seterusnya diletak di bawah bimbingan dan seliaan Pegawai Pemulihan. Bagi mereka yang memerlukan rawatan intensif seperti masalah keluarga dan sebagainya, akan dimasukkan ke Pusat Pemulihan Dadah.

Di samping usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian saya, lain-lain Kementerian termasuk Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Penerangan, Kementerian

Kebajikan Masyarakat dan beberapa agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan seperti Jawatankuasa Pemulihan Dadah, PEMADAM dan sebagainya telah dan sedang meningkatkan usaha-usaha mereka memerangi masalah ini yang ditujukan khas kepada golongan belia terutama dalam aspek-aspek penerangan, pencegahan dan pendidikan.

DOKTOR/JURURAWAT DI HOSPITAL BESAR TAWAU

23. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilakah Kementeriannya akan menambah bilangan doktor dan jururawat di Hospital Besar Tawau memandangkan bilangan pesakit yang meningkat setiap hari;
- (b) kenapa doktor-doktor kontrak yang berpengalaman dan telah lama berkhidmat di sini tidak dapat menyambung perkhidmatan mereka apabila surat perjanjian mereka tamat.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):

- (a) Bagi Hospital Daerah Tawau, dari segi pengisian perjawatan adalah memuaskan. Kesemua 12 jawatan Pegawai Perubatan T/Biasa dan satu jawatan Pegawai Perubatan T/Kanan telah pun diisi; sementara itu 3 dari 5 jawatan Doktor Pakar di hospital tersebut telah juga diisi. Dari segi kakitangan kejururawatan pula, kesemua 65 jawatan Penolong Jururawat telah diisi dan 56 dari 67 jawatan jururawat telah juga diisi. Kementerian akan berusaha untuk memenuhi jawatan-jawatan yang masih kosong dari masa ke semasa.

- (b) Pada masa ini Kerajaan tidak lagi bercadang untuk mengambil doktor-doktor asing kecuali di dalam bidang-bidang kepakaran yang kita benar-benar kekurangan. Pengambilan Dasar Pengambilan Perkhidmatan Pegawai Dagang yang tempoh maksima perkhidmatan mereka adalah dihadkan kepada 7 tahun sahaja. Pegawai-pegawai Dagang secara kontrak ini hanya diambil dalam keadaan yang Kementerian tidak mempunyai bilangan calon-calon yang cukup dari kalangan warganegara.

UNDANG-UNDANG HAKCIPTA

24. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat manakah undang-undang hakcipta yang ada sekarang dapat memberi perlindungan kepada pihak yang terlibat (penerbit dan pengarang). Berapa banyak kes cetak rompak yang telah dapat dikesan dan diambil tindakan sehingga sekarang. Pihak manakah yang dipertanggungjawabkan mengenai masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M.G. Pandithan): Undang-undang hakcipta yang terpakai pada masa ini iaitu Akta Hakcipta 1969, sememangnya memberi perlindungan kepada karya-karya yang dihasilkan oleh pihak yang terlibat khususnya penerbit dan pengarang. Karya-karya yang mendapat perlindungan hakcipta ialah karya sastra, muzik, seni, filem, rakaman bunyi dan siaran. Pada amnya tempoh perlindungan hakcipta ialah semasa hayat pencipta dan 25 tahun selepas kematiannya.

Perlindungan hakcipta diberi dengan syarat bahawa karya-karya tersebut dihasilkan oleh warganegara Malaysia atau orang yang menetap di negara ini dan jika dihasilkan oleh sesebuah perbadanan, perbadanan tersebut hendaklah ditubuhkan mengikut undang-undang di negara ini. Karya asing diberi perlindungan sekiranya karya tersebut diterbitkan di negara ini dalam masa 30 hari dari tarikh penerbitannya di negara asal.

Pemunya-pemunya hakcipta mempunyai hak mutlak, selain daripada perlakuan-perlakuan wajar yang dibenarkan, untuk mengawal pengeluaran semula serta penyampaian kepada orang ramai karya-karyanya. Pemunya hakcipta juga boleh melaporkan kepada Polis jika berlaku pelanggaran terhadap hakcipta. Akta telah menetapkan denda sebanyak \$10,000/- atau penjara tidak kurang daripada lima tahun atau kedua-duanya sekali bagi mereka yang didapati bersalah mengedarkan salinan-salinan langgaran. Bagi kesalahan membuat atau ada dalam miliknya apa-apa perekaan yang boleh digunakan bagi maksud membuat salinan-salinan langgaran dendanya ialah \$20,000/- atau 10 tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Hakcipta 1969 akan digantikan dengan Akta Hakcipta 1987 yang mana telah diluluskan oleh Dewan ini dalam bulan Mac 1987. Akta Hakcipta 1987 telah pun diwartakan pada 21 Mei 1987. Walau bagaimanapun Akta ini belum dikuatkuasakan lagi. Ia akan dikuatkuasakan sebaik-baik sahaja semua infrastruktur penguatkuasaannya selesai dilaksanakan. Tujuan mengadakan undang-undang hakcipta yang baru ialah untuk mengadakan perlindungan hakcipta yang lebih baik umpamanya memperluaskan jenis karya yang layak mendapat perlindungan hakcipta, memanjangkan jangka masa

perlindungan hakcipta, penguatkuasaan dan mengadakan peruntukan denda dan hukuman yang lebih berat ke atas pelanggaran hakcipta.

Jabatan Polis menguatkuasakan Akta Hakcipta 1969. Mengikut maklumat yang diterima daripada Jabatan tersebut kes-kes cetak rompak bagi kaset dan video adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. Kes Yang Dilaporkan	Tindakan Pihak Polis
1984	80	32,000 kaset/video dirampas.
1985	150	60,000 ..
1986	50	20,000 ..
*1987 (sehingga September)	202	29,926 ..

*Tidak ada kes yang dilaporkan bagi cetak rompak karya sastra.

(Soalan No. 25. Sila lihat jawapan No. 11 pada 12-10-87.)

HARGA BARANGAN KOMODITI

26. **Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah yang dapat dibuat oleh Kerajaan terutamanya Kementerian beliau di dalam mengawal harga-harga komoditi khasnya kelapa sawit, koko dan kelapa serta menstabilkan harga bahan tersebut di antara Semenanjung dan Negeri Sabah.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik) Harga barangan utama seperti minyak kelapa sawit, minyak kelapa dan koko adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti penawaran dan permintaan dalam pasaran dunia dan kebanyakan faktor-faktor ini adalah di luar kawalan kita. Di samping itu minyak kelapa sawit juga bersaing dengan 16 jenis lemak

dan minyak di pasaran dunia. Untuk menstabilkan harga bagi barangan utama, Kerajaan telah, sedang dan akan mengambil langkah-langkah untuk mendapatkan pasaran di peringkat antarabangsa bagi barangan utama negara. Ini termasuklah:

- (i) Menghantar misi dan galakan pemasaran kepada negara-negara pengguna yang berpotensi untuk mencari pasaran baru serta memperkukuhkan pasaran yang sedia ada.
- (ii) Meningkatkan khidmat nasihat teknikal ke negara-negara pengguna barangan utama Malaysia dan dalam hal ini agensi Kerajaan seperti Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) telah menubuhkan pusat khidmat nasihat teknikal di beberapa negara pengguna yang penting untuk melaksanakan khidmat tersebut.
- (iii) Berusaha mendapatkan negara-negara pengguna menghapuskan sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif bagi meluaskan penggunaan barangan utama Malaysia.
- (iv) Meneruskan usaha-usaha penyelidikan yang dilakukan oleh PORIM bagi mempergiatkan lagi usaha bagi mencari kegunaan baru minyak kelapa sawit.
- (v) Meningkatkan eksport barangan utama melalui pemberian kredit eksport 'Refinancing' supaya peng-eksport-pengeksport dapat memberikan kemudahan kredit kepada pengimport barangan utama berkenaan selama 180 hari dengan faedah yang lebih rendah.

(vi) Khusus bagi koko, Kerajaan telah melancarkan sekim menggred koko untuk meningkatkan lagi mutu koko supaya negara menikmati harga yang lebih baik.

PELABURAN KOPERASI SERBAGUNA MALAYSIA BERHAD (KSM)

27. **Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah benar beberapa banyak pelaburan Koperasi Serbaguna Malaysia Berhad (KSM) tidaklah diizinkan oleh Ketua Pendaftar Koperasi. Adakah benar juga beberapa ahli Lembaga Pengarah KSM terlibat dalam penyelewengan dan penyalahgunaan tabung kewangan koperasi tersebut, pentingnya pada tempoh 1982-1985. Bilakah Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia akan mengambil tindakan terhadap mereka.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Koperasi Serbaguna Malaysia Berhad (KSM) ada membuat permohonan kepada Ketua Pendaftar setiap kali pelaburan hendak dibuat atau yang telah dibuat. Kebanyakan daripada permohonan itu telah diluluskan dan ada juga yang tidak diluluskan. Bagi pelaburan yang dibuat sebelum mendapat kelulusan Ketua Pendaftar dan permohonan itu kemudiannya ditolak, didapati pelaburan itu dijual semula. Setakat yang diketahui segala pelaburan yang ada telah diluluskan oleh Ketua Pendaftar.

Pelaburan yang dibuat sebelum mendapat kebenaran Ketua Pendaftar adalah kerana peluang untuk melabur itu datang secara mendadak dan jika kelulusan Ketua Pendaftar hendak ditunggu mungkin peluang itu akan terlepas.

Tentang soalan sama ada benar atau tidak beberapa ahli Lembaga Pengarah KSM terlibat dalam

penyelewengan dan penyalahgunaan wang koperasi tidak dapat dipastikan sekarang ini kerana pihak Polis sedang menjalankan penyiasatan.

Pihak Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia berpendapat bahawa Lembaga KSM tidak pernah melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta Koperasi. Jadi soalan bilakah Ketua Pendaftar Koperasi akan mengambil tindakan terhadap mereka tidak timbul masalah sama sekali. Tindakan akan dijalankan oleh pihak Polis jika penyiasatan mereka menemui bukti-bukti yang jelas adanya perbuatan menyeleweng atau penyalahgunaan wang KSM.

Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya KSM masih dalam tindakan Bank Negara dan belum diserahkan semula kepada Ketua Pendaftar Koperasi.

MAS—SAHAM DIJUAL KEPADA PELABUR ASING

28. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan setakat ini berapakah jumlah saham MAS yang dijual kepada pelabur asing selain daripada Negara Brunei Darussalam. Apakah perlu MAS menjualkan saham kepada pelabur luar termasuk Brunei Darussalam dan tidak ditawarkan kepada Perbadanan atau pelabur tempatan. Dan sebagai tindak balas adakah Malaysia bercadang untuk membeli saham Penerbangan Di Raja Brunei jika ditawarkan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Jumlah saham MAS yang dijual oleh Kerajaan kepada pelabur-pelabur asing tidak termasuk Negara Brunei Darussalam ialah 28 juta saham (bersamaan dengan 8% daripada modal dibayar MAS). Jumlah saham yang dijual kepada Brunei Investment Agency ialah 35 juta saham iaitu 10% daripada modal dibayar. Selain daripada itu, pelabur-pelabur asing

juga telah membeli sebanyak 18.4 juta saham (mengikut rekod pada 18hb September 1987) melalui Bursa Saham.

Sebahagian besar saham MAS berjumlah 105 juta telah ditawarkan kepada pelabur-pelabur tempatan, iaitu 35 juta saham oleh Kerajaan dan 70 juta saham oleh syarikat. Tawaran saham MAS sebanyak 63 juta saham kepada pelabur luar negeri termasuk Brunei Investment Agency dibuat dengan tujuan menggalakkan pelaburan luar negeri dalam syarikat-syarikat tempatan khususnya memandangkan syarikat MAS beroperasi dan mempunyai kaitan perniagaan di peringkat antarabangsa. Selain daripada itu, penjualan saham kepada Brunei Investment Agency adalah untuk mengeratkan lagi kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia dan juga meningkatkan lagi kerjasama di antara dua syarikat penerbangan iaitu MAS dan Royal Brunei Airlines (RBA).

Mengenai pembelian saham RBA, Kerajaan tidak bercadang untuk membeli saham-saham tersebut pada masa ini. Walau bagaimanapun, jika terdapat tawaran daripada Kerajaan Brunei Darussalam mengenai penjualan saham RBA, Kerajaan akan menimbangkan tawaran penjualan tersebut berasaskan kriteria pelaburan dalam semangat kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE RUSSIA, U.K. DAN HUNGARIA

29. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke luar negeri baru-baru ini terutamanya ke negara Russia, U.K. dan Hungaria dan berapakah banyak wang yang telah dibelanjakan oleh rombongan beliau. Apakah manfaat Malaysia telah menerima sebagai hasil lawatan beliau ke negara-negara tersebut.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Jawapan bagi soalan ini telah saya sampaikan semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang) pada 12hb Oktober, 1987.

BANDUAN REMAND— PENAHANAN

30. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bersedia membebaskan banduan remand jika mereka tidak dibicarakan selepas 2 tahun ditahan;
- (b) bilangan banduan remand yang melebihi setahun dalam setiap penjara di negara ini;
- (c) sama ada apa-apa langkah telah diambil berkaitan bantuan remand yang telah ditahan terlalu lama.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Penahanan banduan-banduan remand adalah melibatkan proses undang-undang dan pada masa ini Kerajaan belum bercadang untuk membebaskan mereka yang telah ditahan melebihi 2 tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan banduan remand yang melebihi satu tahun sekarang ini ialah 1,322 orang dari jumlah 5,622 orang kesemuanya.

Pihak kerajaan memang sentiasa memberi perhatian berat mengenai masalah penahanan banduan-banduan remand yang begitu lama. Usaha-usaha telah diambil bagi memastikan mereka dihadapkan kemuka pengadilan secepat mungkin.

PERKAHWINAN PEREMPUAN ORANG ASLI

31. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan

berapakah jumlah perempuan Orang-orang Asli yang telah berkahwin dengan bangsa lain seperti Melayu, China, India dan lain-lain. Apakah bentuk perkahwinan yang telah diamalkan. Bagaimana pula kebajikan mereka setelah berkahwin ataupun setelah dicerai jika ada.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod yang ada, bilangan perempuan Orang Asli yang telah berkahwin dengan kaum-kaum lain adalah 345 orang yang terdiri daripada 144 orang kaum Melayu, 157 orang kaum Cina, 21 orang kaum India dan 23 orang daripada kaum-kaum lain. Perkahwinan tersebut adakalanya dilangsungkan mengikut adat perkahwinan Orang Asli dan ada juga mengikut adat perkahwinan pihak lelaki yang berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setelah perkahwinan tersebut dilangsungkan, ada berlaku perempuan Orang Asli yang berkenaan keluar daripada kampung asal mengikut dan tinggal bersama suami mereka. Oleh kerana mereka tidak lagi tinggal di kawasan Orang Asli, kebajikan mereka tidak lagi menjadi tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Bagaimanapun sekiranya berlaku penceraian, kebajikan wanita Orang Asli tersebut masih menjadi tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Orang Asli jika mereka kembali kepada keluarga mereka dan tinggal di kawasan Orang Asli.

PERUMAHAN—SASARAN PROGRAM

32. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah unit rumah kos rendah dan sederhana yang dijadualkan untuk pembinaan di bawah Rancangan Malaysia Keempat

dan Kelima dan bilangan unit yang disiapkan sehingga 30-9-1987;

- (b) kemajuan yang dicapai setakat ini dalam Program Khas Perumahan Kos Rendah berkaitan dengan unit-unit yang sedang dalam pembinaan dan unit-unit yang telah disiapkan di pelbagai negeri-negeri.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Keat):

- (a) Di bawah Rancangan Malaysia Keempat (R.M.E.) (1981-1985), sasaran program perumahan keseluruhan ada sebanyak 923,300 unit. Dari jumlah ini, sebanyak 176,500 unit rumah kos rendah telah disasarkan bagi sektor swasta adalah sebanyak 90,000 unit. Kementerian ini tidak mempunyai maklumat berasingan bagi rumah kos sederhana. Walau bagaimanapun, rumah-rumah kos sederhana dan tinggi telah pun diambilkira dalam sasaran program-program lain. Mengenai pencapaian dalam tempoh R.M.E., pada keseluruhannya sebanyak 391,924 unit rumah atau 42.4% daripada jumlah sasaran telah dapat disiapkan setakat 31hb Disember, 1985. Jumlah ini termasuk semua jenis rumah.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima (R.M.L), jumlah sasaran perumahan telah ditetapkan adalah sebanyak 701,500 unit. Daripada jumlah ini 495,000 unit (70.6%) adalah rumah kos rendah, 180,200 (25.7%) adalah rumah kos sederhana dan 26,300 unit (3.7%) adalah rumah kos tinggi. Dari jumlah sasaran perumahan kos rendah, manakala sasaran rumah kos

rendah sektor swasta ialah sebanyak 370,400 unit. Sasaran sektor swasta ini termasuk sasaran 240,000 unit di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah.

Sehingga 30hb Disember, 1986, pencapaian keseluruhan sektor perumahan adalah sebanyak 56,982 unit atau 8.1% daripada sasaran R.M.L. Kedua-dua sektor awam dan swasta telah dapat menyediakan sebanyak 32,738 unit rumah kos rendah, 18,036 unit rumah kos sederhana dan 6,208 unit rumah kos tinggi.

- (b) Di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah, kemajuan yang telah dicapai sehingga 30hb Ogos, 1987 adalah seperti berikut:

Siap pembinaan . .	4,640 unit (5.9%)
Berbagai peringkat pembinaan	32,529 unit (41.2%)
Awal Pelaksanaan	41,745 unit (52.9%)
	<hr/>
Jumlah . .	78,914 unit
	<hr/>

**MINYAK KELAPA SAWIT—
SAINGAN**

33. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah atau persediaan Kerajaan terhadap ancaman yang lebih besar bagi menjamin kestabilan pengeluaran minyak kelapa sawit Malaysia yang sekarang ini sedang menghadapi persaingan dengan pengeluaran minyak sayuran dan kacang soya dari Amerika Syarikat.

Dato' Dr Lim Keng Yaik: Minyak kelapa sawit menghadapi saingan dari kira-kira 126 jenis minyak dan lemak di pasaran dunia, termasuk minyak

soya. Persaingan adalah sengit oleh kerana para pengguna boleh menukar daripada menggunakan suatu jenis minyak atau lemak itu kepada jenis yang lain dengan sewenang-wenangnya. Faktor-faktor utama yang menentukan mana-manakah jenis yang akan dipilih ialah harga dan citarasa pengguna.

Dalam keadaan menghadapi saingan yang sengit ini, Kementerian Perusahaan Utama telah merangkakan strategi untuk terus memajukan perusahaan kelapa sawit negara yang meliputi beberapa aspek seperti:

(i) *Pelaburan dalam bidang penyelidikan*

Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) menjalankan penyelidikan untuk meningkatkan produktiviti dalam perusahaan minyak kelapa sawit negara. Ini termasuklah usaha ke arah meninggikan kehasilan pokok-pokok kelapa sawit dengan mendapatkan klon-klon yang baru, amalan agronomi yang sempurna, penggunaan jentera, teknik-teknik mengilang buah segar dan pemerosesan minyak sawit yang memberikan hasil tinggi dan bermutu serta penyelidikan ke atas tanah-tanah 'marginal' khususnya tanah gambut yang telah menunjukkan tanda-tandanya boleh ditebusguna untuk tanaman kelapa sawit.

Dalam bidang penggunaan matlamat usaha-usaha penyelidikan ialah untuk menjadikan minyak sawit lebih menarik kepada para pengguna, terutamanya dari segi pemakanan dan dengan itu memperluaskan pasaran untuknya.

(i) *Galakan Pasaran*

Usaha-usaha galakan dijalankan di berbagai peringkat.

Usaha-usaha di peringkat politik ditumpukan ke negara-negara sosialis di mana pembelian minyak sayuran dan lemak dikendalikan oleh agensi-agensi Kerajaan. Di negara-negara sistem ekonomi bebas, di peringkat politik tertumpu kepada objektif mendapatkan Kerajaan-kerajaan berkenaan menghapuskan rintangan-rintangan tarif dan bukan tarif yang menghalang kemasukan minyak kelapa sawit ke negara-negara itu. Dalam tahun 1987 ini, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah melawat negara-negara EEC dan Amerika Syarikat untuk maksud ini.

Dalam usaha galakan pasaran di peringkat ekonomi, Kementerian Perusahaan Utama bersama-sama dengan Lembaga Pelesenan dan Pendaftaran Minyak Kelapa Sawit (PORLA) dan PORIM terus menganjurkan rombongan-rombongan minyak kelapa sawit ke luar negeri. Pada tahun 1986, rombongan-rombongan seperti itu telah melawat negara-negara Jepun, Republik Korea, Amerika Syarikat, United Kingdom dan Iran. PORLA dan PORIM juga ada mengambil bahagian dalam berbagai Persidangan dan Pameran (exhibition) di peringkat antarabangsa untuk memperkenalkan dan menarik para pengguna kepada minyak kelapa sawit Malaysia.

Di peringkat teknikal, pegawai-pegawai Khidmat Nasihat Teknikal (TAS)

PORIM mengunjungi pengguna-pengguna dan bakal-bakal pengguna di merata dunia untuk menerangkan tentang kaedah-kaedah penggunaan dan khasiat-khasiat minyak kelapa sawit sambil mengatasi sebarang sungutan yang bercorak teknikal di kalangan pengguna minyak kelapa sawit Malaysia.

(iii) *Kawalan Mutu*

Usaha dalam bidang ini dianggap penting untuk menjamin kepuasan pengguna dan dengan cara itu mengekal serta meluaskan pasaran untuk minyak kelapa sawit Malaysia. Dalam bidang ini, PORLA, mengikut peruntukan Akta serta peraturan-peraturan yang ada, bertindak tegas terhadap mereka-mereka yang melakukan penyelewengan dan merosakkan nama baik minyak kelapa sawit Malaysia.

HUTANG KOMPLEK UMNO DAN WISMA MCA

34. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai tugas secara langsung atau tak langsung untuk membantu parti-parti Komponen Barisan Nasional menjelaskan hutang-hutang mereka dengan memberikan layanan khas kepada syarikat-syarikat pemilikan parti-parti politik tersebut untuk membuat duit, sama ada untuk menjelaskan hutang sebanyak \$360 juta yang ditanggung oleh UMNO untuk Komplek UMNOnya atau hutang sebanyak \$50 juta yang ditanggung oleh MCA untuk Wisma MCAnya dan sama ada Kerajaan akan membuat satu keputusan dasar supaya tidak ada apa-apa penglibatan antara Kerajaan dan parti-parti Komponen Barisan Nasional berikut dengan masalah hutang mereka.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kerajaan tidak mempunyai tugas secara langsung atau tidak langsung untuk membantu parti-parti Komponen Barisan Nasional menjelaskan hutang-hutang mereka dengan memberikan layanan khas kepada syarikat-syarikat pemilikan parti-parti politik tersebut.

Soal sama ada Kerajaan perlu membuat satu keputusan dasar supaya tidak ada apa-apa penglibatan antara Kerajaan dan Parti-parti Komponen Barisan Nasional berikutan dengan masalah hutang itu adalah tidak berbangkit, oleh kerana dasar-dasar yang wujud sekarang adalah merangkumi semua yang terlibat.

PENERANGAN Y.B. TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI

PERISTIWA TEMBAKAN DI JALAN RAJA LAUT

3.36 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob) Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya memberi ucapan di Dewan yang mulia ini hari ini ialah untuk memberi penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai peristiwa tembakan yang telah berlaku di kawasan Jalan Raja Laut pada kira-kira jam 11.30 malam semalam.

Saya berpendapat penjelasan mengenai apa yang sebenarnya telah berlaku sangat penting memandangkan khabar-khabar angin mengenainya berleluasa ketika ini yang telah menimbulkan keresahan di kalangan rakyat yang menengangkan perhubungan di antara kaum.

Tuan Yang di-Pertua, pada jam lebih kurang 11.35 malam, 18hb Oktober, 1987, beberapa das tembakan telah kedengaran berhampiran dengan Ban Hin Hotel di Lorong Haji Taib 3, kawasan Chow Kit, Kuala Lumpur.

Mengikuti siasatan yang dijalankan seorang lelaki Melayu yang berpakaian seluar celoreng tentera dan bekemeja "T" berleungan pendek, warna putih dan memakai jacket warna kelabu dengan bersenjatakan sepucuk Rifle M.16 telah bertanggungjawab melepaskan tembakan ini. Selepas melepaskan tembakan di Lorong Haji Taib 3, lelaki Melayu ini telah menghalu ke Lorong Haji Taib 4 di mana beberapa das tembakan lagi dilepaskan. Semasa di tempat ini lelaki Melayu tersebut telah mencederakan seorang orang awam yang pada waktu itu sedang berjalan kaki di kawasan tersebut.

Butir-butir orang awam tersebut adalah seperti berikut:

Abdul Salam bin Hassan,
Kad Pengenal: 6377966,
Alamat: No. 5, Jalan J 2, Taman Melawati, Ulu Klang, Selangor.
Penama telah mendapat kecederaan di lengan sebelah kiri.

Semasa kejadian menembak berlaku seorang lelaki Cina yang sedang memandu sebuah kereta jenis Honda Accord No. Pendaftaran WAW 4146 telah lalu di kawasan tersebut ketika itu ia terkena tembakan di bahagian tangan dan kaki sebelah kiri.

Lelaki ini telah kemudiannya meninggalkan motokarnya di persimpangan Jalan Raja Laut dan Jalan Putra dan seterusnya menaiki sebuah teksi untuk mendapat rawatan di Rumah Sakit Besar, Kuala Lumpur.

Butir-butir lelaki Cina yang tercedera tersebut adalah seperti berikut:

Soo Boon Leong,
Kad Pengenal: 6776702,
25 Tahun, Setapak, Kuala Lumpur.

Kedua-dua mangsa tersebut telah dirawat sebagai pesakit luar dan telah dikeluarkan daripada Rumah Sakit

Kuala Lumpur pada jam 10.00 pagi, 19hb Oktober, 1987.

Selepas berada di Lorong Haji Taib 4, lelaki Melayu tersebut telah pergi ke hadapan Maybank di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan melepaskan beberapa das tembakan lagi.

Seorang orang awam yang sedang berada di hadapan pusat membeli belah Hankyu Jaya, Jalan Tuanku Abdul Rahman pada waktu kejadian itu telah terkena tembakan. Ia dikenali sebagai:

Cik Soh bin Cik Mahmud,
Kad Pengenal: 1271250,
Kampung Ladang, Pasir Mas,
Kelantan.

Mangsa telah datang ke Kuala Lumpur pada 10hb Oktober, 1987 untuk menghadiri Seminar di Dewan Sultan Ahmad Shah RISDA, Kuala Lumpur. Ia telah mengalami tembakan di bahagian belakang dan telah meninggal dunia pada jam 1.15 pagi, 19hb Oktober, 1987 ketika sedang dirawat di Rumah Sakit Besar, Kuala Lumpur.

Lelaki Melayu yang bersenjata M.16 juga telah melepaskan tembakan ke arah Shell Petrol Station yang terletak di persimpangan Jalan Raja Alang dan Jalan Tuanku Abdul Rahman. Akibat dari tembakan ini terdapat dua lubang kesan tembakan di tangki minyak diesel dan akibat daripada serpihan tembakan sebuah pam minyak petrol di bahagian kanan syarikat minyak ini telah terbakar.

Pekerja-pekerja pam minyak di tempat tersebut telah dapat memadamkan api dengan serta merta setelah itu lelaki Melayu tersebut telah melarikan diri menuju ke Jalan Raja Alang menghalu ke Jalan Raja Bot dan seterusnya menghilangkan diri di belakang Kuala Lumpur International Hotel.

Semasa di Jalan Raja Bot beberapa das tembakan telah juga dilepaskan tetapi tidak mencederakan sesiapa atau merosakkan apa-apa harta benda.

Tuan Yang di-Pertua, pada 17-10-87 pagi anggota ini telah mengambil sepucuk M-16 No. 9472213 yang bertanda dengan angka C68 dibuatnya bersama-sama dengan 5 magazines dan satu kotak peluru yang berisi 60 butir peluru jenis 5.56 mm di Kem Syed Putra Tambun, Ipoh, Perak. Setelah mengambil senjata dan peluru tersebut, suspect telah mencuri sebuah motosikal No. BBX 1824 jenis Honda Cub 70cc kepunyaan Lans Koperal 1031946, Daud anak lelaki Ronda. Motosikal ini telah ditinggalkan di Pasar Raya Kinta, Ipoh, Perak.

Pada 17-10-87, jam 7.25 malam suspect telah menyewa sebuah bilik di No. 225 City Hotel di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. Pada jam 3.37 petang, 18-10-87 telah membuat panggilan telefon ke Pulau Pinang selama 45 minit. Dia telah enggan menjelaskan pembayaran panggilan telefon tersebut yang berjumlah \$52.50. Pada jam 11.00 malam, 18-10-87 suspect telah keluar daripada City Hotel dengan membawa satu beg bercorak celoreng dan juga sepucuk M-16 yang disandarkan di bahunya. Sebelum keluar daripada hotel tersebut ia telah menulis sepucuk surat kepada seorang pelayan bilik di hotel tersebut. Surat tersebut ditulis dengan dakwat merah dan mengandungi perkataan seperti berikut:

'Satu anggota. Kekuatan: Senjata M-16 satu pucuk, peluru 500 butir, bom tangan 3 biji, selomonine 5, bom asap 3'.

Pihak polis telah memeriksa bilik yang disewa oleh suspect dan telah menjumpai satu topi tentera di cermin almari solek. Bilik tersebut ditulis

dengan dakwat hitam. Perkataan-perkataan yang tercatat di cermin tersebut adalah seperti berikut:

'Aku kecewa di dalam ujian untuk yang ini. Malang celaka bagi Adam. Tugas bunuh atau membunuh. Musuh disyaki berbangsa Cina, India, Melayu dan pendatang haram. Tolong jangan marah kepada saya, marah kepada pihak memerintah (commander) kerana mengecewakan hidup saya.'

Barang-barang yang dijumpai di tempat kejadian, satu beg celoreng bangsa veno telah dijumpai di kaki lima, Lorong Haji Taib 3, kawasan Chow Kit Kuala Lumpur. Beg tersebut mengandungi barang-barang seperti berikut:

Satu cleaning rod M-16;
Kain penyuci senjata berukuran 18×16 inci berwarna hijau;
Jungle green Armour Pouch yang lama;
Sepasang kasut John Burt, berwarna coklat, saiz 6 dengan tanda No. 9584;
Sepasang stokin berwarna coklat kehitaman;
Satu seluar jeans jenis Edwin, berwarna kelabu, saiz 27;
Satu talipinggang berwarna coklat, saiz 36;
Dua helai seluar dalam jenis Masterman yang disimpan dalam sebuah kotak;
Dua buah novel bertajuk "Akhirnya Aku Jadi Seorang Pelacur, di cetak oleh K.T. Trading dan kedua "Titik Noda" dicetak oleh Liliy Rosa;
Satu ribbon merah sepanjang lebih kurang satu ela yang dibungkus dengan suratkhbar Cina.

Dari siasatan di tempat kejadian juga sebanyak 49 kelongsong peluru telah dijumpai di sekitar kawasan Lorong Haji Taib 3, Lorong Haji Taib 4 di hadapan Maybank, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan juga di jalan Raja Bot Kuala Lumpur. Sebanyak 26 magazines telah juga dijumpai iaitu

satu di Lorong Haji Taib 3 manakala satu lagi di Lorong Haji Taib 4. Magazine ini bertanda 68 bahagian pangkalnya. Satu helai baju celoreng dijumpai di belakang kedai No. 370, Jalan Raja Laut lebih kurang 2 kedai dari City Hotel. Satu helai seluar celoreng dijumpai dihadapan kedai No. 29, Lorong Haji Taib 4, Kuala Lumpur.

Kerosakan Harta Awam

Setakat ini seramai 7 orang pemilik kenderaan telah melaporkan bahawa kenderaan-kenderaan mereka telah kena kesan tembakan. Kenderaan-kenderaan yang dilaporkan terlibat adalah seperti berikut:

Motor Van No. WAA 3410
Proton Saga No. WAN 5624
BMW No. KK 2181
Toyota No. WAN 5629
Honda Accord No. WAW 4164
Mercerdez 200 No. NH 7915
Proton Saga No. WBG 3906
2 buah rumah seperti berikut telah dilaporkan kena kesan tembakan:

No. 318A, Lorong Haji Taib 1,
Kuala Lumpur
No. 29B, Lorong Haji Taib 4,
Kuala Lumpur.

Tindakan yang diambil bagi mengesan penjenayah

Pemeriksaan dari rumah ke rumah di seluruh kawasan-kawasan Chow Kit dan Kampung Baru oleh anggota FRU dan PPH telah dijalankan. Sekatan-sekatan jalan raya telah diadakan di sekitar kawasan Kuala Lumpur bagi mengawal keadaan. "Op Buru" telah dilancarkan dengan sepenuhnya.

Sehingga jam 2.15 petang, 19-10-87 maklumat telah diterima di mana suspect kini menyembunyikan diri di Wisma Sabbaruddin di Jalan Raja Alang (*Ketawa*). Pihak Polis kini sedang mengepung kawasan tersebut bagi penangkapan suspect.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah penjelasan saya mengenai peristiwa tembakan yang telah berlaku di Kuala Lumpur malam tadi.

Saya ingin menegaskan bahawa peristiwa tersebut bukanlah satu peristiwa yang bercorak perkauman dan ianya tidak ada apa-apa kaitan dengan suasana politik ketika ini. Peristiwa tembakan ini adalah semata-mata satu perbuatan jenayah dan pihak polis sedang mengambil segala tindakan yang perlu untuk menangkap orang yang bertanggungjawab terhadap peristiwa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menasihatkan kepada pihak akhbar supaya berhati-hati dalam menyiarkan berita mengenai perkara-perkara yang boleh menimbulkan keresahan di kalangan rakyat dan menjejaskan ketenteraman awam. Berita yang dilaporkan hendaklah disiarkan dengan penuh tanggungjawab dan hendaklah berdasarkan kepada fakta-fakta yang sebenarnya seberapa yang boleh. Dalam peristiwa seperti yang telah berlaku semalam mereka hendaklah mengesahkan maklumat mereka dengan pihak polis sebelum menyiarkan dalam suratkhbar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini juga saya ingin menasihatkan tokoh-tokoh politik, baik tokoh-tokoh dari parti dalam Kerajaan ataupun parti-parti Pembangkang supaya bersikap sederhana, berhati-hati dan bertanggungjawab apabila menyentuh isu-isu yang mungkin menimbulkan keresahan di kalangan rakyat sehingga membawa keadaan memudaratkan ketenteraman awam.

Dalam hal ini, sukalah saya tegaskan bahawa pihak polis tidak akan teragak-agak mengambil tindakan di sisi undang-undang terhadap sesiapa sahaja yang bertindak menyalahi undang-undang

demi keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat jelata. Terima kasih. (*Tepuk*)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Kedua sekarang." (16hb Oktober, 1987).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sila teruskan.

3.48 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan saya menyambung balik bahasan dan juga golongan yang telah pun tamat pada hari Jumaat yang lepas.

Sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya menyatakan di sini dengan kesalnya ada di antara Yang Berhormat-Yang Berhormat yang membahaskan Rang Undang-undang ini telah atas nama Parliamentary privilege, dengan izin, telah menggunakan privilege ini di dalam Dewan yang mulia ini sebagai orang-orang yang patut berhemah tinggi untuk melempar, memaki dan memfitnah tanpa sebarang keterangan dan fakta-fakta jelas dan yang sebenarnya terhadap Ahli-ahli Dewan yang lain dalam Dewan yang mulia ini. Saya takut jika sekiranya kita mati nanti dan jika kita disoal apakah kamu telah menjalankan tugas dan amanah

kamu dalam Dewan ini, mungkin kita jawab, ya. Apa yang mungkin soalan itu diteruskan, apa yang kamu buat semasa dalam Dewan ini, mungkin kita tidak ada jawapan lain melainkan lidah kita akan menjawab secara involuntary dan berkata memfitnah dan memaki orang with due respect.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan-pandangan yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai institusi-institusi yang telah saya sebutkan pada hari Jumaat yang lepas mengenai KWSP, MAKUWASA, MAMINCO dan sebagainya, seperti yang telah saya katakan tidak ada kaitan dengan tabung amanah yang telah diluluskan dan yang akan diluluskan. Di sini telah saya tunjukkan pada hari Jumaat lepas bahawa kita mempunyai bukti bahawa di antara 36 kumpulan wang yang telah pun diluluskan melalui usul tidak satu pun yang didapati disalahtadbirkan. Begitu juga kumpulan wang yang diluluskan melalui Akta ada 6 semuanya tidak juga ada yang dilaporkan disalahtadbirkan. Oleh kerana itu, izinkanlah saya dengan ini memberi penerangan-penerangan lanjut berkenaan dengan tabung yang hendak dicadangkan ini.

Secara amnya, Tuan Yang di-Pertua, teguran-teguran Yang Berhormat boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, perkara-perkara am yang merangkumi bahagian yang berikut, iaitu tujuan Akta ini, accountability, bidangkuasa Menteri Kewangan dan kuasa dan skop pelaburan. Bahagian kedua ialah cadangan-cadangan khusus dan saya akan menjawabnya secara khusus juga kelak.

Mengenai tujuan kumpulan wang ini, Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah menyatakan ketiadaan tujuan Kumpulan Wang Amanah Negara ini. Walaupun tidak ada peruntukan yang khusus mengenai

tujuan Kumpulan Wang Amanah ini, tujuannya adalah nyata dari segi sumber kewangan dan penggunaannya. Dari segi sumber kumpulan wang ini ialah untuk mengagihkan sebahagian pendapatan kini daripada aset yang berkurangan dan merosot seperti minyak petroleum, timah dan sebagainya untuk kepentingan generasi yang akan datang. Dari segi penggunaannya pula, ianya akan digunakan untuk pembangunan ekonomi negara yang pada masa akan datang kelak menjadi sumber kewangan daripada aset yang telah dan mungkin akan pupus.

Mengenai isu accountability, dengan izin, Yang Berhormat dari Bandar Kuching, juga Bukit Bintang dan Simunjan telah menyatakan bahawa Akta ini telah memberi kuasa yang amat luas kepada Menteri Kewangan. Saya hendak menyatakan di sini bahawa adalah wajar perkara ini diletakkan di bawah bidangkuasa Menteri Kewangan sebagai satu institusi, bukan Menteri Kewangan sebagai seorang individu kerana Menteri Kewangan adalah bertanggungjawab kepada keseluruhan perkara kewangan negara. Oleh kerana kumpulan wang ini adalah ditubuhkan di bawah Akta Prosedur Kewangan, 1957 di mana tanggungjawab segala perkara yang berbentuk kewangan adalah terletak di bawah tanggungjawab Menteri Kewangan, dari itu adalah wajar dan munasabah bahawa pengurusan dan pentadbiran kumpulan wang ini diletakkan di bawah bidangkuasa Yang Berhormat Menteri Kewangan sebagai satu institusi.

Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan adalah amat berpuashati ke atas operasi-operasi tabung-tabung amanah yang telah diwujudkan sehingga hari ini, seperti Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan dan Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan. Kerajaan juga boleh mengadakan kumpulan wang ini

mengikuti resolusi seperti yang telah saya usulkan sebelum daripada saya mengusulkan Rang Undang-undang ini melalui Dewan Rakyat ataupun menerusi Akta Parlimen. Setelah menimbang perlunya diadakan accountability yang tinggi memandangkan jumlah wang yang amat besar ini dan tanggungjawab kita kepada generasi yang akan datang, maka Kerajaan bercadang supaya satu Akta Parlimen untuk tabung ini diadakan. Akta yang berkenaan telah mencadangkan supaya laporan kumpulan wang ini yang telah diaudit oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Parlimen dalam tempoh 30 hari selepas bulan April tiap-tiap tahun untuk diteliti secara mendalam oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Dari itu, Akta ini memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengikuti dan menganalisa segala pentadbiran, segala operasi dan prestasi kumpulan wang ini dan membendung kemungkinan penyalahgunaan kuasa oleh mana-mana ahli-ahli Penal ataupun dari Menteri Kewangan sendiri. Dengan itu terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini untuk mengesan dan membetulkan apa-apa yang didapati yang tidak kena pada tempatnya.

Ingin saya nyatakan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat tidak seharusnya meragui tentang keberkesanan kumpulan wang ini berasaskan kedudukan ekonomi masa ini kerana ianya akan digunakan setelah 10 tahun modal dikumpulkan. Tambahan pula, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mempunyai 3 peringkat pengawalannya, saya ulangi—Rang Undang-undang ini mempunyai 3 peringkat pengawalannya. Peringkat pertama ialah pengawasan oleh ahli-ahli Penal yang akan dipilih dari kalangan anggota masyarakat yang berkewibawaan. Yang kedua, di peringkat pengurusan oleh Bank Negara Malaysia yang terkenal dengan

sifat hati-hatinya dan sifat conservatismnya, dengan izin, dan akhir sekali di peringkat Parlimen sendiri setelah laporan audit dikemukakan. Oleh itu, saya berpendapat bahawa memang ada sistem check and balance, dengan izin, yang mencukupi dalam Rang Undang-undang ini untuk mengurangkan kebimbangan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah menimbulkan perkara tersebut.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat juga menyatakan bahawa perlunya diserahkan kuasa untuk melantik Penal ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebenarnya perkara ini tidak sepatutnya diletakkan di bawah kelolaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana tanggungjawab pentadbiran Rang Undang-undang ini adalah di bawah Menteri Kewangan sebagai satu institusi. Oleh kerana kumpulan wang ini adalah diadakan di bawah satu Akta Prosedur Kewangan dan juga Akta yang kita bentangkan hari ini adalah wajar perlantikan ahli-ahli Penal ini juga dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, walaupun demikian, saya ingin menyatakan di sini bahawa perlantikan ahli-ahli ini akan diberi perhatian yang berat dan dibuat dengan mengambilkira kepentingan-kepentingan negara dan juga dari itu ianya akan terdiri daripada mereka yang mendapat penghormatan daripada masyarakat yang mempunyai kelayakan dan pengalaman serta berhemah tinggi, khasnya dalam perlantikan Pengerusi Panel ini.

Ada Yang Berhormat yang memberi nama-nama yang tertentu seperti Yang Berbahagia Tun Sufian dan Professor Di Raja Ungku Aziz. Wakil dari Pasir Mas juga mahu supaya kumpulan wang ini dikendalikan secara profesional. Saya akan memastikan bahawa perlantikan Pengerusi dan Ahli-ahli Penal ini akan

dibuat dengan cara teliti dan berhati-hati untuk mengambilkira kewibawaan, kelayakan, pengalaman, profesionalisme dan kedudukan orang ini dalam masyarakat kita. Oleh itu perlantikan Pengerusi tidak semestinya dari seorang pegawai Kerajaan sahaja, ia boleh juga dilantik daripada pihak swasta, akademik atau profesional yang lain jika syarat-syarat di atas dapat dipenuhi.

Tuan Yang di-Pertua, ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Wakil Rakyat dari Bukit Bintang yang menyentuh tentang Fasal 7 (1) (i), di mana Yang Berhormat Menteri Kewangan diberi kuasa untuk menentukan penggunaan wang ini untuk tujuan-tujuan pelaburan yang lain. Sebenarnya peruntukan ini adalah akhir dalam senarai, order of importance, dengan izin. Di samping itu, ia diadakan untuk mengambil kesempatan kemungkinan terdapat perubahan-perubahan dalam pasaran kewangan pada masa-masa akan datang. Peruntukan seperti ini juga memang selalu diadakan dalam akta-akta untuk memberi kemudahan kepada Kerajaan dan mengelakkan ia perlu dipulangkan kepada Parlimen untuk perkara-perkara kecil yang memerlukan tindakan serta-merta, a day to the business, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Peruntukan seperti ini adalah perkara biasa dalam akta dan yang serupa dan tidak perlu diperbesar-besarkan.

Ahli Yang Berhormat dari Simunan mencadangkan supaya penggunaan-penggunaan Kumpulan Wang ini ialah untuk mengadakan sumber-sumber gantian baru. Memandangkan bahawa ianya didapati daripada sumber-sumber asli negara yang akan berkurangan dan merosot. Cadangan ini telah pun diambilkira di dalam Rang Undang-undang ini terutama dalam seksyen 7 (1) (g) di mana ia akan digunakan untuk tujuan memajukan sektor-sektor mineral, penanaman keluaran

utama dan sebagainya. Bersabit dengan perkara ini juga ada cadangan supaya ianya digunakan untuk generasi akan datang untuk pihak tertentu seperti keperluan menghadapi bencana alam dan kanak-kanak cacat dan sebagainya. Seperti yang saya katakan, penggunaan Kumpulan Wang ini adalah untuk tujuan pembangunan negara, dari itu ianya boleh digunakan untuk projek-projek yang akan berfaedah kepada masyarakat kita yang akan datang, termasuk juga kumpulan tertentu seperti kanak-kanak cacat yang tidak bernasib baik.

Mengenai cadangan supaya dalam memberi pinjaman kepada negeri-negeri yang patut diberi ialah negeri-negeri yang boleh membayar balik hutang-hutang yang diberikan. Cadangan ini adalah baik dan akan diambilkira. Saya berjanji bahawa cadangan dan aturcara pinjaman yang dibuat daripada Kumpulan Tabung Wang ini akan memastikan bahawa negeri-negeri yang menerima pinjaman akan membayar balik pinjaman ini supaya jumlah wang yang ada dalam Kumpulan Wang ini akan terus bertambah dari masa ke semasa dan tidak berkurangan, Insya Allah.

Pandangan daripada Yang Berhormat dari Marang iaitu supaya Kerajaan menggalakkan pemerosesan bahan-bahan mentah dalam negeri dan tidak mengeksport bahan-bahan yang tidak diproses. Harus saya nyatakan di sini bahawa inilah matlamat Kerajaan untuk menggalakkan pemerosesan bahan-bahan mentah di dalam negara ini dan Kerajaan sentiasa menggalakkan penyelidikan supaya tahap pemerosesan bahan-bahan mentah dapat ditinggikan di dalam negara kita yang tercinta ini untuk meningkatkan value added, dengan izin, dalam negara kita ini. Untuk tujuan ini ada kemungkinan wang dari Kumpulan Wang ini dapat digunakan untuk membantu penyelidikan ke arah itu.

Saya juga ingin menjawab pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Ipoh. Saya amat hairan kenapa Ahli-ahli Yang Berhormat ini tidak bersetuju dengan cadangan mengadakan Kumpulan Wang Amanah ini, sedangkan rakan beliau Yang Berhormat dari Bukit Bintang bersetuju kepada cadangan ini. Bukankah langkah menubuhkan tabung ini merupakan langkah-langkah berhati-hati dan berjaga-jaga untuk kepentingan kita bersama, untuk anak cucu kita kelak. Seperti kata pepatah Melayu, kita sediakan payung sebelum hujan. Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, langkah ini sepatutnya diadakan lebih awal dahulu lagi. Tetapi bukannya ada pepatah Inggeris berbunyi.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Izinkan saya menghabiskan dahulu, with due respect.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau begitu boleh beri jalan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Yang Berhormat, seperti kata pepatah Inggeris, better late than never, dengan izin. Ahli-ahli Yang Berhormat ini hanya cuba mencari kesempatan. Kalau Kerajaan tidak buat, salah, Kerajaan buat pun salah, jadi semua serba salah. Kumpulan Wang ini akan dilaburkan dalam jangka masa 10 tahun.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kota Melaka

bangun. Minta penjelasakah, Yang Berhormat?

Tuan Lim Guan Eng: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasan. Beri jalan? Teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan sengaja tidak mahu memahami hujah-hujah yang diberikan oleh saya dan rakan saya dari Ipoh. Bukan tujuan saya menentang Akta ini, tetapi bahawa Akta ini boleh disalahtadbirkan. Seperti yang berlaku dalam KWSP di mana Tabung Amanah ini disalahtadbirkan dengan melabur dalam pelaburan yang tidak mengikut undang-undang seperti pelaburan dalam syer-syer yang bukan amanah dan lain-lain pelaburan. Kalau Yang Berhormat mahu, saya boleh tunjukkan bukti. Begitu juga kita tidak menentang. Tujuan ini baik, tetapi kemungkinan untuk Tabung ini disalahtadbirkan adalah luas. Kemungkinan disalahtadbirkan adalah besar untuk seorang sahaja mentadbirkan itu. Terima kasih.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Melaka ingin penjelasan tetapi beliau yang memberi penjelasan. Saya tidak perlu menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sebab tujuan Tabung ini ditubuhkan adalah murni dan sekali lagi saya tegaskan di sini bahawa pada pendapat saya atas nama anak-anak kita dan cucu-cucu kita yang akan datang ini menyokong. Kalau mengikut *Hansard* kita dapat membaca Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada bangun membangkang akan kelulusan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang ini seperti yang saya katakan tadi akan dilaburkan dalam jangka

masa 10 tahun. Dan selepas itu digunakan untuk tujuan pembangunan negara yang telah pun saya terangkan awal lagi. Sudah 36 Tabung Amanah yang telah pun kita luluskan melalui usul dan 6 Tabung Amanah yang telah kita luluskan melalui Akta Parlimen. Tidak ada satu pun yang disalahtadbirkan. Contoh-contoh yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lain bukan terdiri daripada Tabung Amanah yang saya maksudkan ini. Marilah kita sebagai manusia yang sedar akan sesuatu yang mungkin di luar dugaan kita pada masa akan datang, yang mungkin kita tidak tahu akan berlaku, berlaku wajar sedikit. Marilah kita bersifat hati mulia dan magnanimous, dengan izin, menyokong hasrat baik ini bukan untuk kita, tetapi untuk anak-anak cucu kita. Saya ulangi, anak cucu Ahli-ahli Yang Berhormat yang mungkin terdiri daripada anak cucu Yang Berhormat dari DAP juga. Saya ingin menyoal, adakah Ahli-ahli Yang Berhormat tidak fikir dan tidak sayang kepada anak-anak dan cucu-cucu kita kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian, cadangan-cadangan seperti meningkatkan tempoh supaya melebihi 10 tahun sebelum wang yang terkumpul digunakan atau jumlah sumbangan dari PETRONAS seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, Gopeng dan lain-lain lagi adalah baik dan boleh diambilkira kelak selepas beberapa tahun Kumpulan Amanah ini beroperasi. Di sini ingin saya menyatakan bahawa jumlah sumbangan \$100 juta dari PETRONAS adalah sumbangan permulaan sahaja. PETRONAS juga memerlukan sumber kewangannya untuk meningkatkan kegiatan hiliran dan huluannya, upstream and downstream, dengan izin. Walaupun begitu jumlah ini boleh ditingkatkan kelak jika perlu.

Di samping itu, Kerajaan akan sentiasa meminta kelulusan Parlimen, saya ulangi—di samping itu Kerajaan akan sentiasa meminta kelulusan Parlimen daripada masa ke semasa untuk memperbaiki operasi Kumpulan Wang ini tetapi biarlah ianya terlaksana terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhirnya saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya berharap semua pihak dapat membantu dan mengambil berat ke atas usaha menjayakan Kumpulan Wang ini. Sekali lagi, atas nama dan demi kesejahteraan generasi kita akan datang terutama anak-anak dan cucu-cucu kita yang mungkin kita tidak dapat lihat apabila kita meninggal nanti, inilah satu warisan yang akan kita tinggalkan kepada mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-ahli yang bersetuju kata setuju, yang tidak bersetuju kata tidak.

Tuan P. Patto (Ipoh): Tuan Speaker, saya minta Dewan berbelah-bahagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Berapa orang yang hendak sokong cadangan itu? Ada cukupkah?

(Lebih 15 Ahli berdiri)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Cukup.

Loceng dibunyikan.

BELAHBAHAGIAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Menteri, menteri?

Tuan Lim Kit Siang: Kosong. Tidak ada Menteri. *(Disampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ada. *(Disampuk)* Ahli-ahli penghitung undi—Kumpulan A Yang Berhormat Dato' Chan Siang Sun—tidak ada. Yang Berhormat Tuan Kasitah Gaddam.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, point of order. Ada ganti? Oleh kerana yang sudah dilantik penghitung undi tidak ada, seorang Menteri itu tidak ada hak untuk undi—tidak ada penghitung, tidak ada hak undi, berkecuali atau ditidakkan *(Tepuk)*.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya rasa Yang Berhormat sedar kita boleh gantikan.

Kumpulan B—Yang Berhormat Tuan Ng Cheng Kuai;

Kumpulan C—Yang Berhormat Tuan M. G. Pandithan;

Kumpulan D—Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah;

Kumpulan E—Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah;

Kumpulan F—Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye,
sila datang ke hadapan.

Yang bersetuju kata “Ya”, yang tidak kata “Tidak” apabila dia minta. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, point of order. Tidak ada hak mengundi, baru masuk boleh undikah? *(Kepada Y.B. Dato' Chan Siang Sun)* Yang Berhormat baru masuk tidak ada hak lagi. Nanti terus

balik, terus balik, tidak ada hak lagi. Ada cut-off point.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan, Yang Berhormat. Ini sense of humour dia.

Tuan Hu Sepang (Rasah): Blok "C" sepatutnya Yang Berhormat Tuan Pandithan. Tadi Tuan Speaker umum Yang Berhormat Tuan Pandithan, sekarang sudah jadi lain macam, ini memang bukan Pandithan, sudah banyak silaplah! (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan belahbahagian yang dijalankan ialah: Yang bersetuju, 74 (*Tepuk*); Yang tidak bersetuju, 23 (*Tepuk*). Jadi, lebih suara bersetuju. Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang.

YANG BERSETUJU:

1. Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj bin Tengku Ismail
2. Tuan Anwar bin Ibrahim
3. Dato' Chan Siang Sun
4. Tuan Kasitah bin Gaddam
5. Dato' Haji Sabbaruddin Chik
6. Dato Napsiah binti Omar
7. Dato' Dr Mohammad Yusof bin Haji Mohamed Nor
8. Tuan Mohamed Kassim bin Ahmed
9. Dato' S. Subramaniam
10. Dato' Oo Gin Sun
11. Tuan Ng Cheng Kuai
12. Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed
13. Tuan Woon See Chin
14. Tuan Kalakau Untol
15. Tuan Loke Yuen Yow
16. Tuan Osu bin Haji Sukam
17. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail
18. Tuan Alias bin Md. Ali
19. Raja Ariffin bin Raja Sulaiman
20. Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus
21. Dr Leo Michael Toyad
22. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan
23. Tuan Abdul Ghani bin Othman
24. Tuan Awang bin Jabar
25. Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad
26. Puan Teng Gaik Kwan
27. Tuan Peter Chin Fah Kui
28. Tuan Ong Tin Kim
29. Tuan M. G. Pandithan
30. Tuan Adam bin Abdul Kadir
31. Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi
32. Dato Shahrir bin Abdul Samad
33. Tuan Othman bin Abdul
34. Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman
35. Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad
36. Dato' Zainal Abidin bin Zin
37. Dr Goh Cheng Teik
38. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed
39. Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman
40. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah
41. Dato' Haji Mohamed bin Haji Ali
42. Tuan Ahmad bin Omar
43. Puan Zainabon binti Abu Bakar
44. Tuan S. S. Subramaniam
45. Tuan Chua Jui Meng
46. Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail
47. Tuan Mohd. Sharif bin Jajang
48. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib
49. Tuan Haji Ibrahim bin Ali

50. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar
51. Tuan Hashim bin Safin
52. Tuan Mohamed bin Haji Isa
53. Tuan Abdul Rahman bin Bakar
54. Tuan Mohd. Subky bin Haji Abdul Raof
55. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah
56. Tuan Ismail bin Said
57. Tuan Thomas Salang Siden
58. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan
59. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim
60. Tuan Mutang bin Tagal
61. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah
62. Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan
63. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin
64. Tuan Madatang bin Morejal
65. Datuk Haji Yahaya bin Mohd. Shafie
66. Datuk Daniel Tajem anak Miri
67. Puan Ling Chooi Sieng
68. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah
69. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar
70. Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff
71. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid
72. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob
73. Dr Ting Chew Peh
74. Tuan Zubir bin Embong

YANG TIDAK BERSETUJU:

1. Tuan Lim Kit Siang
2. Dr Chen Man Hin

3. Tuan Lee Lam Thye
4. Tuan Karpal Singh
5. Tuan Gooi Hock Seng
6. Tuan Sim Kwang Yang
7. Dr Tan Seng Giaw
8. Tuan Fung Ket Wing
9. Tuan Peter Paul Dason
10. Tuan P. Patto
11. Tuan Chian Heng Kai
12. Tuan Ting Chek Ming
13. Tuan Teoh Teik Huat
14. Tuan Gerard Math Lee Min
15. Tuan Ngoi Thiam Woh
16. Tuan Lim Guan Eng
17. Tuan Lau Dak Kee
18. Dr Eng Seng Chai
19. Tuan Hu Sepang
20. Tuan Liew Ah Kim
21. Tuan Tan Kok Wai
22. Tuan Hsing Ying Shean
23. Tuan Samson Chin Chee Tsu

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan 54 (2) untuk mengusulkan bahawa Rang Undang-undang ini diserahkan kepada satu Jawatankuasa Pilihan (Select Committee). Usul menyerahkannya kepada Jawatankuasa Pilihan tidak perlu notis dan sebab-sebabnya:

- (1) Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah gagal untuk meyakinkan Ahli-ahli Parlimen baik pun Pembangkang ataupun Barisan Nasional bahawa penyalahgunaan dan pecah amanah atau rasuah yang besar

tidak akan berlaku dalam pentadbiran Kumpulan Wang Amanah Negara yang akan merupakan satu kumpulan berbilion ringgit seperti yang pernah berlaku dalam skandal MAMINCO, KWSP, MAKUASA, UMBC, BMF dan Lebuhraya Utara/Selatan;

- (2) Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan berkenaan telah mengelak langsung daripada memberi penjelasan yang memuaskan tentang kegagalan Kerajaan untuk memberi satu perakaunan yang memuaskan kepada Parlimen dan negara berkaitan dengan skandal-skandal kewangan yang berlaku dahulu seperti MAMINCO, KWSP, MAKUASA, UMBC, BMF dan Lebuhraya Utara/Selatan dengan mengatakan bahawa skandal-skandal tersebut adalah tidak relevant kerana skandal-skandal tersebut tidak tergulung dalam mana Kumpulan Wang Amanah yang ditubuhkan di bawah Akta Prosedur Kewangan 1957. Ini adalah satu alasan procedural yang begitu lemah kerana isu yang terlibat ialah sama ada Kerajaan telah membuktikan bahawa ia layak diberi keyakinan oleh rakyat untuk diamanahkan dengan pentadbiran lebih banyak lagi wang awam, tidak kira sama ada ianya itu tergulung di dalam atau di luar jadual kedua Akta Prosedur Kewangan 1957;
- (3) memandangkan kegagalan malah ketakutan untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan mengenai skandal-skandal kewangan yang berlaku dahulu, maka Parlimen mempunyai tugas untuk memuatkan di dalam Rang Undang-undang Amanah Negara ini, jaminan-jaminan

atau safeguards yang ketat untuk memastikan terdapat kewibawaan yang tertinggi sekali dalam pengurusan dan pentadbiran Kumpulan Wang ini dan di samping itu juga memastikan terdapat kawalan, penyeliaan dan pertanggungjawapan yang tegas sekali kepada Parlimen dengan penubuhan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai Kumpulan Wang Amanah Negara;

- (4) untuk membolehkan Parlimen memahami kerja-kerja terperinci Kumpulan Wang Amanah Negara yang dicadangkan ini, memandangkan kepada hakikat bahawa Kumpulan Wang tersebut boleh dengan secepatnya menjadi satu Kumpulan Wang Amanah berbilion ringgit sungguhpun ia akan dimulakan dengan sumbangan permulaan sebanyak \$100 juta daripada PETRONAS;
- (5) untuk membolehkan rakyat Malaysia dan pertubuhan-pertubuhan yang berminat mempunyai peluang untuk membuat perwakilan-perwakilan serta memberi pandangan-pandangan berkaitan dengan fungsi, operasi dan matlamat Kumpulan Wang Amanah Negara;
- (6) untuk menuntut supaya Menteri Kewangan hadir di hadapan Parlimen atau Jawatankuasa Pilihan atas satu Rang Undang-undang yang begitu penting ini yang tidak harus dibiarkan untuk dibentangkan oleh seorang Timbalan Menteri semata-mata serta juga untuk merakamkan protest Dewan ini bahawa beliau mempunyai

kadar kegagalan hadir mesyuarat Parlimen yang paling tinggi sekali untuk menerangkan dan akaun kepada Dewan mengenai pengendalian Dasar-dasar Kewangan Negara olehnya baik pun semasa soal-jawab, perbincangan atas Rang Undang-undang atau lain-lain Usul Kewangan Kerajaan; dan akhirnya

- (7) bahawa oleh kerana wang PETRONAS ada digunakan secara tidak sah di masa lampau untuk menyelamatkan Bank Bumiputra dan BMF dalam skandal \$2.5 bilion, Parlimen perlu dipuaskan bahawa Kumpulan Wang Amanah Nasional ini tidak akan menjadi satu institusi, dengan izin, "super bail", untuk menyelamatkan institusi-institusi yang tidak cekap, yang sudah gagal atau korup. (Tepuk)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah usul oleh Ketua Pembangkang bahawa Rang Undang-undang ini diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta division.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya merayu kepada Yang Berhormat, adakah apa-apa faedah berbuat begitu?

Tuan Lim Kit Siang: Untuk Bil dan peruntukan dan cadangan yang sangat penting ini kerana berbilion-bilion ringgit terlibat. Mahu division, dua tiga minit sahaja, itu tidak mustahak. Yang mustahak ialah satu keputusan dibuat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kita telah buat satu division tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi ini mengenai serah kepada pilihan, kenapa mahu tentang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Terpujanglah kepada Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta division.

Loceng dibunyikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli yang jadi penghitung undi, sila.

BELAHBAHAGIAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Bersetuju, 24 (Tepuk); Yang Tidak Bersetuju, 77 (Tepuk); Yang Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU:

1. Tuan Lim Kit Siang
2. Dr Chen Man Hin
3. Tuan Lee Lam Thye
4. Tuan Karpal Singh
5. Tuan Gooi Hock Seng
6. Tuan Sim Kwang Yang
7. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Arshad
8. Dr Tan Seng Giaw
9. Tuan Fung Ket Wing
10. Tuan Peter Paul Dason
11. Tuan P. Pato
12. Tuan Chian Heng Kai
13. Tuan Ting Chek Ming
14. Tuan Teoh Teik Huat
15. Tuan Gerard Math Lee Min
16. Tuan Ngoi Thiam Woh

17. Tuan Lim Guan Eng
18. Tuan Lau Dak Kee
19. Dr Eng Seng Chai
20. Tuan Hu Sepang
21. Tuan Liew Ah Kim
22. Tuan Tan Kok Wai
23. Tuan Hsing Ying Shean
24. Tuan Samson Chin Chee Tsu

YANG TIDAK BERSETUJU:

1. Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj bin Tengku Ismail
2. Tuan Anwar bin Ibrahim
3. Dato' Chan Siang Sun
4. Tuan Kasitah bin Gaddam
5. Dato' Haji Sabbaruddin Chik
6. Dato Napsiah binti Omar
7. Dato' Dr Mohammad Yusof bin Haji Mohamed Nor
8. Tuan Mohamed Kassim bin Ahmed
9. Dato' S. Subramaniam
10. Dato' Oo Gin Sun
11. Tuan Ng Cheng Kuai
12. Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed
13. Dato' Kok Wee Kiat
14. Tuan Woon See Chin
15. Tuan Kalakau Untol
16. Tuan Loke Yuen Yow
17. Tuan Osu bin Haji Sukam
18. Tuan Railey bin Jaffrey
19. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail
20. Tuan Alias bin Md. Ali
21. Raja Ariffin bin Raja Sulaiman
22. Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus
23. Dr Leo Michael Toyad
24. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan

25. Tuan Abdul Ghani bin Othman
26. Tuan Awang bin Jabar
27. Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad
28. Puan Teng Gaik Kwan
29. Tuan Peter Chin Fah Kui
30. Tuan Ong Tin Kim
31. Tuan M. G. Pandithan
32. Tuan Adam bin Abdul Kadir
33. Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi
34. Tuan Othman bin Abdul
35. Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman
36. Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad
37. Dato' Zainal Abidin bin Zin
38. Dr Goh Cheng Teik
39. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed
40. Dato' Abdullah Ahmad
41. Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman
42. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah
43. Dato' Haji Mohamed bin Haji Ali
44. Tuan Ahmad bin Omar
45. Puan Zainabon binti Abu Bakar
46. Tuan S. S. Subramaniam
47. Tuan Jimbun anak Pungga
48. Tuan Tieu Sung Seng
49. Tuan Taiman bin Lumaing
50. Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail
51. Tuan Mohd. Sharif bin Jajang
52. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib
53. Tuan Haji Ibrahim bin Ali
54. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar
55. Tuan Hashim bin Safin
56. Tuan Mohamed bin Haji Isa
57. Tuan Abdul Rahman bin Bakar

58. Tuan Mohd. Subky bin Haji Abdul Raof
59. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah
60. Tuan Ismail bin Said
61. Tuan Thomas Salang Siden
62. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan
63. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim
64. Tuan Mutang bin Tagal
65. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah
66. Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan
67. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin
68. Datuk Haji Yahaya bin Mohd. Shafie
69. Datuk Daniel Tajem anak Miri
70. Puan Ling Chooi Sieng
71. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah
72. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar
73. Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff
74. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid
75. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob
76. Dr Ting Chew Peh
77. Tuan Abdol Mulok Awang Damit

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada

Usul tidak disetujui.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2—

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):
Tuan Pengerusi, saya cadangkan dipotong perkataan-perkataan "OECD", ertinya Pertubuhan bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi yang telah terdapat dalam fasal 2 Rang Undang-undang ini.

Tuan Pengerusi, saya kemukakan cadangan ini oleh kerana sepatutnya semua wang di dalam Kumpulan Wang Amanah Negara patutlah dilaburkan di negara kita, juga untuk membantu dan pertumbuhan pembangunan ekonomi dan tidak patut dilabur di luar negeri untuk membantu negara yang lain dapat kadar pertumbuhan yang lebih pesat daripada negara kita.

Kalau Kerajaan Malaysia buat satu teladan yang tidak baik di mana boleh melaburkan wang negara di luar negeri supaya mendapat sedikit kelebihan keuntungan tentulah Kerajaan Malaysia tidak boleh menyalahkan rakyat Malaysia kalau mereka mengeluarkan wang daripada negara untuk melabur di negara yang lain sama oleh kerana untuk mendapat keuntungan yang lebih besar atau lebih tentu dapat keuntungan.

Pemimpin-pemimpin Kerajaan dalam masa lampau ada menuduh rakyat Malaysia tidak taatsetia oleh kerana mereka tidak taruh wang dalam negara kita untuk pembangunan ekonomi negara kita dan kalau itu benar, nampaknya Kerajaan negara kita sekarang tidak taatsetia kepada negara kita yang mahu peruntukan di mana wang di dalam Kumpulan Wang Amanah boleh dilabur di luar negeri. Kalau ini yang berlaku tentulah ini tidak sihat, sama ada wang itu dilabur di dalam negara luar, baik pun OECD ataupun di negara-negara yang lain. Dan

tentulah Kerajaan tidak boleh mengharapkan rakyat Malaysia lebih nasionalistik kalau Kerajaan sendiri tidak nasionalistik. Tidak boleh harap bahawa rakyat menaruhkan kepentingan negara atas kepentingan diri kalau Kerajaan sendiri mengambil tindakan yang begitu nasionalistik.

Tuan Pengerusi, wang di dalam Kumpulan Wang Amanah Nasional bukan satu angka atau jumlah yang kecil, sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada sebut di dalam perbahasan bahawa ia akan memulakan dengan \$100 juta sumbangan dari PETRONAS.

Di dalam bulan Oktober, 1985 dalam satu jawapan di dalam Dewan yang mulia ini daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri—masa itu Datuk James Ongkili mengenai Kumpulan Wang Amanah ini, beliau ada mengatakan bahawa PETRONAS sudah bersetuju untuk memulakan sumbangan kepada Kumpulan Wang ini dengan \$200 juta. Saya tak tahulah kenapa sekarang sudah \$100 juta, tidak ada apa-apa penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tetapi saya percaya bahawa tidak lama lagi wang ini akan meningkat naik ke taraf bilion ringgit dan tentu apabila tahap itu sampai pergerakan wang di dalam Kumpulan Wang Amanah Nasional semacam wang di dalam PETRONAS sekarang boleh mempengaruhi, boleh menjadi satu kunci kepada liquidity dalam sistem banking dan KLSE pun, oleh kerana mahu labur dalam stock exchange kepada ekonomi negara kita dan sebab itu sangat mustahak bahawa daripada mulanya kita mahu jelaskan, mahu terangkan bahawa semua pelaburan dalam Kumpulan Wang Amanah Nasional baharulah boleh dibuat di tempatan dan bukan semacam yang pernah berlaku dalam PETRONAS daripada tahun 1980-1984, 30%-50% wang PETRONAS

ada disimpan di luar negeri. Itulah tidak taatsetia dan itulah sebab saya kemukakan pindaan ini. Terima kasih.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya ingin mendapat satu ruling daripada Tuan Pengerusi, Rang Undang-undang ini telah disediakan dalam teks Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris, sebagaimana diwajibkan dalam Seksyen 6 (A), Akta Bahasa Kebangsaan 1963, 1967. Seksyen 6 (A) itu juga mewajibkan supaya teks bagi segala pindaan kepada Rang Undang-undang yang akan dicadangkan dalam Parlimen dibuat di dalam kedua-dua bahasa, Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris juga. Jadi, saya ingin mendapat ruling oleh kerana cadangan pindaan ini dibuat hanya dalam satu bahasa sahaja. Adakah pindaan ini boleh diterima?

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, kita mahu mendaulatkan Bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Nanti, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: mendaulatkan Bahasa Malaysia, bahasa rasmi di negara kita. Ketua UMNO "youth" tidak mendaulatkan Bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini? (*Tepuk*) Saya harap dia tarik balik permintaan itu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat-Yang Berhormat. Duduk, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini, UMNO tidak mahu mendaulatkan Bahasa Malaysia?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari

Tanjong, duduk! Yang Berhormat tidak payah buat begitu, saya akan buat satu ruling.

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*). Gila.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jangan keriau begitu.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya terdengar ada perkataan "gila", point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk! Saya akan cari siapa yang sebut perkataan itu.

Tuan Othman bin Abdul: Gila, memang gila, biadap.

Tuan P. Patto: Ha! Ha! Tuan Pengerusi, saya minta perkataan itu ditarik balik oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu.

Tuan Othman bin Abdul: Ahli-ahli DAP memang biadap, memang biadap.

Tuan P. Patto: Lagi satu perkataan "biadap" disebut.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari.

Tuan P. Patto: Setiausaha Parlimen naik pangkat lagi. Ya!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Ipoh, duduk!

Tuan Othman bin Abdul: Saya tarik balik, tetapi biadap, memang bahasa biadap, kelakuan biadap.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, itu bukan tarik balik. (*Ketawa*). Yang Berhormat dari Ipoh, duduk!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila tarik balik dengan tidak ada syarat.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, saya tarik balik perkataan saya.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudah Yang Berhormat. Tarik balik, duduk!

Tuan Othman bin Abdul: tetapi kita tidak mahu gelagat, sekejap jadi jagoh Mandarin, sekejap jadi jagoh Bahasa Kebangsaan. Itu yang saya kata "biadap".

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat-Yang Berhormat, sudah, duduk!

Tuan P. Patto: Ini saya ingat sudah lebih, Tuan Pengerusi, buat satu ruling, di bawah 44.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pendang, tarik balik dengan tidak ada syarat-syarat ataupun ada lain-lain perkataan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, saya tarik balik tanpa syarat.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudah, Yang Berhormat itu sahaja. Yang Berhormat dari Tanjong pun apabila seseorang menimbulkan satu point of order, terpulanglah kepada saya untuk buat keputusan. Tunggu dulu.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau begitu saya pun boleh buat pandangan. Kita mahu galakkan Bahasa Malaysia, mahu galakkan Bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jangan, tidak boleh. Dengan tidak ada keizinan tidak boleh.

Tuan Zubir bin Embong: Yang Berhormat dari Tanjung tidak faham dan tidak mengerti apa dia point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Duduk!

Tuan Zubir bin Embong: Saya duduk juga, boleh!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya rasa ini bukan satu perkara yang mustahak, Yang Berhormat, kita boleh terima dan Tuan Speaker telah terima dan telah memberi ini kepada saya. Oleh itu teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Apa hal sekarang?

Dr Tan Seng Giaw: Perbahasan. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap Yang Berhormat, ini DAP pun tidak sabar. Duduk! Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dipindahkan dengan memotong perkataan-perkataan "OECD" ertinya Pertubuhan bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi yang terdapat dalam Fasal 2, Rang Undang-undang ini. Dan masalah ini sekarang terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Kepong.

4.46 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa membentangkan dan menggolong Rang Undang-undang ini tidak pernah menyentuh mengapa Kerajaan memilih OECD sahaja.

Saya tidak begitu faham mengapa Kerajaan begitu berminat dengan negara-negara di dalam OECD sahaja, sama ada Kerajaan ada pakatan ataupun tidak saya pun tidak tahu. Cuma yang kita tahu apabila Kerajaan mengambil wang keluar daripada negara ini melalui BMF dan sebagainya, berlakulah skandal seperti yang berlaku di Hong Kong. Jadi, tidak ada jaminan, tidak ada kaedah-kaedah yang tertentu untuk memastikan perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan di dalam semua Kumpulan Wangnya, 36, jumlah semuanya, berjalan dengan bersih, cekap dan amanah dan tidak wujud segala skandal langsung. Oh! bunyinya sedap bukan main, hebat sungguh, lebih hebat daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu pula (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Pengerusi, apa kait-mengait dengan saya? (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jangan sebut nama.

Beberapa Orang Ahli: (*Menyampuk*).

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Pengerusi, point or order. Tadi Yang Berhormat dari Kepong.

Beberapa Orang Ahli: Apa order?

Tuan Zubir bin Embong: Ialah point of orderlah ini. (*Ketawa*)

Beberapa Orang Ahli: Apa dia cakap, main-main?

Tuan Zubir bin Embong: 36 (10) (c) (*Ketawa*). Tarik balik.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Apa perkataannya.

Tuan Zubir bin Embong: 36 (10) (c).
Tarik balik.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Apa perkataan yang menyakitkan hati Yang Berhormat?

Tuan Zubir bin Embong: Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati. (*Ketawa*). Saya sakit hati sebab dia kata begitu. Tarik balik.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong, teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, nampaknya Yang Berhormat dari Kuala Terengganu ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, teruskan dengan ucapan, jangan buang masa.

Dr Tan Seng Giaw: Dia mungkin tidak faham dalam hal OECD dan sebagainya, dan mungkin dia tidak ada di sini bila kita membincangkan skandal BMF itu. Saya ingat dia tidak ada, dia baru datang 14 bulan sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya telah beri amaran. Teruskan ucapan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, di dalam usaha Kerajaan untuk mengambil wang daripada negara ini untuk dilaburkan di dalam negara-negara O.E.C.D., saya berpendapat dengan tiada kaedah-kaedah yang ketat untuk mengelakkan segala kemungkinan timbulnya masalah skandal dan sebagainya, saya tidak setuju jika memasukkan O.E.C.D. di dalam Rang Undang-undang ini dan saya menyokong Yang Berhormat dari Tanjong untuk memansuhkan O.E.C.D. daripada Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Ipoh.

4.51 ptg.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong pindaan yang dibawa oleh Ketua Pembangkang ke atas Fasal 2 dalam Rang Undang-undang ini.

Tambahan kepada apa yang disebutkan oleh pembawa pindaan, Tuan Pengerusi, apakah Kerajaan hari ini pada akhirnya sudah menerima hakikat bahawa wujudnya satu krisis keyakinan dalam Kerajaan? Memandangkan Kerajaan sendiri menerima bahawa wujudnya krisis keyakinan, maka ia terpaksa menyertakan perkataan O.E.C.D. dalam Rang Undang-undang ini supaya ia boleh membawa keluar wang dari negara ini dan bukan melabur balik dalam negara ini. Ini sendiri sudah menunjukkan bahawa Kerajaan sendiri sudah lama kelamaan mengaku ada krisis keyakinan (*Tepuk*) dan oleh kerana mereka sudah menerima hakikat ini, marilah bersama-sama memulih balik iklim pelaburan dalam negara ini dan bukan lagi tambah supaya pelaburan-pelaburan asing hilang kepercayaan, hilang keyakinan lagi dengan memasukkan perkataan "O.E.C.D.". Apabila O.E.C.D. ini dipersetujui dan dikeluarkan daripada Rang Undang-undang ini sedikit sebanyak harapan kita bolehlah pulih, keyakinan terhadap Kerajaan, keyakinan terhadap musim iklim pelaburan dalam negara. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab?

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tidak perlu jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak perlu jawab, resign. Apa ini?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Tanggungjawab kepada Parlimen, kalau tidak perlu jawab, tidak perlu datang, tidak perlu bentang, keluar!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanjong, sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat ini hak dia, kalau dia hendak buat begitu, Yang Berhormat tidak boleh mempersoalkan hak itu.

Tuan Lim Kit Siang: (*Disampuk*) Tidak boleh buat macam ini, jawab!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat, itu terpulang kepada Yang Berhormat Menteri kalau dia tidak hendak menjawab, tidak payah.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Akta ini telah pun menjelaskan maknanya, kalau sekiranya Yang Berhormat mahu penjelasan lebih jelas, baca Akta ini, saya ingat sudah terang.

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Point of orderkah, Yang Berhormat?

Tuan P. Patto: Dari Tuan Pengerusi, saya hendakkan satu rulling. Biasanya apabila sesuatu pindaan kepada Rang Undang-undang ini dibuat oleh mana-mana satu Ahli biasa pihak Kerajaan mempertahankan peruntukan asal itu dan menjawab hujah-hujah yang diberi. Hari ini saya hairan.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Pengerusi,

Tuan P. Patto: mengapa Timbalan Menteri tidak mahu dan saya minta Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak perlu dia jawab, Yang Berhormat.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Pengerusi, permintaan ruling daripada Yang Berhormat dari Ipoh itu di bawah order mana? Dia kena sebut order itu sebelum dia minta ruling?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dia minta penjelasan, Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Rang Undang-undang ini dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "OECD" ertinya Pertubuhan bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi" yang terdapat dalam Fasal 2 Rang Undang-undang.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3—

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa Fasal 3 dipinda dengan memasukkan Fasal kecil baru (4) seperti berikut:

"(4). Bank Negara Malaysia hendaklah bertanggungjawab kepada sebuah Jawatankuasa Parlimen mengenai Kumpulan Wang Amanah Negara yang ditubuhkan oleh Dewan Rakyat bagi maksud ini atas pentadbiran dan pengurusan harian Kumpulan Wang ini".

Nampaknya dalam Dewan yang mulia ini semua tahu cakap "tidak" sahaja, tetapi tidak ada akal untuk cakap kenapa "tidak", tidak ada akal untuk hujah-hujah kenapa tidak.

Tuan Pengerusi,

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat dari Tanjong tarik balik, kerana dia kata orang yang 'tidak ada akal'.

Tuan Lim Kit Siang: Itu terpulang kepada Ahli Yang Berhormat dari

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Apa terpulang? Ini bukan soal terpulang, "tidak ada akal", perkataan itu "biadap, kurang ajar"—tarik balik, kalau tidak

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, ada satu biadap

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Memang dia kurang ajar.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Kalau dia tidak tarik balik, saya cap dia sebagai "kurang ajar".

Tuan Lim Kit Siang: Kurang ajar, dua.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Kurang ajar, gila.

Tuan Lim Kit Siang: Gila, tiga. Lagi?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Menang sayalah, saya—tiga, dia—satu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang, duduk sekejap. Yang Berhormat dari Tanjong, perkataan "tidak ada akal" terhadap siapa itu?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada akal terhadap mereka yang tidak ada akal. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Adakah ini juga

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap Yang Berhormat! Adakah ini ditujukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini?

Tuan Lim Kit Siang: Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini ada yang ada akal dan ada yang tidak ada akal, dan ini kepada mereka yang tidak ada akal.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, tadi dia mengatakan kepada mereka yang tidak ada akal.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang, duduk!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya boleh duduk tetapi itu kurang ajar!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat tidak boleh kata separuh Ahli-ahli Yang Berhormat atau seorang pun tidak ada akal.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak ada akal pun tidak boleh cakap ada akal, mahu cakap; dia ada akallah—kalau itu keputusan, saya terima.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tarik balik.

Tuan Lim Kit Siang: Saya terima, dia ada akal, saya pun cakap dia ada akal.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Itu lain Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tarik balik perkataan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tarik balik.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Baik, terima kasih. Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya setuju dia ada akal oleh kerana keputusan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jangan menyentuh perkara itu, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Baik. Kita ada orang yang baru boleh bercakap "tidak" tidak ada fikiran untuk kata "kenapa tidak". Tetapi saya ada tiga perkataan yang menunggu Yang Berhormat tarik balik dahulu iaitu "gila, biadap dan kurang ajar". Saya tunggu keputusan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat! Yang Berhormat dari Marang, sila tarik balik perkataan itu semua, selesaikan masalah ini.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Setelah dia tarik balik, saya tarik baliklah—tidak ada masalah.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Baik.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat!

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Point of orderkah, Yang Berhormat?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tidak, saya minta kebenaran memberi sedikit penjelasan dalam perkara ini.

Merujuk kepada persoalan cadangan pindaan Akta yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong yang menuntut supaya ada penjelasan dari Timbalan Menteri, saya inginlah memberikan penjelasan di sini bahawa Menteri atau Timbalan Menteri setelah menilai sama ada perlu atau tidak penjelasan dibuat, itu terserah kepada perkara yang dibangkitkan. Sekiranya yang dibangkitkan itu tidak dikira penting

atau utama sudah jelas maka penjelasan tidak perlu. Maka satu andaian yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Tanjong bahawa semua perkara yang dibangkit oleh beliau itu wajib diberi penjelasan, saya agak-agak sedikit sombong! *(Tepuk)*

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Saya tidak sombong, tetapi ini hak kewajipan bukan kepada saya, kepada Dewan yang mulia ini, kepada rakyat jelata oleh kerana itu jawapan kepada rakyat, kepada negara bukan "sombong" dan saya tahu Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Tuan Hashim bin Safin: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun!

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Penjelasan atau.

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan!

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan habis perkara ini, penjelasan yang pertama dahulu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan orang kuat Yang Berhormat Menteri Pendidikan mahu naik menjadi orang besar di Pulau Pinang tetapi ini bukan cara untuk menolongnya. Ini salah, ini silap. Kalau dia salah, dia silap, patut beri nasihat yang baik mengikut teladan pimpinan yang baik.

Tuan Anwar bin Ibrahim: *(Bangun)*

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: *(Bangun)*

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order?

Tuan Anwar bin Ibrahim:
Penjelasan, kalau boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Okay.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Isu yang dibangkitkan itu mudah—OECD, mengapa dalam peruntukan undang-undang dibolehkan melabur di situ dan penjelasan saya kira munasabah. Ini satu pertimbangan yang dibuat berdasarkan keperluan untuk melabur. Pertimbangannya pertimbangan ekonomik. Ada perbincangan di antara kebijaksanaan apa-apa keputusan dan perkara ini dibuat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Tanjong sekiranya mana-mana Menteri atau Timbalan Menteri gagal memberikan penjelasan dalam perkara-perkara yang tidak difahami atau dia mengerti atau menuntut satu penjelasan diberikan.

Dalam keadaan ini satu perkara yang "obvious", dengan izin, satu perkara yang bagi saya sudah jelas. Sebab itulah saya katakan penjelasan itu tidak perlu dan tidak perlulah dibangkitkan dihebohkan satu isu yang kecil begini kerana memang ini sikap dan kebiasaan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Tanjong. Perkara kecil jadi besar. (Tepuk)

Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong, sila duduk sebentar. Yang Berhormat, tadi saya telah buat satu keputusan ataupun ruling bahawa saya kata apabila sesuatu pindaan ditimbulkan di dalam Dewan ini, mengikut peraturan-peraturan mesyuarat, tidak perlu Menteri menjawab—kalau dia tidak suka menjawab, dia tidak perlu menjawab.

Kalau peraturan-peraturan mesyuarat begitu tidak baiklah kita menyentuh perkara itu. Apakah sebab-sebab dia tidak menjawab terpulang kepada Menteri itu. Kita tidak boleh bahas perkara itu.

Saya harap Yang Berhormat boleh mematuhi kepada Peraturan Mesyuarat dan membuat ucapan dengan

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): dengan tidak menyentuh kepada perkara itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, memang saya menerima keputusan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat Menteri atau Timbalan Menteri kalau tidak mahu jawab, tidak boleh paksa dia jawab, tidak boleh buka mulut dia, tetapi kita ada hak untuk menegur tindakan seorang Menteri atau Timbalan Menteri dalam Dewan ini termasuk tidak mahu jawab.

Tuan Hashim bin Safin: (Bangun)

Tuan Lim Kit Siang: Itu hak kita.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya telah kata tadi, saya telah buat satu ruling.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Nanti Yang Berhormat, nanti sekejap. Saya telah buat satu ruling, jangan menyentuh perkara itu. Teruskan dengan ucapan.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum saya teruskan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan minta penjelasan. Saya beri jalan untuk dia membuat

penjelasan dan tentu saya ada hak untuk jelas atas penjelasannya. Kalau tidak, mana ada keadilan. Yang Berhormat Menteri Pendidikan championed keadilan, bukan? Dia kata tabiat saya ialah bahawa perkara yang kecil buat besar-besar. Nampaknya perkara yang besar dia mahu kecil-kecilkan. (*Ketawa*) Sebenarnya kalau dia mahu jawab, tadi patut jawab, sudah lepas tetapi kita beri chance, kita adil, sekarang bukan mengenai OECD, sekarang mengenai Bank Negara.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Pengerusi,

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis, nanti saya beri dia chance, saya beri jaminan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Point of order ataupun penjelasan?

Tuan Hashim bin Safin: Kita secara.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, penjelasankah atau point of order?

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, saya memberi jaminan akan beri dia chance.

Tuan Hashim bin Safin: Kalau dapat jawab sekali—minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Kita beri chance.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Bila kita beri jaminan, tentu beri jalan; bukan Barisan Nasional, beri jaminan, tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Dan inilah yang mustahak, saya harap bahawa kita—saya mengakui saya marah, saya marah dan saya ada hak oleh kerana kita mahu bahas, mahu bincang masalah demi kepentingan generasi-generasi akan datang, bukan datang sini dengar dan cakap tidak, tidak sahaja. Bincang (engage) dalam satu perbahasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak boleh hadkan ucapan kepada pindaan, saya terpaksa hentikan Yang Berhormat. Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau begitu lain kali jangan membenarkan Yang Berhormat Menteri Pendidikan berdiri.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, . . .

Tuan Lim Kit Siang: Ya, teruskan dan saya harap ini agar dapat ingatan. Cadangan saya, bahawa ada peruntukan Fasal kecil baru 4 ini ialah oleh kerana perlu ada satu jawatankuasa peringkat berparlimen untuk menjadi satu badan penyeliaan terhadap tanggungjawab Bank Negara yang akan ditugaskan dengan tanggungjawab mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang Amanah Nasional.

Tuan Pengerusi, Bank Negara tidak semacam dahulu di mana adalah satu image, dengan izin, teguh, atau "rock-like" bahawa keputusan atau judgementnya tidak silap, itulah baru-baru ini beberapa tahun ini sudah berubah, sudah jejas, oleh kerana khasnya dengan skandal BMF di mana kalau Bank Negara ada menjalankan tugas. Undang-undangnya untuk menjaga, untuk mengawal bank-bank skandal BMF tidak akan berlaku.

Sebenarnya Bank Negara adalah patut memikul sebahagian tanggungjawab atas skandal BMF

tetapi bukan sahaja skandal BMF, ada skandal-skandal bank-bank yang lain, UMBC, Perwira Habib Bank, UAB, Co-operative Central Bank dan pun kegagalan Bank Negara untuk ambil tindakan yang lebih awal untuk mengelak skandal Co-operative kewangan \$1.5 bilion oleh kerana Bank Negara ada masa-masa yang lebih awal diberi keterangan termasuk oleh saya mengenai betapa serius masalah ini tetapi tidak dan semua perkara ini akhirnya pendeposit-pendeposit 588,000 orang susah, semua perkara ini sudah merosakkan nama baik Bank Negara. Keteguhan imej dan sebab itu menunjukkan bahawa dalam Bank Negara pun ada kelemahan, ada ketidakcekapan, pun ada salah pengurusan dan sebabnya perlulah satu badan untuk menyelia tanggungjawab Bank Negara dalam mentadbirkan Kumpulan Wang Amanah Negara.

Satu contoh baru-baru ini berlaku ialah ambil-alih Supreme Finance untuk Bank Negara, dua minggu dahulu. Dua, tiga tahun dahulu, apabila ada, dengan izin, run, terhadap Supreme Finance banyak kali Bank Negara ada kata, ada jaminan bahawa semua kedudukan dalam Supreme Finance, teguh, tambah, kuat, sekarang dua, tiga tahun selepas itu mahu ambil-alih dan inilah akan tentu lagi satu tanggungjawab berat oleh Bank Negara dan itu pun bukan Bank Negara sahaja, rakyat Malaysia dan sebab itu oleh kerana insiden-insiden dan skandal-skandal yang saya ada sebutkan yang menunjukkan, dengan izin, Bank Negara pun ada "feet of clay".

Saya bercadanglah bahawa ada satu pindaan ini di mana semua kerja-kerja, tugas-tugas pentadbiran pengurusan pun di bawah penyelia sebuah Jawatankuasa Parlimen Kumpulan Wang Amanah Negara.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

5.10 ptg.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong pindaan tambahan fasal kecil baru (4) dalam Fasal 3 dalam Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara.

Tuan Pengerusi, pertambahan fasal kecil baru ini amat perlu, fasal dalam urusan kewangan dan "banking" negara kita ini, kita dapat tahu sudah beberapa skandal-skandal kewangan yang melibatkan bank-bank di bawah penyeliaan Bank Negara di dalam negara kita ini.

Tadi Ketua Pembangkang juga telah menyebutkan skandal-skandal koperasi-koperasi, skandal BMF, skandal UAB, skandal Bank Rakyat, skandal Bank Perwira Habib dan juga saya difahamkan akan datang skandal Oriental Bank Berhad. Dan bukan itu sahaja, di dalam pasaran saham dalam negara kita di Bursa Kuala Lumpur, saham-saham baru yang akan dikeluarkan selalunya, biasanya akan mengikut "recommandation" dari satu Jawatankuasa CIC (Jawatankuasa Penerbitan Modal) yang di bawah tanggungjawab Bank Negara juga.

Mengapa pada tahun 1985 kita dapati satu skandal raksasa sebagai Pan-El? Sebab Jawatankuasa CIC (Jawatankuasa Penerbitan Modal) di bawah tanggungjawab Bank Negara tidak bertanggungjawab. Dia meluluskan, mengeluarkan dengan banyak berjuta saham baru. Dia memberi hak kepada Pan-El, kepada Grand United Holdings, kepada Ever Peace Berhad, Supreme Berhad, semua syarikat-syarikat ini dipunyai oleh seorang tokoh MCA yang pada hari ini sedang menjadi seorang tetamu khas Kerajaan Singapura di Changi Prison (*Tepuk*). Inilah Bank Negara kita, inilah CIC kita dan saya

tidak yakin jika hak diberi kepada Bank Negara kita urus-mengurus harian Kumpulan Wang Amanah Negara kita ini yang akan melibatkan berjuta ringgit, beribu-ribu juta ringgit wang amanah rakyat dan saya sokong sepenuh-penuhnya—100% pindaan ini dimasukkan fasal kecil baru (4) dalam Fasal 3, sebab Bank Negara tidak boleh bertanggungjawab kepada satu Kerajaan Barisan Nasional sahaja.

Mengikut pengalaman beberapa tahun ini Kerajaan Barisan Nasional dan Bank Negara, kita akan yakin siapa? Yakin Barisan Nasional atau yakin Bank Negara? Tetapi ikut misalan-misalan yang tadi Ketua Pembangkang telah sebut dan saya pun ada tambah sedikit, saya ingat kedua-duanya tidak boleh diyakinkan lagi. Kita tidak boleh percaya. Saya hilang kepercayaan, keyakinan, dan saya boleh katakan juga "silent" majority" antara rakyat Malaysia hari ini pun tidak yakin. Jika ada, mengapa tiap-tiap hari kita tidak dapat catat rekod-rekod baru di pasaran saham kita. Mengapa berbeza dengan lain-lain negara yang berjiran dengan kita, berbeza dengan lain negara-negara sebagai satu negara yang membangun di mana kita dapat ekonomi mereka sudah baik, pulih dan juga pasaran saham mereka boleh dikatakan biasa catat rekod-rekod baru. Sebab itu, saya harap kita semua Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini sepatutnya sokonglah pindaan ini, berikan kuasa kepada Parlimen yang akan suruh Bank Negara tanggungjawab atas pengurusan harian Kumpulan Wang Amanah Negara ini. Saya sokong pindaan ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.16 ptg.

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya bangun

membangkang seratus peratus cadangan daripada Pembangkang. Kerana setahu saya, ruang ini sengaja digunakan untuk mempopularkan soal krisis keyakinan, soal itu dan soal ini dan hendak mengheret sama Ahli-ahli Dewan ini dengan pemikiran mereka yang cetek. Kita sedar bahawa segala urusan yang dibuat melalui Kerajaan diberi kepercayaan oleh rakyat, melalui mandat yang telah diberi oleh rakyat yang dikatakan tidak yakin, krisis tidak yakin hanyalah kelompok dan golongan daripada Pembangkang DAP sahaja. Tetapi kita telah membuktikan rakyat yakin dan rakyat telah memberi kepercayaan untuk Kerajaan mentadbirkan dan kita akan serahkan kepada rakyat untuk menentukan soal yakin atau tidak.

Dr Eng Seng Chai: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Petaling minta penjelasan.

Tuan Hashim bin Safin: Boleh, saya beri. Tidak macam awak selalu tidak bagi.

Dr Eng Seng Chai: Tadi you tidak minta. Sekarang saya minta, you bagi bukan?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat teruskan.

Dr Eng Seng Chai: Dia beri peluang. Terima kasih. Tadi dia kata bukan benar ada kehilangan kepercayaan dan keyakinan. Saya suka beritahu kepada dia, tahukah dia hari ini pasaran saham kita

Tuan Hashim bin Safin: Apa hendak beritahu. Minta penjelasan sahaja.

Dr Eng Seng Chai: Ya, saya hendak jelaskan apa yang you kata. Pasaran Saham kita pada tengah hari ini jatuh 45 points, bukankah itu satu krisis keyakinan?

Tuan Hashim bin Safin: Soal saham jatuh turun naik ini perkara biasa (*Ketawa*) dan mungkin kerana DAP yang selalu tunjuk perasaan, kacau. (*Tepuk*). Tuan Pengerusi, memang perkara ini merupakan mainan daripada kelompok-kelompok pemimpin yang suka menimbulkan dengan harapan supaya keadaan semakin kelam-kabut, tidak puas mereka mengemukakan perkara ini di dalam Parlimen, mereka membawa pula keluar-luar sehingga Parlimen itu sudah dibawa kepada public (orang awam). Saya rasa perkara ini tidak perlu kita layan pemikiran daripada pemimpin-pemimpin yang cetek dan suka menimbulkan perkara ini untuk kepentingan kelompok mereka sahaja. Saya rasa itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong.

5.18 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, nampaknya Yang Berhormat tadi itu kurang modal. Beliau memperbahaskan perkara yang tidak ada dalam perbahasan. Itulah Yang Berhormat itu kurang modal sekarang.

Tuan Hashim bin Safin: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ya, Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Safin: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat itu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Tuan Hashim bin Safin: Apa maksud kurang modal? Saya sudah bercakap, sudah menyentuh sebab itu saya mengatakan DAP sengaja mengungkit-ungkit perkara-perkara yang tidak perlu diungkit. Kita ada

kuasa dan kita akan teruskan. Ini main politik murah sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong teruskan ucapan, jangan bertengkar dengan sesiapa Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Teruskan!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat tadi mempunyai modal yang tidak kena-mengena dengan apa yang kita bentangkan di dalam Dewan yang mulia ini dengan Bank Negara Malaysia.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Kalau begitu, patutlah Yang Berhormat membangkitkan point of order. Kalau tidak, jangan bangkitkan sekarang.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong untuk membolehkan Bank Negara Malaysia bertanggungjawab kepada sebuah Jawatankuasa Parlimen mengenai Kumpulan Wang Amanah Negara, kerana setahu saya Bank Negara sekarang tidak mempunyai orang-orang yang cukup pakar untuk menguruskan KWAN ini. Itu satu faktor yang penting.

Tuan Pengerusi, semasa berlakunya krisis koperasi, Bank Negara terpaksa mempelawa syarikat-syarikat akauntan swasta untuk mengurus, untuk menyasat, untuk memastikan kelemahan-kelemahan yang terdapat di syarikat-syarikat koperasi yang mengalami kesusahan. Kalau tidak silap saya, lebih daripada 10 syarikat yang dibayarkan untuk menjalankan tugas itu dan setakat ini saya tidak nampak bagaimana Bank Negara dapat menguruskan

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Kalaupun Bank Negara memanggil

syarikat swasta untuk membuat kerja-kerja itu, ianya bukan sebahagian daripada urusankah ataupun apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Kepong?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ini satu bukti yang menunjukkan setakat ini Bank Negara tidak dapat menjalankan tugas dengan betul, dengan cekap tanpa mempelawa syarikat-syarikat swasta.

Beberapa Orang Ahli: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya mahu tahu bukti-buktinya, bila, siapa yang dipanggil, tempatnya? Jangan cakap "kalau saya tak silap" (*Ketawa*). Saya mahu tahu bila, tempatnya di mana dan buktikan siapakah yang dipanggil, sekarang! Jangan "saya mahu cakap", apa? (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Marang itu "pusing kepala" sekarang. Nampaknya hendak mengamok sudah!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya minta tarik perkataan "pusing kepala". Itu orang gila punya cakap. Saya minta dia tarik "pusing kepala", ertinya gila, saya tak gila!

Seorang Ahli DAP: Itu "pening", Yang Berhormat!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Bukan "gila", Yang Berhormat, "pusing kepala" sahaja.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Itu pun tak boleh, tarik balik!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sedikit, tak banyak, kita biarlah, tidak apa.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Sensitif itu! Itu bukan perkataan Parlimen. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tak apa, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Nasib baik Tuan Pengerusi ada, tak apa.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, kalau dia begitu peka, janganlah ungkit-ungkitkan perkara yang bukan-bukan. Jadi, kita serius dengan perbincangan Bank Negara Malaysia

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya sangat peka, sebab itulah saya bertanya bila, siapa dan kenapa? Saya bertanya siapakah orangnya, jangan cakap sahaja, jangan ikut perhitungan dan analisa sendirinya, mahu bukti, ini Dewan Parlimen, bukan Kepong! (*Ketawa*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat minta penjelasan?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya, dua-dua bertengkar mengenai "pusing kepala".

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat pusing kepala?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ini penjelasan Ahli dari Kepong. Apakah dalam definisi seorang doktor "pusing kepala", apa ertinya? (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tak payah, Yang Berhormat, kita semua faham, yang tidak faham ialah yang ada pusing kepala (*Ketawa*). Teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat itu dia pusing

daripada situ ke sini, itulah "pusing kepala".

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, teruskan. Kita buang masa.

Dr Tan Seng Giaw: Jadi, di sinilah saya hendak menekankan bahawa kita terpaksa mengadakan satu Jawatankuasa Parlimen untuk mengawasi apa sahaja yang akan berlaku pada masa hadapan di dalam hal pengurusan KWAN ini, kerana kalau tidak ada pengawasan sedemikian, saya khuatir salah pengurusan dan penyelewengan akan berlaku kelak. Sebab itu, saya menyokong usul yang dibentangkan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang.

5.25 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Pengerusi, usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang Parlimen sama sekali saya tidak setuju dan saya membangkangnya kerana usul yang berbunyi:

"Bank Negara Malaysia hendaklah bertanggungjawab kepada sebuah Jawatankuasa Parlimen mengenai Kumpulan Wang Amanah Negara yang ditubuhkan oleh Dewan Rakyat bagi maksud ini atas pentadbiran dan pengurusan harian Kumpulan Wang ini".

Bagi saya adalah berbentuk bertindan lapis, kerana dalam seksyen 3 (3) ada menyatakan dengan jelas bahawa "Bank Negara Malaysia hendaklah bertanggungjawab atas pentadbiran dan pengurusan hari ke hari hal ehwal Kumpulan Wang". Ertinya, Bank Negara sudah mempunyai tugas dan tanggungjawab bagi mengurus dan mentadbirnya. Apa yang saya nampak

dalam kertas samar ini yang dibentangkan oleh Ketua Pembangkang Parlimen adalah untuk mewujudkan sebuah Jawatankuasa Parlimen bagi membuktikan bahawa ada orang-orang tertentu apabila diwujudkan Jawatankuasa ini boleh memainkan peranan dan juga boleh mengkelam-kabutkan suasana seperti yang berlaku pada hari ini.

Bagi saya, pengwujudkan Jawatankuasa Parlimen ini tidak perlu kerana telah ada pada seksyen 13 dengan jelas menyatakan bahawa "Menteri hendaklah menyebabkan satu salinan akaun teraudit tahunan di bawah seksyen 11 dan laporan tahunan di bawah seksyen 12 yang diterima olehnya dan dibentangkan dalam setiap Majlis Parlimen". Ertinya, tidaklah perlu kita mewujudkan satu Jawatankuasa Parlimen apabila sudah dinyatakan bahawa akaun teraudit dan laporan tahunan hendaklah dibentangkan dalam Parlimen. Ertinya, semua orang Ahli-ahli Parlimen mempunyai hak dan wibawa untuk bercakap sekiranya ada apa-apa penyelewengan.

Saya nampak mewujudkan Jawatankuasa Parlimen bagi memberikan satu authority, dengan izin, kepada masalah kewangan ini tidak lebih untuk menimbulkan satu suasana ataupun untuk menanggung di air keruh ataupun sengaja mengadakan perkara yang tidak perlu ada, sepertimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Petaling Jaya dan Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong minta penjelasan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Berilah dahulu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat itu dapat membeza-bezakan di antara seksyen yang disebutkan tadi dengan usul yang dibangkitkan ini? Adakah dia tahu tanggungjawab Jawatankuasa Parlimen serta hanya membentangkan penyata kewangan di dalam Parlimen ini?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya tidak nampak kekurangan daripada Majlis Parlimen ini dan saya tidak nampak apakah kelebihan Jawatankuasa Parlimen ini selain daripada membangkitkan satu suasana yang melambatkan masa dan keadaan. Kalaulah diwujudkan Jawatankuasa Parlimen seperti apa yang kita ada pada hari ini, lebih kurang begitu, maka saya kira masa dan keadaan lebih banyak terbuang. Saya tidak nampak apa-apa kelebihan Jawatankuasa Parlimen hendak diwujudkan apabila sudah ada Majlis Parlimen. Saya minta Yang Berhormat dari Kepong beritahu sekarang, apakah kelebihan Jawatankuasa Parlimen jika dibandingkan dengan Majlis Parlimen, sekarang beritahu!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat jangan minta dia beritahu masa ini!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ya, saya pun tak minta masa ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Masa ini masa untuk Yang Berhormat berucap.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ya, saya pun tak minta masa ini (*Ketawa*). Jadi, untuk tidak melengahkan waktu serta keadaan yang amat penting dalam Parlimen ini, saya kira kita undi sahajalah, tak perlulah kita layan-layan. Walaupun kita telah beri

peluang, tetapi masa sudah tiada untuknya, tak perlu lagi, undi sahaja (*Ketawa*). Bukan kita kata "ya" ataupun "tidak". Ini bukan soal "ya" ataupun "tidak", ini soal-soal bercakap. Saya telah bercakap, rakan-rakan telah bercakap, Timbalan Menteri telah bercakap, saya telah membentangkan hukum dan logiknya, mentiknya. Bukan bercakap "ya" ataupun "tidak", undilah! (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, point of order. Adakah dia mahu suruh dan arah Tuan Pengerusi menjalankan tugasnya?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya tidak arah, dia tak faham lagi itu. Saya mencadangkan. Inilah Yang Berhormat dari Tanjong, sebab itu kelam-kabut, dia tak faham!

Seorang Ahli DAP: Memang pandai Yang Berhormat!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Memang pandai. Kalau tak pandai, takkan berucap.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang, teruskan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Jadi, oleh hal yang demikian, saya melihat dengan penuh rasional bahawa usul tambahan kepada Fasal 3 (3) yang terbentang ini untuk dipecahkan kepada Fasal baru 3 (4), saya kira sia-sia dan tidak perlu, kerana ini telah dicatatkan dengan jelas, tak tahulah kalau dia bercakap setakat Fasal 3 sahaja, tetapi saya bercakap bukan setakat Fasal 3, tetapi saya bercakap daripada Fasal 1 sehingga Fasal 15 dan Fasal 13 menjelaskan kepada kita bahawa ianya tidak perlu kerana Majlis Parlimen telah ada.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, point of order 36 (1), dia tidak boleh cakap sampai sana.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya boleh cakap kerana ini satu benda dalam satu tajuk, ada kaitan yang jelas.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta satu ruling.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, dari Tanjong, duduk! Yang Berhormat dari Marang, kita masih bahas Fasal 3, belum sampai lagi ke lain fasal.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, memang kita membahar Fasal 3, tetapi sebenarnya kita sedang membahar satu tajuk yang bernama Kumpulan Wang Amanah Negara yang meliputi semua fasal dan saya tidak lari kerana saya juga sedang membincangkan Fasal 3 ini sendiri.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak Yang Berhormat. Sekarang kita terhad kepada Fasal 3:

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ianya ada kaitan, ada contoh. Takkanlah kalau saya hendak bercakap tentang soalan Yang Berhormat, saya bercakap tentang kepala sahaja—tangan dia, kaki dia, heart dia juga, organ dia juga.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila hadkan ucapan kepada Fasal 3.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Jadi, berbalik kepada Fasal 3 tadi, saya telah menerangkan bahawa Jawatankuasa itu adalah satu Jawatankuasa yang tidak perlu, yang buat banyak kerja, yang Pembangkang cari peluang, yang banyak buat huru-hara, yang menimbulkan suasana tak baik dan membuang masa. Saya cadang undi, bukan saya arah.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudahkah Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Point of order di bawah 36 (6) "sangkaan jahat". Apa huru-hara, minta ruling dan tarik balik.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Apa pula sangkaan jahat. Tidak ada apa-apa sangkaan jahat. Saya timbulkan satu suasana, kalau bertengkar, kepala kena jaga sedikit, tidak ada masalah apa-apa.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Apa pula itu Yang Berhormat?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tidak tahu, saya pun tidak faham apa dia kata.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Apa itu jaga kepala?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Jaga kepala maksudnya cakap yang lebih baik. Yang tidak baik tidak payahlah kita bercakap.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, katakanlah begitu, lebih baik, lebih merdu.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Kepala maksud saya di sini tajuknya kena jaga.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sudahkah ucapan?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya belum habis lagi. Jadi, saya minta supaya masa pada petang yang berharga ini kita tidak buang begitu sahaja, Fasal saya lihat ini Yang Berhormat Ketua Pembangkang Parlimen banyak sangat, Fasal 1 hingga 11 hendak dibincang, nanti yang lain tidak dapat. Jadi, saya nampak satu lagi berkaitan ini semuanya sama. Kita lulus sekalilah. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang, kita ada satu prosedur.

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, dari Ipoh, duduk! Ahli Yang Berhormat dari Marang, kita sekarang membahaskan tentang pindaan pada Fasal 3 Rang Undang-undang ini. Sila hadkan ucapan pada isu itu.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya betulkan balik. Saya hadkan pada ucapan saya tadi dengan cadangan saya. Saya minta Dewan ini mengambil serius dan tidak lulus semua. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudahkah Yang Berhormat?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

5.33 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya berdiri untuk mendapat balik perhatian Dewan yang mulia yang serius kepada tujuan asal yang mana Ketua Pembangkang membangkitkan pindaan ini yang penting.

Pindaan ini minta dilakukan ke atas prinsip yang amat penting di dalam demokrasi berparlimen iaitu supaya mencari "checks and balances" yang diamalkan oleh Parlimen ke atas Cawangan Eksekutif. Oleh kerana itu, sekarang Dewan yang mulia ini diminta supaya Bank Negara bertanggungjawab kepada Parlimen dan bukan kepada pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ini suatu soal pokok di dalam sistem politik negara. Pindaan ini menjadikan suatu alat penting untuk Parlimen memainkan peranan penting supaya Cawangan Eksekutif tidak diberi kuasa

ataupun jurisprudence, bidang kuasa yang terlalu luas.

Soal pokok dalam Akta ini di dalam perbahasan yang sudah berlangsung beberapa hari yang lepas, soal pokok ialah adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan diberi too much power, dengan izin. Oleh kerana itu, supaya memberi Parlimen lebih kawalan ke atas kemungkinan penyalahgunaan kuasa oleh pihak Cawangan Eksekutif, pindaan ini dikemukakan.

Saya berpendapat bahawa Yang Berhormat dari Marang telah menjadikan Dewan ini sebagai satu laughing stock, kerana dia tidak dapat membuat, melakukan perbezaan.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat yang sedang bercakap itu tarik balik perkataan itu. Saya bukan hendak jadi Majlis Parlimen ini sebagai.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Marang bangun atas apa?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak minta penjelasan, apa yang dikatakan laughing stock.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tidak bertanggungjawab.

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak bagi. Inilah sikap Yang Berhormat dari Marang dan beberapa Ahli Yang Berhormat dari UMNO. Kita mesti membincangkan perkara ini dengan serius. Ini pindaan kepada Akta asal

yang dikemukakan oleh Kerajaan adalah amalan biasa.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Marang bangun pula. Hendak beri jalan?

Tuan Sim Kwang Yang: Dia mahu apa?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya minta penjelasan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak beri.

Tuan Pengerusi: Tidak beri jalan. Sila duduk.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tidak boleh beri jalan, tak usah sebut nama kita.

Tuan Pengerusi: Sila duduk. Dia kata tidak beri jalan, sila duduk. Sila ikut Peraturan Mesyuarat.

Tuan Sim Kwang Yang: Ini soalan pokok yang harus kita memberi perhatian, adakah jadi perlu supaya Parlimen mengadakan lagi "checks and balances" ke atas pihak Eksekutif. Ini soal pokok, bukan kepala pusinglah, malah itu semua irrelevant. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri hendak jawab?

5.36 ptg.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, semasa saya membentangkan cadangan Rang Undang-undang ini, telah saya terangkan bahawa sudah ada "checks and balances" yang terdapat dalam Akta ini pada keseluruhannya. Oleh kerana itu, maka cadangan untuk menambah Seksyen 3 (4), tidaklah perlu kerana kita dapati bahawa sudah ada sesuatu presumption ataupun satu kaitan dengan keseluruhannya Akta ini walaupun kita kaitkan cadangan

dengan Seksyen 3 (4), dikaitkan bahawa akhir-akhirnya Parlimen inilah akan bertanggungjawab. Kalau sekiranya tambah Seksyen 3 (4) bermakna kita berulang-alik bawa kes ini ke Parlimen dan akan mengurangkan kelicinan perjalanan pentadbiran pengurusan hari ke hari berkaitan dengan hal ehwal Kumpulan Wang ini yang memerlukan kadang-kadang keputusan yang amat singkat masanya. Oleh kerana itu maka bahaya juga kalau kita mengatakan bahawa kita tidak mempunyai keyakinan terhadap Bank Negara.

Saya berpendapat bahawa jika sekiranya kita mempunyai pendapat yang serupa bermakna setakat ini pihak-pihak yang membangkitkan hal ini tidak mempunyai bukti-bukti yang tertentu mengatakan ada penyelewengan dalam Bank Negara. Setakat ini pada pendapat kita bahawa Bank Negara adalah satu bank yang teguh yang dijalankan dengan baik dengan ahli-ahli expert, dengan izin, yang terdapat dalam bank itu. Setakat ini mengikut maklumat yang kita ada, tidak sedikit pun ada menunjukkan bahawa ada penyelewengan di Bank Negara. Hanya anggapan yang dibuat oleh pihak-pihak yang membangkitkan hal ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa pindaan ini jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujukan.

Fasal 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 4—

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya bangun menurut Peraturan Mesyuarat 57 (2) untuk

mencadangkan satu pindaan kecil kepada Fasal 4 (2) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara untuk menggantikan perkataan "Menteri" yang terdapat dalam baris 2, dengan perkataan "Parlimen".

Adalah perlu perlantikan Pemegang-pemegang Amanah Panel Kumpulan Wang Amanah Negara diluluskan oleh Parlimen dan bukan oleh Menteri Kewangan atas dua sebab:

- (a) untuk memenuhi peranan Perlembagaan Parlimen dalam mengawal akaun-akaun kewangan dan sebagai pengawas, atau dengan izin, "watchdog" ke atas perbelanjaan negara dengan menilai credential bakal Pemegang-pemegang Amanah dan sekiranya perlantikan-perlantikan ini tidak tertakluk kepada pemeriksaan awam maka bagaimanakah rakyat Malaysia boleh mengharapkan Pemegang-pemegang Amanah ini menjalankan tugas-tugas mereka demi kepentingan dan faedah rakyat Malaysia kini dan masa akan datang;
- (b) untuk memastikan bahawa jawatan Pemegang Amanah yang penting itu tidak digunakan untuk memberi "political patronage", dengan izin, untuk menggalakkan kepentingan peribadi atau tertentu yang tidak menguntungkan negara.

Saya pasti, Tuan Pengerusi, setiap Ahli akan bersetuju dengan saya apabila saya menyatakan bahawa Parlimen dengan seramai 177 Ahli akan lebih bijaksana dalam perbincangan mengenai perlantikan ini berbanding dengan keputusan yang dibuat oleh satu orang walaupun beliau adalah seorang Menteri Kewangan.

Perkara ini bertambah penting apabila kita mengambilkira bahawa seramai 5 orang Pemegang Amanah akan dilantik oleh Panel Kumpulan Wang Amanah Negara dengan sumbangan sebanyak \$100 juta daripada PETRONAS yang dengan mudahnya akan sampai ke tahap lebih \$1 billion dalam masa 10 tahun nanti. Ini adalah satu jumlah wang yang besar dan untuk memberi kuasa kepada hanya seorang sahaja untuk memutuskan siapakah yang akan menjadi Pemegang Amanah Panel tersebut, adalah tidak bertanggungjawab dan "highly irregular", dengan izin, jika tidak menghina Dewan yang mulia ini. Bagaimanakah kita dapat memastikan bahawa Pemegang-pemegang Amanah yang dilantik itu adalah benar-benar jujur, cekap, berdedikasi dan bertanggungjawab? Tidak ada apa-apa yang boleh menghalang seorang Menteri Kewangan daripada melayan perlantikan-perlantikan seumpama itu sebagai satu perlantikan yang boleh disifatkan sebagai "political patronage". Soalan ini adalah amat penting memandangkan telah berlaku penyalahgunaan wang awam pada masa-masa lampau.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, di dalam Jawatankuasa tidak dibenarkan berucap di atas dasar.

Tuan Lim Guan Eng: Saya beri contoh sahaja.

Tuan Pengerusi: Contoh pun tidak boleh jikalau sekiranya bersangkutan dengan dasar, di atas butir-butirnya sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Seperti contoh yang saya sebutkan tadi, MAKUWASA, MAMINCO, skandal-skandal ini yang sudah berlaku.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu dasar.

Tuan Lim Guan Eng: Lanjutannya mungkin akan timbul keadaan bercanggah kepentingan yang akan melibatkan Menteri Kewangan kerana beliau mempunyai kepentingan perniagaan yang luas berkaitan dengan pelaburan-pelaburan yang ada, yang berhubung-kait dengan Kumpulan Wang ini. Sebagai contoh, setakat ini Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang masih belum lagi menerangkan mengapa beliau sendiri meluluskan pembelian 41% saham UMBC.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu tidak bersangkutan dengan pindaan di hadapan kita ini. Pindaan kita ini hendak tukar "Menteri" kepada "Parlimen".

Tuan Lim Guan Eng: Ya, kerana saya hendak memberitahu Dewan ini bahawa kalau seorang Menteri Kewangan membuat satu keputusan, ini mungkin berlaku conflict of interest.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu dasar, yang itu patut diucapkan pada bacaan kali yang kedua. Sekarang ini kita pergi kepada butir-butirnya.

Tuan Lim Guan Eng: Itu satu butir.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tidak boleh bertengkar dengan saya, saya telah memberi keputusan. *(Tepuk)*

Tuan Lim Guan Eng: Saya menerima keputusan Tuan Pengerusi, saya bukan hendak bertengkar—yang saya hendak menitikberatkan ialah mengenai butir-butir bagaimana kalau kita tidak memindahkan kuasa ke Parlimen, satu "conflict of interest" mungkin berlaku. Yang Berhormat Menteri Kewangan mungkin menggunakan kuasa untuk kepentingan dia sendiri seperti yang telah berlaku sekarang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh bercakap mengenai perkara itu dalam masa bacaan kali yang kedua, berkenaan dengan dasar.

Tuan Lim Guan Eng: Itu butir-butir yang saya berikan. Maka dengan ini orang ramai tidak yakin langsung bahawa seorang Menteri Kewangan akan menjalankan kuasa-kuasanya dengan memperhitungkan kepentingan negara.

Maka dengan itu, saya menggesa agar Parlimen mengambil balik kuasa ini daripada Menteri berkenaan untuk menentukan bahawa Kumpulan Wang ini dilabur dan diuruskan dengan bijak dan jujur. Saya menggesa semua Ahli Parlimen Barisan Nasional supaya mengikut conscience dan sebagainya—itu adalah dasar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, yang itu dasar, menyeru orang mengikut conscience dan sebagainya—itu adalah dasar.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau Tuan Pengerusi mengatakan bahawa conscience itu dasar, saya terimalah itu dasar. Saya harap Ahli-ahli dari Barisan Nasional pun mengambil berat pandangan Tuan Pengerusi.

Bahawa kuasa-kuasa yang luas seumpama ini kalau diberikan kepada seseorang adalah sangat bahaya dan pindaan ini adalah sangat perlu agar kita dapat mempertahankan, mengekalkan dan menjaga khazanah Perbendaharaan serta sumber-sumber kita yang kian pupus ini. Hanya Parlimen sahajalah yang boleh menjamin bahawa Kumpulan ini tidak disalahgunakan. Hanya Parlimen sahajalah yang boleh menjamin bahawa sumber-sumber kita ini tidak akan dibazirkan dengan sewenang-wenangnya oleh satu orang sahaja dan saya harap Parlimen boleh mengambilalih kuasa ini supaya Kumpulan Wang Amanah Negara benar-benar menjaga masa hadapan

negara dan bukan digelar pada masa kelak sebagai satu "Kumpulan Penipuan Negara". Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap, saya tidak kemukakan lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan yang berbunyi bahawa perkataan "Menteri" yang terdapat dalam baris 2 Fasal 4 (2) digantikan dengan perkataan "Parlimen" sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Sungai Petani.

5.47 ptg.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Pengerusi, saya tidak setuju dengan cadangan untuk mengubah daripada perkataan "Menteri" dalam Fasal 4 (2) kepada perkataan "Parlimen" kerana sama sahaja, Menteri lantik atau Parlimen lantik, kerana kesalahan, kerana tidak ada amanah atau berlakunya skandal sepertimana yang disebut-sebut itu bukanlah berpunca daripada perlantikan daripada Menteri atau daripada mana-mana orang. Sebenar-benarnya skandal itu adalah berlaku disebabkan oleh manusia-manusia yang tidak beriman, orang yang tidak taqwa kepada Allah, yang tidak mengetahui nilai-nilai hidup dan tidak mengetahui tentang nilai-nilai budi.

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia minta penjelasan, hendak beri atau tidak?

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Sila.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak tahu dari Yang Berhormat dari Sungai Petani, orang-orang yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu dilantik oleh siapa?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tidak dengar, yang dicakapkan

walaupun dilantik oleh Parlimen ataupun oleh Menteri jika orang itu tidak beramanah, tidak kira siapa lantik. Itulah yang diucapkannya tadi. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi sama ada orang itu dilantik oleh Parlimen atau dilantik oleh Menteri adalah sama. Walaupun kita di Parlimen memandangkan seseorang itu mempunyai ketokohan yang cukup, mempunyai amanah, mempunyai itu dan ini tetapi dalam masa ia menjalankan kerja selepas kita menyerahkan tugas-tugas kepadanya, mana kita tahu perkara yang seumpama itu berlaku juga. Kita manusia ini kalau kita tahu di masa hadapan akan berlaku, maka tentulah mudah bagi kita menyekatnya tetapi kita tidak tahu apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Jadi berjaga-jaga itu adalah baik tetapi tidaklah munasabah kita mengalihkan tugas daripada orang yang berwajib, orang yang patut menjaganya kepada satu badan yang lain.

Kita mengetahui bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah seorang yang bertanggungjawab secara jauh, secara dekat, secara terus dan tidak terus mengenai kewangan. Malah semua sekali Jawatankuasa-jawatankuasa mengenai kewangan sehingga kepada Bank Negara juga adalah terletak di bawah bidang kuasa Menteri. Maka tidaklah wajar bagi bidang kuasa yang terletak di bawah Menteri itu diletakkan di tempat yang lain seolah-olah kita meletakkan satu perkara yang tidak kena pada tempatnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong.

5.51 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, perkara perlantikan pemegang-pemegang amanah memang

menimbulkan kecurigaan. Saya tidak bersetuju dengan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Sungai Petani kerana kalau pemegang-pemegang amanah ini dilantik oleh Parlimen, Parlimen boleh, kalau beliau melakukan apa-apa kesalahan, mengambil tindakan dengan tidak menimbulkan kesangsian dan kecurigaan daripada rakyat.

Tuan Pengerusi, sekiranya Pengerusi dalam penal ini juga terdiri daripada pegawai Kerajaan, ini bermakna sekurang-kurangnya tiga daripada lima orang anggota penal adalah dari pihak Kerajaan. Dua orang anggota yang lain andainya dari sektor swasta yang dikatakan berpengalaman dalam perniagaan atau kewangan. Adalah lebih baik sekiranya salah seorang dari anggota penal adalah seorang yang mempunyai kelulusan dalam bidang akauntan atau syarikat akauntan dan audit dilantik sebagai Perunding Pengurusan. Peranan sebagai Perunding Pengurusan ini mungkin sesuatu yang baru di Malaysia akan tetapi di negara yang lain seperti Britain kira-kira 40% daripada firma audit dan perakaunan diupah untuk menyandang jawatan tersebut.

Tuan Pengerusi, orang yang sama juga boleh ditugas untuk menjalankan pengauditan dalam memandangkan betapa pentingnya tanggungjawab orang tersebut. Ia amat penting. Ahli yang dipilih sekurang-kurangnya anggota ini jika bukan semua, adalah bebas daripada pengaruh Kerajaan tetapi bertanggungjawab kepada Parlimen. Kerana dengan pengaruh daripada Kerajaan ini, seperti juga dengan penyokong-penyokong Kerajaan, apa yang disebutkan oleh Perdana Menteri, dia terpaksa sokong. Kalau tidak sokong, tidak boleh, kerana ada whip di belakang. Itu masalahnya. Kalau orang yang bebas, ahli penal yang bebas, dia boleh fikir dan bertindak secara bebas

tanpa pengaruh daripada orang lain, tanpa tekanan dan desakan daripada orang lain.

Seperti Yang Berhormat dari Sungai Petani, kalau pihak Menteri atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengarah dia bangkang, memang dia bangkang, dia tidak boleh alihkan ke corak yang lain, langkah yang lain.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun. Hendak beri jalan?

Dr Tan Seng Giaw: Boleh.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Adakah Yang Berhormat dari Kepong sedar bahawa orang-orang yang dibanggakan oleh DAP seperti Tan Sri Ahmad Noordin juga dilantik oleh Menteri Kewangan dan Perdana Menteri dan ianya seorang yang baik.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta jangan bertengkar di antara satu dengan yang lain. Sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya hanya bercakap ke atas ahli penal dan kualiti ahli penal.

Yang Berhormat dari Sungai Petani seolah-olah dia hendak jamin semua perlantikan itu akan menjadi sempurna. Tadi dia kata dia bukan boleh duga atau sangka masa hadapan perbuatan orang-orang, sama ada dilantik oleh Parlimen atau Perdana Menteri. Dia tidak boleh jamin. Sekarang dia hendak jamin pula. Itulah sikap yang tidak begitu betul.

Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun pula.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Apa yang tidak betulnya itu?

Dr Tan Seng Giaw: Tidak betulnya ialah, tadi Yang Berhormat

mengatakan bahawa sama ada orang itu dilantik daripada Menteri atau daripada Parlimen, sama sahaja. Kalau dia hendak lakukan penyelewengan, dia lakukan juga. Sekarang dia hendak beri jaminan pula bahawa semua perlantikan dari Kerajaan itu betul, amanah dan sebagainya. Itulah.

Tuan Pengerusi: Saya minta teruskan, jangan buang masa. Sudah cukup yang itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa sekiranya ahli-ahli penal ini adalah bebas dari pengaruh Kerajaan, akan tetapi bertanggungjawab kepada Parlimen, mereka boleh menjalankan tugas dengan lebih berkesan, malah seluruh penal Kumpulan Wang Amanah Negara sepatutnya bertanggungjawab kepada Parlimen. Oleh itu saya menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Marang.

5.57 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya tertarik hati kepada cadangan Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka ini. Tetapi saya sama sekali tidak bersetuju. Kalau kita lihat cadangan ini, adalah berbunyi, perkataan "Menteri" hendaklah ditukarkan kepada perkataan "Parlimen".

Cuba kita baca betul-betul ayat ini, "4 (2)—Pemegang-pemegang amanah hendaklah dilantik oleh Parlimen"—kalau tukarkanlah—"dan hendaklah terdiri daripada (a), (b), (c) dan (d)". Kalaulah kita ambil atau terima perkataan "Parlimen" itu, maka tergambarlah kepada kita bahawa skopnya amat luas. Dia bukan merujuk kepada Jawatankuasa Pilihankah atau Jawatankuasa Khaskah. Ertinya apabila diterima

perkataan "Parlimen" itu, seluruh Ahli-ahli Parlimen ini, kalau 170 orang, 170 oranglah bertanggungjawab. Jadi satu skop yang begitu luas, yang begitu merata sifatnya yang terdiri daripada orang-orang Kerajaan dan Pembangkang, sudah barang tentulah menimbulkan satu suasana yang lagi kelam-kabut kerana tidak ada pengkhususan. Cadangan-cadangan yang sedemikian rupa merupakan cadangan yang tidak jelas. Cadangan-cadangan yang tidak jelas ini tidak seharusnya kita terima.

Saya bukan tidak bersetuju kepada pindaan, bukan kita fanatik kepada sebarang cadangan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan, tetapi kita mahu mengingatkan bahawa cadangan-cadangan yang tidak jelas, yang tidak khusus menggambarkan fikiran yang kelam-kabut dan juga tidak khusus. Kalaulah dikatakan berlakulah penyelewengan ini, takkanlah semua Ahli-ahli Parlimen ini kita hendak cekup, termasuk Ketua Pembangkang, saudara Yang Berhormat dari Tanjong ataupun saudara Yang Berhormat dari Kota Melaka sendiri. Bila berlaku penyelewengan, bila berlaku kesalahan, sudah barang tentu ada rujukan yang hendak kita rujuk. Kalau kita letakkan perkataan "Menteri Kewangan", kalau berlaku penyelewengan, Menteri Kewangan itulah yang hendak kita cekup. Kalau pada semua Ahli Parlimen, semua hendak dicekup. Adakah logik perkara yang semacam ini? Yang tidak logik inilah yang mesti kita ambilkira bila kita hendak berbahas, bila kita hendak berhujah, bila kita hendak mencadangkan sesuatu usul. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya kira, kalau kita buka perkataan "Parlimen" ini ertinya kita tidak mengiktiraf kepada perkataan asal "Kumpulan Wang Amanah Negara". Bila kita sebut negara, yang mentadbir negara, yang mengkhususkan kenegaraan ini dan

sebagainya yang juga merujuk kepada soal-soal kewangan ini mestilah Kabinet. Apakah apabila kita merujuk kepada perkataan "Parlimen" orang-orang yang tidak menjadi Menteri Kabinet seperti para Pembangkang sendiri hendak diambilkira dalam konteks dan peradaban negara. Saya kira tidak lojik soal ini.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun, hendak apa?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Sila, sila!

Tuan Lim Guan Eng: Adakah Yang Berhormat dari Marang sedar bahawa Parlimen adalah lebih tinggi kuasanya dari eksekutif atau seorang Menteri dan saya ingat tanggapan beliau seolah-olah menghina kemuliaan Parlimen dan saya masih ingat bahawa Yang Berhormat dari Marang sendiri melahirkan perasaan yang boleh dikatakan syak-wasangka bahawa kuasa yang diberikan kepada seseorang—masa itu dia bersetuju. Baru dua hari, tetapi sekarang membantah. Saya ingat sangat tidak consistent.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya jauh sekali untuk menghina Parlimen. Itu sangkaan jahat, tetapi tak payahlah hendak suruh paksa-paksa dia tarik balik. Dahulu saya tidak kata dirujuk kepada Parlimen. Baca balik teks saya. Saya kata merujuk—kalau boleh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Itu rujukan saya. Tetapi sekarang kita bercakap bukan soal merujuk kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Menteri lain, tetapi kita merujuk kepada soal Parlimen yang mana apabila dirujuk kepada soal Parlimen kita menyeret seluruh orang, Pembangkangkah, yang tak erti

berbahaskah, yang tak fahamkah, termasuk semuanya ini. Kalaulah ini sudah berlaku menyebabkan ia menyentak satu suasana yang kelam-kabut. Faham? Kalau tidak faham tanya lagi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, jangan kata begitu, nanti menaikkan perbalahan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya minta maaf, sebab saya tetilajak sedikit.

Tuan Pengerusi: Nanti menaikkan perbalahan. Jadi perbalahan itu tak dikehendaki.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ya. Jadi, saya merujuk kembali kepada perkataan "Menteri". Kalau tak dipinda saya rasa elok. Kalau hendak dipinda pun bukan merujuk kepada perkataan Parlimen, tetapi perkataan-perkataan yang lain. Tetapi kerana pindaan itu hanya diminta oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai dengan Parlimen sahaja, maka saya tidak dapat menyetujuinya. Tetapi kalau mungkin dirujuk kepada perkataan yang lain kita boleh menimbangkannya semula, tetapi kasihanlah kerana tidak merujuk kepada perkataan yang kita cadangkan dahulu. Jadi, saya kira Fasal 4 (2) ini adalah cukup kemas dan cukup kuat.

Memanglah kadang-kala bila berbincang soal kewangan yang besar-besar ini kadang-kadang kita menaruh pelbagai andaian, penyelewenganlah, korupsi dan sebagainya. Itu hanya merupakan andaian-andaian, tidak mestinya apa yang telah berlaku itu akan mesti berlaku. Andaian-andaian itu bukan semuanya tepat. Kalau andaian itu tidak boleh kita katakan sebagai sesuatu yang tepat adalah salah untuk kita mengatakan ia tetap berlaku. Kalau kita katakan salah, ianya tidak akan mungkin berlaku, tidak perlu kita tukarkan kepada satu

cadangan yang kita katakan rasional dan bertanggungjawab, ada auditnya, ada akauntannya, ada majlisnya, ada Parlimennya. Jadi, saya kira sudah cukup kuat dan kita minta bahawa cadangan asal ini diterima dan cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu ditolak. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ipoh, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.03 ptg.

Tuan P. Patto (Ipoh): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong pindaan yang dibawa oleh rakan saya dari Kota Melaka.

Tuan Pengerusi, tujuan menggantikan perkataan "Menteri" dalam baris 2, Seksyen 4 (2) adalah dibuat dengan tujuan murni.

Kita sudah pun melihat dalam Dewan betapa sibuknya Menteri Kewangan sehingga ia tidak dapat menghadiri mesyuarat dan juga kita dapat tahu dan menangkap di sana-sini pergolakan politik di dalam parti yang beliau menyertainya dan juga kita dapat tahu latarbelakang Menteri Kewangan yang pernah dikenali sebagai corporate King, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat itu tak bersangkutan dengan pindaan ini.

Tuan P. Patto: Ya, saya sampaikan mengapa perlu saya sokong pindaan itu. Mukaddimah.

Tuan Pengerusi: Yalah, tetapi kita tak boleh mengatakan iaitu pindaan ini untuk mana-mana satu Menteri Kewangan—barangkali Menteri Kewangan esok ditukar. Mana boleh kita membahaskan sesuatu Rang Undang-undang begitu. (*Tepuk*)

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bersetuju mungkin

esok Menteri ini pun boleh ditukar. Saya bersetuju, tetapi apabila diwartakan, sekiranya ada Menteri yang berada sekarang itu, inilah keadaan, itu mukaddimah. Saya setuju dengan perkataan "Parlimen" ini kerana Parlimen adalah Dewan yang mulia dan untuk menegakkan kemuliaan Dewan supaya Parlimen dapat mengetahui dan Parlimen dengan sendirinya melantik 5 orang ahli panel ini. Di sini saya minta satu penjelasan daripada Tuan Pengerusi, bolehkah saya bahas sekali gus fasal itu, pindaan bersama dengan lain-lain?

Tuan Pengerusi: Pindaan sahaja.

Tuan P. Patto: Pindaan sahaja?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan P. Patto: Kemudian boleh bahas lain-lain dalam fasal itu, bukan?

Tuan Pengerusi: Pindaan yang di hadapan kita sahaja.

Tuan P. Patto: 4 (2) sahaja?

Tuan Pengerusi: 4 (2) sahaja, ya.

Tuan P. Patto: Okay, terima kasih.

Oleh kerana 5 orang ahli panel ini merupakan 5 orang ahli yang dipertanggungjawabkan untuk mengendali, mengurus wang yang begitu banyak untuk dilabur dan lain-lain tugas dan tanggungjawab yang ada dalam Rang Undang-undang ini, maka meletakkan tanggungjawab untuk melantik 5 orang ini, iaitu 2 daripada kelima orang ini salah seorang ialah daripada Menteri Kewangan, seorang pegawai kakitangan Kerajaan dan seorang lagi kakitangan Kerajaan daripada Jabatan Perdana Menteri dan 3 orang lagi adalah tidak disebut sebagai kakitangan Kerajaan. Maka itu bererti di antara 5 orang, 3 orang itu adalah bukan—mungkin akan menjadi bukan kakitangan Kerajaan. Apa yang kita rasa adalah ketiga-tiga orang ini yang

penting oleh kerana sebarang keputusan dibuat oleh panel mungkin boleh jadi 3—2. 2 orang kakitangan Kerajaan itu mungkin akan bertungkus-lumus untuk menjaga kedudukan negara, kedudukan generasi akan datang, walhal 3 orang lagi itu yang dilantik oleh Menteri mungkin bukan orang yang sependapat dengan 2 orang ini. Oleh kerana 2 orang kakitangan Kerajaan ini, saya percaya orang yang tidak mempunyai sebarang interest, kepentingan dalam perkara ini melainkan menjaga dan menguruskan dengan ikhlas dan jujur dan ketiga orang lain ini Pengerusi dan 2 orang lain yang mempunyai pengalaman dalam perniagaan atau kewangan inilah yang mempunyai syak-wasangka kita. Itulah sebabnya kalaulah perlantikan ini dibuat oleh Parlimen sendiri maka itu berertilah pihak Kerajaan sendiri akan kemukakan nama 5 orang itu dalam Parlimen dan Parlimen kemudian akan bersetuju atau menolak atau meminda dan ada satu peluang untuk Parlimen bincang dan melantik 5 orang yang difikirkan oleh Parlimen itu sendiri sebagai 5 orang yang terbaik sekali untuk menduduki dalam panel yang akan mengendalikan wang yang sebegitu banyak.

Tadi Tuan Pengerusi kata tak boleh bahas yang lain?

Tuan Pengerusi: Yang lain, nanti sampai masa dia bahas.

Tuan P. Patto: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.08 ptg.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, saya rasa tak perlu saya bercakap panjang mengenai perkara ini, saya telah pun huraikan semasa saya menggulung tadi, tetapi memadamkan saya mengatakan bahawa

jika kita mengubah perkataan “Menteri” kepada “Parlimen”, bermakna Parlimen ini terdiri sebenarnya kalau ikut definisi ialah Dewan Rakyat, Dewan Negara dengan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

Kalau sekiranya kita memberi kuasa kepada Parlimen untuk melantik 5 orang yang telah pun dicadangkan dalam Seksyen 4 digantikan perkataan “Menteri” dengan perkataan “Parlimen”, saya berpendapat bahawa perkataan Menteri seperti yang Pengerusi kata tadi ialah bukan Menteri sebagai individu, tetapi Menteri sebagai institusi. Oleh kerana itu memadamkan saya katakan di sini bahawa mengikut Akta-akta yang lepas, yang mengikut cara kita menjalankan tabung amanah, semua boleh dikatakan—semua tabung-tabung ini kuasa untuk melantik diserahkan kepada Menteri. Maka adalah wajar untuk kita teruskan garis yang sedemikian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

6.10 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk mencadangkan supaya satu fasal kecil baru 4 (2) (e) dimasukkan ke dalam Fasal 4 (2) bagi membolehkan Ketua Pembangkang atau wakilnya dilantik sebagai seorang ahli Panel Kumpulan Wang Amanah Negara, dan izinkan saya menerangkan apakah sebab saya hendak mengemukakan pindaan ini.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa kemasukan Ketua Pembangkang atau wakilnya adalah perlu bagi memberikan checks and balances, dengan izin, dalam bahasa Inggeris, menurut prinsip sistem demokrasi berparlimen, menurut prinsip financial accountability, dengan izin, dalam bahasa Inggeris, bagi Penal tersebut untuk

mempastikan bahawa tugas-tugas Penal ini dapat dijalankan dalam cara yang bertanggungjawab dan berakaunan.

Tuan Pengerusi, saya juga berpendapat bahawa pemegang-pemegang amanah yang dilantik menjadi ahli Penal Kumpulan Wang Amanah Negara ini mestilah orang-orang yang jujur yang benar-benar berkebolehan dan mempunyai integriti yang tinggi. Ini kerana KWAN mestilah dikendalikan dalam satu cara yang mana rakyat dan negara bersedia meletakkan kepercayaan dan keyakinan mereka dan tidak akan menimbulkan apa-apa kesangsian, keraguan atau kurang amanah. Dengan ini maka saya berpendapat memandangkan kepada komposisi yang telah diperuntukkan di dalam Fasal 4 (2) ini iaitu yang mengandungi (a) sampai (d), saya kurang puas hati bahawa komposisi yang telah diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini boleh meyakinkan orang ramai tentang tugas dan tanggungjawab Penal ini bahawa Penal ini benar-benar dapat menjalankan tugas dengan cara yang berkesan dan betul dan memandangkan kepada berbagai-bagai penyelewengan yang pernah berlaku pada masa yang lalu, misalnya berkenaan dengan pengurusan ahli-ahli Penal pelaburan untuk KWSP, maka saya berpendapat bahawa adalah sangat perlu apabila kita hendak meluluskan Fasal 4 (2), kita hendak tambah satu jawatan lagi iaitu 4 (2) (e), dimasukkan Ketua Pembangkang ataupun wakilnya.

Saya ingin menitikberatkan di sini bahawa adalah sangat perlu ada Ketua Pembangkang dimasukkan di dalam Fasal 4 (2) ini oleh kerana Dewan yang mulia ini mengandungi Ahli-ahli Parlimen daripada parti Kerajaan dan juga parti Pembangkang dan memandangkan bahawa di dalam pilihanraya yang lalu parti

Pembangkang telah dapat 24 buah kerusi dan itu juga boleh dikatakan mewakili 45% jumlah pengundi di dalam negara kita. Itu termasuk juga Parti PAS, maka saya berpendapat bahawa ini adalah sangat mustahak supaya kepentingan rakyat dapat dibuktikan dengan kemasukan Ketua Pembangkang di dalam Fasal 4 (2) (e) dan berdasarkan sebab ini, saya suka mencadangkan pindaan.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah Fasal 4 (2) dipinda dengan memasukkan Fasal kecil baru 4 (2) (e) yang berbunyi seperti berikut: "Fasal 4 (2) (e). Ketua Pembangkang atau wakilnya", terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat dari Pasir Mas.

6.15 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, saya suka hendak mengambil kesempatan ini bagi tujuan menolak cadangan Yang Berhormat dari Bukit Bintang di atas cadangannya untuk memasukkan Fasal kecil iaitu 4 (2) (e), Ketua Pembangkang ataupun wakilnya di dalam Akta yang kita bahaskan ini.

Sebelum saya memberi hujjah-hujjah, sebab-sebab kenapa saya tidak bersetuju dengan cadangan ini, sukalah saya memberi satu preamble, dengan izin, Tuan Pengerusi, di atas prinsip kenapa cadangan ini perlu ditolak.

Pertama, sememangnya setiap Ahli-ahli Dewan yang mulia ini termasuk Ahli Back-benchers Barisan Nasional tegasnya UMNO sendiri, Tuan Pengerusi, kita serius untuk melihat bahawa Kumpulan Wang Amanah Negara ini ditadbir dengan penuh baik, dengan penuh profesional, cuma pihak Pembangkang ada menuduh seolah-olah kita tidak serius. Takrif mereka tidak serius ini selama mana kita tidak bersetuju dengan mereka, tetapi bagi kita, serius.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta bercakap di atas butir-butir pindaan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini pembukaan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh. Jika boleh saya akan benarkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Okay. Saya akan pergi terus.

Tuan Pengerusi: Peraturan Mesyuarat bukan saya yang buat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya pergi terus tentang butir, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat dari Bukit Bintang memberi beberapa hujah. Pertama untuk checks and balances perlunya Ketua Pembangkang berada dalam Penal ini dengan mengatakan checks and balances ini berasaskan kepada prinsip demokrasi.

Saya berpendapat, Tuan Pengerusi, checks and balances ini wujud kepada asas yang telah pun diperuntukkan dan Dewan Parlimen ini pun sudah menjadi satu institusi prinsip demokrasi berparlimen, kalau kita mengerti dalam skop yang lebih luas. Maka sebab itulah apabila Yang Berhormat dari Bukit Bintang mengatakan wujudnya prinsip demokrasi berparlimen ini dengan adanya Ketua Pembangkang ataupun wakilnya dalam Penal ini. Ia tidak semestinya. Sebab, apakah Ketua Pembangkang ataupun wakilnya sahaja melambangkan wakil yang amanah? Apakah orang lain tidak amanah? Tokoh-tokoh lain, calon-calon lain tidak amanah? Saya kira ianya tidak lebih daripada satu cadangan politik. Satu cadangan untuk mencari kesempatan. Sebab mereka tahu usul ini pasti akan ditolak.

Cadangan ini pasti akan ditolak, Tuan Pengerusi, tetapi dikemukakan untuk menggambarkan kepada umum supaya keluar dalam akhbar laporan esok hari bahawasanya, Wah! DAP

cukup mengambil berat tentang amanah ini. Maka yang amanah adalah Ketua Pembangkang semata-mata ataupun wakil dari DAP. Saya tolak dengan keras, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, soal perlunya Ketua Pembangkang ataupun wakilnya berasaskan kononnya DAP mempunyai 24 buah kerusi yang mewakili 45% pengundi, tetapi tidakkah sedar kalau kita hitung jumlah kerusi yang ada dalam Barisan Nasional, kalau dipecahkan mengikut satu wakil 24 buah kerusi, 5 yang dicadangkan dalam Akta ini pun tidak cukup lagi wakil daripada Barisan Nasional ataupun hak untuk dilantik oleh pihak parti pemerintah. Jadi, pada pihak DAP kalau hidung tidak mancung tak usahlah pipi tersorong-sorong. Sebab pada satu masa kita tidak bersetuju dan pada satu masa kita hendak bertenggek bersama. Jadi, atas prinsip itulah Tuan Pengerusi, saya kita wajar bahagian Fasal kecil (4) yang dicadangkan (e) ini ditolak oleh Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Bandar Kuching, selepas ini saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.22 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya menyokong dengan sepenuhnya pindaan yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Saya menyokong bukan sahaja oleh kerana Setiausaha Agung DAP sekarang bertugas sebagai Ketua Pembangkang, tetapi saya menyokong juga sebagai satu sistem sesiapa yang menjadi Ketua Pembangkang, saya pun menyokong usul ini supaya dalam Penal Pelaburan ini ada satu orang yang tidak mempunyai apa-apa personal vested bertugas sebagai

seorang Ahli Penal Pelaburan ini supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat satu alat memelihara dan mempertahankan diri kalau apa-apa salah akan berlaku Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh cakap "Tengok wakil dari pihak Pembangkang pun ada hadir, ini tidak ada apa-apa faktor penyalahgunaan kuasa ataupun kesalahan yang lain". Oleh yang demikian, jikalau Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas jadi Ketua Pembangkang esok dan DAP jadi pemerintah, saya pun menyokong usul ini supaya dia menjadi ahli Penal ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sudah habis? Saya tidak berniat hendak jadi Ketua Pembangkang, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Mas jangan bercakap jikalau tidak ada kebenaran saya. Sila Yang Berhormat.

6.26 ptg.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hairan hari ini terdapat beberapa percanggahan prinsip daripada pihak yang membawa cadangan ini. Pertama, beliau mengatakan bahawa jika sekiranya Menteri, ditujukan kepada seseorang tetapi kalau sekiranya pembangkang—institusi pada Pembangkang. Saya hairan mengapa terdapat sebarang percanggahan prinsip di sini. Jadi. . . .

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat dari Ipoh minta penjelasan! Sila.

Tuan P. Patto: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri menunjukan kata-kata itu kepada saya dan sekiranya ada, saya ingin menjelaskan Tuan Pengerusi sendiri

sudah pun menegur saya dan saya pun sudah menerima teguran itu, tidak payah ulang lagi.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya tidak bertujuan hendak menuju kepada sesiapa, tetapi siapa makan cabai dia rasalah. Minta maaf Tuan Pengerusi, saya tidak bertujuan untuk menimbulkan sesuatu pertengkaran di antara Ahli-ahli dalam Dewan ini, tetapi yang penting di sini ialah perkataan yang kita hendak tambah ialah 4 (2) (e) supaya Ketua Pembangkang menjadi salah seorang daripada Ahli Penal yang dilantik oleh Menteri Kewangan yang telah pun diputuskan. Jadi, saya tidak memahami mengapa tadi membangkang supaya Menteri dimasukkan, sekarang masuk sekali dengan kumpulan yang hendak menjalankan tugas ini. Tetapi yang penting sekali dari keseluruhannya pihak Pembangkang tadi telah membangkang 100% akan kelulusan Akta ini. Sepatutnya mereka patut bertanggungjawab dan Yang Berhormat dari Tanjong telah meminta saya meletakkan jawatan tadi, keluar dari Dewan, menarik balik perkataan itu dan kalau sekiranya beliau bertanggungjawab beliau juga patut menarik diri daripada perbahasan ini pada hari ini kerana pada awal-awal dari segi prinsip mereka tidak setuju dengan Akta ini, mengapa mahu mengambil bahagian pula?

Berbalik kepada perkara yang telah dicadangkan, saya dapati bahawa memadailah dengan ada 5 orang yang telah dilantik, insya Allah dengan petunjuk dari Allah s.w.t. orang-orang yang dilantik ini akan menjalankan amanah mereka, sebab perkataan yang digunakan ialah "pemegang-pemegang amanah", jadi memegang kepada prinsip Yang Berhormat yang menyarankan tadi bahawa, nama Ketua Pembangkang itu adalah satu institusi, maka bercanggah sekalilah

dengan prinsip yang dipegang mengenai dengan Akta ini seluruhnya. Saya kurang faham, jadi oleh kerana itu maka memadailah Akta ini 4 (2) (a), (b), (c), (d)—cukup, (e) tidak perlu ditambah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan dengan memasukkan Fasal kecil baru 4 (2) (e) dalam Fasal 4 (2) seperti berikut:

“Ketua Pembangkang atau wakilnya”, hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi ada mengatakan bahawa kalau hendak bahas lain-lain bahagian itu kemudian boleh. Jadi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Fasal 4 sudah habis.

Tuan P. Patto: Tadi apabila saya hendak bahaskan bahagian lain, Tuan Pengerusi kata, “cuma boleh tuju kepada pindaan sahaja dan bukan kepada bahagian-bahagian lain”. Dan Fasal 4 itu mempunyai 1, 2, 3, 4, 5 fasal kecil. Itu saya tanya dan Tuan Pengerusi tadi ada mengatakan bahawa, “boleh selepas pindaan itu diputuskan”.

Tuan Pengerusi: Ya! Yang Berhormat, saya silap. Saya kata tadi ialah 4 (2) menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang, Yang Berhormat hendak membahaskan 4 (3), 4 (4), 4 (5), 4 (6) sila!

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya ingin menanyakan Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi pihak Kerajaan memberi satu jaminan bahawa dalam membuat perlantikan di bawah Fasal 4 (2), pihak yang diberi kuasa untuk melantik tidak akan menyalahgunakan kuasa untuk melantik tiga orang itu daripada golongan-golongan yang rapat dengan Kerajaan ataupun dengan perseorangan itu dan bolehkah beliau memberi satu jaminan bahawa.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat saya minta maaf, yang itu telah pun dibincangkan dan tidak boleh diungkit-ungkit semula.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, tadi apa yang dibincang adalah menggantikan perkataan “Menteri” dengan “Parlimen”.

Tuan Pengerusi: Ya, tetapi ada.

Tuan P. Patto: Tetapi saya sekarang ini oleh kerana sudah pun dilulus diminta satu jaminan bahawa itu tidak akan berlalu. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Tetapi dalam ucapan-ucapan tadi perkara ini telah pun dibangkitkan. (*Tepuk*)

Tuan P. Patto: Jawapan belum lagi—jaminan belum lagi.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, dalam ucapan golongan saya tadi pun saya sudah sebut dengan nyata, saya ingat kurang faham Yang Berhormat dari Ipoh.

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya ini kalau cakap Bahasa Malaysia itu bukanlah pandai, tetapi percakapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu saya fahamlah.

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan P. Patto: Terima kasih.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:
Sama-sama.

Tuan Pengerusi: Sudah cukuplah
Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Dan Fasal 4
(4).

Tuan Pengerusi: Ya. 4 (4)—boleh.

Tuan P. Patto: Di sini ada sebut
Tuan Pengerusi, bahawa apa-apa
elaun termasuk elaun perjalanan,
elaun sara hidup dan sebagainya yang
ditentukan oleh Menteri dari semasa
ke semasa akan dibayar kepada ahli-
ahli panel. Jadi, saya bukan
membangkang oleh kerana dalam
perjalanan dan kerja-kerja mereka
perlulah bayaran elaun ini dibuat dan
Menteri dipertanggungjawabkan
untuk berbuat demikian.

Apa yang saya ingin menanyakan
Yang Berhormat Timbalan Menteri,
ialah mengapakah dalam Fasal ini
tidak disebut apakah tempoh
perlantikan seseorang itu. Di dalam
Penal ini ada 5 orang ahli, sama ada
ahli-ahli ini adalah ahli-ahli yang
dilantik untuk seumur hidup ataupun

perlantikan ini adalah untuk setahun
sahaja, yang akan dikaji semula
setahun ke setahun ataupun ia
mengikut kehendak ataupun mengikut
fikiran Menteri Kewangan dari semasa
ke semasa, ertinya kalaulah seorang
Pengerusi dilantik minggu ini dan
kalau sekiranya ada berlaku satu-satu
di mana Menteri Kewangan tidak
begitu senang hati, maka pada bulan
depan ia akan digantikan oleh orang
yang lain. Begitu juga dengan dua
orang kakitangan Kerajaan oleh
kerana seorang pegawai Kementerian
Kewangan dan seorang pegawai dari
Jabatan Perdana Menteri,
apakah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat,
masa sudah cukup, bolehkah Yang
Berhormat sambung esok?

Tuan P. Patto: Boleh, terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli
Yang Berhormat, mesyuarat
ditangguhkan sekarang sehingga pukul
2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul
6.30 petang.*